

**Cagamas Holdings Berhad**

No. Pendaftaran 200701004048 (762047-P)

Aras 32, The Gardens North Tower, Mid Valley City,  
Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur,  
Malaysia.

TEL : +603-2262 1800

FAKS : +603-2282 9125

E-MEL : [info@cagamas.com.my](mailto:info@cagamas.com.my)

LAMAN WEB : [www.cagamas.com.my](http://www.cagamas.com.my)

20  
24  
LAPORAN  
TAHUNAN

## TINJAUAN

- 02 Tinjauan Keseluruhan Cagamas
  - Visi Kami | Misi Kami | Nilai Teras Kami
  - Siapa Kami
- 04 Cagamas Berhad Dan Syarikat-Syarikat Subsidiari Lain
- 06 SOROTAN UTAMA 2024
  - Sorotan Kewangan
  - Sorotan Perniagaan
  - Sorotan Kemampanan
  - Anugerah dan Pengiktirafan
  - Perikatan Strategik dan Penarafan Kredit Kami
- 10 Perniagaan Kami: Segmen Perniagaan Teras
  - Peruntukan Kecairan dan Pensekuritian
  - Program Jaminan Gadai Janji
  - Program Gadai Janji Berbalik
  - Perbendaharaan dan Pengumpulan Dana
- 12 Peristiwa Dan Pencapaian Utama: 1987-2024
- 14 Struktur Korporat Kumpulan



Anugerah Pasaran Bon BPAM 2024

## 37

## LAPORAN KEMAMPAKAN

## PERUTUSAN Pengerusi

- 15 Perutusan Pengerusi

## PENCIPTAAN NILAI

- 16 Imperatif Perniagaan Kami

## PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

### A. ULASAN STRATEGIK

- 18 Tinjauan dan Unjuran Ekonomi

### B. ULASAN PERNIAGAAN

- 22 Peruntukan Kecairan dan Pensekuritian
- 24 Program Jaminan Gadai Janji
- 25 Program Gadai Janji Berbalik
- 26 Terbitan Dan Pengumpulan Dana
- 32 Risiko Utama Dan Langkah Mitigasi

### C. PERFORMANCE REVIEW

- 35 Ringkasan Kewangan Lima Tahun
- 36 Sorotan Kewangan Lima Tahun

## 86

## PENYATA KEWANGAN

This annual report is available at  
<https://ar.cagamas.com.my>








Majlis Pecah Tanah untuk Bandar Mini PR1MA, Teluk Intan



Lawatan oleh delegasi dari PT Sarana Multigriya Finansial (Persero), Indonesia



Lawatan oleh delegasi dari Kenya Mortgage Refinance Company

## LAPORAN KEMAMPAHAN

- 37** Bahagian 01
- Pelaporan Kemampanan Korporat
  - Tadbir Urus Kemampanan
  - Strategi Kemampanan
  - Sumbangan Kepada Matlamat Pembangunan Mampan
  - Prinsip 1: Mempromosikan Pemilikan Rumah Yang Mampan
  - Prinsip 2: Majikan Pilihan
  - Prinsip 3: Impak Kemasyarakatan Yang Positif
  - Prinsip 4: Impak Persekitaran Yang Positif
- 46** Bahagian 02
- Laporan Kemajuan Kemampanan Tahunan

## KEPIMPINAN

- 48** Maklumat Korporat
- 48** Komposisi Lembaga Pengarah
- 49** Profil Lembaga Pengarah (Cagamas Holdings Berhad)
- 58** Profil Lembaga Pengarah (Cagamas Berhad)
- 65** Kumpulan Pengurusan
- 66** Struktur Organisasi

## TADBIR URUS KITA

- 68** Penyata Tadbir Urus Korporat
- 77** Lembaga Pengarah Dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah
- 78** Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga
- 82** Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalam

## PENYATA KEWANGAN

- 88** Penyata Kewangan
- 235** Pendedahan Tunggak 3

## MAKLUMAT LAIN

- 258** Pemegang Syer
- 260** Maklumat Perangkaan
- 266** Notis Mesyuarat Agung Tahunan
- Borang Proksi

# TINJAUAN KESELURUHAN CAGAMAS



## VISI KAMI

Untuk menggalakkan **pemilikan rumah** dan menyumbang kepada **pembangunan negara**



## MISI KAMI

- Menyokong inisiatif kerajaan bagi pemilikan rumah
- Menyediakan kecairan kepada sektor kewangan sebagai perbadanan gadai janji sekunder
- Menyumbang kepada pertumbuhan pasaran modal, kewangan Islam dan lain-lain sektor keutamaan melalui penerbitan instrumen inovatif
- Menawarkan penyelesaian pengurusan risiko dan modal yang disesuaikan dengan objektif syarikat
- Menerapkan budaya yang menggerakkan inisiatif yang mampan
- Menggalakkan profesionalisme, integriti dan tadbir urus korporat yang baik



## NILAI TERAS KAMI

**C.A.R.E.:** Nilai yang mencerminkan identiti kami



KAMI sentiasa memperkukuh KERJASAMA (**COLLABORATION**) dengan pihak dalaman dan luaran dalam usaha mencapai objektif bersama



KAMI menjunjung tinggi KEBERTANGGUNGJAWABAN (**ACCOUNTABILITY**) dengan komitmen penuh serta dedikasi dalam setiap tindakan yang diambil



KAMI membina DAYA TAHAN (**RESILIENCE**) organisasi untuk keupayaan menyesuaikan diri dan berkembang maju dalam menghadapi cabaran, perubahan, dan persekitaran yang semakin kompleks



KAMI mengamalkan standard integriti, etika dan profesionalisme yang tinggi, melebihi jangkaan kami sendiri, untuk mencapai KECEMERLANGAN (**EXCELLENCE**) dalam setiap aspek operasi

Di Cagamas, kami menghargai semangat Kerjasama (**Collaboration**) dan Kebertanggungjawaban (**Accountability**) sebagai asas utama dalam membina Daya Tahan (**Resilience**) organisasi, sekali gus memacu Kecemerlangan (**Excellence**) dalam setiap aspek operasi dan perkhidmatan kami.



## TINJAUAN KESELURUHAN CAGAMAS

### SIAPA KAMI

#### Mengenai Cagamas Holdings Berhad

Diperbadankan pada tahun 2007, Cagamas Holdings Berhad ialah syarikat induk kepada Cagamas Berhad, Cagamas MBS Berhad, Cagamas SME Berhad, BNM Sukuk Berhad, Cagamas SRP Berhad, dan Cagamas MGP Berhad.

Anak syarikat milik sepenuhnya, Cagamas Berhad ("Cagamas"), yang juga dikenali sebagai Perbadanan Cagaran Malaysia, telah ditubuhkan pada 1986 dengan matlamat untuk menggalakkan pemilikan rumah dan menyumbang kepada pembangunan negara. Cagamas memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan pasaran modal, kewangan Islam, dan sektor keutamaan lain melalui penerbitan instrumen kewangan yang inovatif. Melalui penyediaan mudah tunai pada kos yang kompetitif kepada institusi kewangan, Cagamas membantu memperluaskan akses pembiayaan perumahan dengan kadar yang lebih berpatutan. Selain itu, Cagamas MBS Berhad ialah sebuah kenderaan tujuan khas yang ditubuhkan untuk memudahkan transaksi pensekuritan bersandarkan aset. Cagamas SRP Berhad pula menyediakan jaminan gadai janji kepada pemberi pinjaman utama.



Hasil  
**RM2.4**  
bilion

Dana Pemegang  
Syer  
**RM7.5**  
bilion

Jumlah Aset  
**RM54.1**  
bilion

Model operasi Cagamas diiktiraf oleh Bank Dunia sebagai salah satu kemudahan mudah tunai gadai janji sekunder yang paling berjaya di peringkat global. Sebagai penerbit instrumen hutang kedua terbesar selepas Kerajaan Malaysia, Cagamas turut memegang kedudukan sebagai penerbit bon korporat dan sukuk bertaraf AAA terbesar dalam pasaran. Sejak diperbadankan pada tahun 1986 hingga penghujung tahun 2024, Kumpulan telah memperoleh dana secara kumulatif berjumlah RM445.1 bilion, yang merangkumi bon konvensional, sukuk dan instrumen pasaran wang, termasuk terbitan mata wang asing bersamaan RM22.5 bilion Ringgit, dan Sekuriti Bersandarkan Gadai Janji Kediaman berjumlah RM10.2 bilion.

Bon dan sukuk korporat Cagamas terus mengekalkan penarafan tertinggi dalam pasaran, AAA/Stabil/P1 oleh RAM Rating Services Berhad ("RAM"), dan AAA/MARC-1 dan AAA<sub>IS</sub>/MARC-1<sub>IS</sub> oleh Malaysian Rating Corporation Berhad ("MARC"), mencerminkan kualiti kredit yang kukuh. Di peringkat antarabangsa, Cagamas turut diiktiraf sebagai penerbit bereputasi tinggi. Kumpulan telah diperi penarafan penerbit jangka panjang dalam mata wang tempatan dan asing A3 oleh Moody's Investors Service, sejajar dengan penarafan kedaulatan Malaysia. Selain itu, terbitan oleh CMBS terus menerima penarafan AAA/Stabil oleh RAM dan MARC, mencerminkan kualiti unggul aset-aset pendasar.

# CAGAMAS BERHAD DAN SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI LAIN

## CAGAMAS BERHAD

Cagamas Berhad ("Cagamas"), yang juga dikenali sebagai Perbadanan Cagaran Malaysia, telah ditubuhkan pada 1986 dengan matlamat untuk menggalakkan pemilikan rumah dan menyumbang kepada pembangunan negara. Cagamas memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan pasaran modal, kewangan Islam, dan sektor keutamaan lain melalui penerbitan instrumen kewangan yang inovatif. Melalui penyediaan mudah tunai pada kos yang kompetitif kepada institusi kewangan, Cagamas membantu memperluaskan akses pembiayaan perumahan dengan kadar yang lebih berpatutan.

Model operasi Cagamas diiktiraf oleh Bank Dunia sebagai salah satu kemudahan mudah tunai gadai janji sekunder yang paling berjaya di peringkat global. Sebagai penerbit instrumen hutang kedua terbesar selepas Kerajaan Malaysia, Cagamas turut memegang kedudukan sebagai penerbit bon korporat dan sukuk bertaraf AAA terbesar dalam pasaran. Sejak diperbadankan pada tahun 1986, Cagamas telah memperoleh dana secara kumulatif berjumlah RM434 bilion (sehingga 31 Disember 2024) bagi bon korporat dan sukuk serta saluran pembiayaan lain, termasuk terbitan oleh anak syarikat milik penuhnya, Cagamas Global P.L.C. ("CGP") dan Cagamas Global Sukuk Berhad ("CGS"), yang dijamin oleh Cagamas. CGP diperbadankan pada 4 April 2014 di Labuan sebagai sebuah syarikat yang bertujuan untuk mengumpul dana secara konvensional dengan menerbitkan nota dalam mata wang asing manakala CGS diperbadankan pada 5 Mei 2014 sebagai syarikat yang bertujuan untuk mengumpul dana secara Islam dengan menerbitkan sukuk dalam mata wang asing.

Bon dan sukuk korporat Cagamas terus mengekalkan penarafan tertinggi dalam pasaran, AAA/Stabil/P1 oleh RAM Rating Services Berhad, dan AAA/MARC-1 dan AAA<sub>IS</sub> /MARC-1<sub>IS</sub> oleh Malaysian Rating Corporation Berhad, mencerminkan kualiti kredit yang kukuh. Di peringkat antarabangsa, Cagamas turut diiktiraf sebagai penerbit bereputasi tinggi. Cagamas telah diperi penarafan penerbit jangka panjang dalam mata wang tempatan dan asing A3 oleh Moody's Investors Service, sejajar dengan penarafan kedaulatan Malaysia.

## CAGAMAS MBS BERHAD

Cagamas MBS Berhad telah diperbadankan pada 8 Jun 2004 bagi tujuan menjalankan pembelian aset gadai janji dan aset gadai janji Islam daripada Kerajaan dan terbitan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman dan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman Islam untuk membiayai pembelian tersebut.

## CAGAMAS SRP BERHAD

Cagamas SRP Berhad ("Cagamas SRP") telah diperbadankan pada 7 Januari 2011 untuk melaksanakan jaminan gadai janji kediaman di bawah Skim Rumah Pertamaku – (*My First Home Scheme*) yang diumumkan oleh Kerajaan dalam Belanjawan Malaysia 2011 dan Skim Perumahan Belia – (*Youth Housing Scheme*) yang diumumkan oleh Kerajaan pada 1 Oktober 2015. Berkuatkuasa 1 Oktober 2014, perniagaan program jaminan gadai janji telah dipindahkan daripada Cagamas MGP Berhad, dan terus dibangunkan oleh Cagamas SRP.



## CAGAMAS BERHAD DAN *(sambungan)*

### BNM SUKUK BERHAD

BNM Sukuk Berhad ("BNM Sukuk") telah diperbadankan pada 18 Januari 2006 bagi tujuan melaksanakan penerbitan sekuriti pelaburan Islam seperti Sukuk BNM Ijarah ("SBI") dan Sukuk BNM Murabahah ("SBM") berdasarkan prinsip Syariah. Penerbitan SBI adalah untuk membiayai pembelian aset daripada Bank Negara Malaysia ("BNM") dan kemudian memajakkannya kepada BNM untuk tempoh tertentu. Penerbitan SBM adalah untuk membolehkan BNM menguruskan mudah tunai melalui dagangan komoditi berdasarkan prinsip Murabahah.

BNM Sukuk kekal dormant sejak 1 September 2015.

### CAGAMAS SME BERHAD

Cagamas SME Berhad ("CSME") telah diperbadankan pada 17 Februari 2006 untuk melaksanakan pembelian pinjaman Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan menjalankan urusan niaga produk berstruktur secara pensekuritian tunai atau sintetik atau gabungan kedua-duanya, melalui penerbitan bon untuk membiayai pembelian tersebut.

CSME kekal dormant sejak 10 Oktober 2012.

### CAGAMAS MGP BERHAD

Cagamas MGP Berhad ("CMGP") telah diperbadankan pada 14 April 2008 untuk membangunkan perniagaan jaminan gadai janji. Berkuatkuasa dari 20 Disember 2012, CMGP menjadi anak syarikat milik penuh Cagamas Holdings Berhad ("Syarikat") dan bertujuan untuk melengkapkan aktiviti lain dan inisiatif pembangunan Syarikat.

CMGP kekal dormant sejak 1 Januari 2014.

# SOROTAN UTAMA 2024

## Sorotan Kewangan



JUMLAH HASIL  
**RM2.4** billion  
(2023: RM2.3 bilion)



UNTUNG SEBELUM CUKAI  
**RM477.7** juta  
(2023: RM447.8 juta)



UNTUNG BERSIH TAHUNAN  
**RM364.2** juta  
(2023: RM330.1 juta)

## Sorotan Perniagaan

Merekodkan Pembelian dengan Rekursa ("PWR") sebanyak RM13.0 bilion, menunjukkan **permintaan berterusan daripada institusi kewangan ke atas perkhidmatan peruntukan kecairan Cagamas**

Skim baharu, **Program Jaminan Gadai Janji Rumah Pertama (First Home Mortgage Guarantee Programme, "FHMGP")**, dilancarkan pada tahun 2024 telah merekodkan **penyertaan lapan (8) bank**, dan **28 permohonan telah diluluskan dengan nilai pembiayaan sebanyak RM11.2 juta**



## Sorotan Kemampuan

**Terus memudahkan pemilikan rumah bagi lebih ramai rakyat Malaysia** melalui pembelian pembiayaan rumah yang dibeli secara kumulatif di pasaran sekunder berjumlah RM226.3 bilion, bersamaan dengan 2.2 juta rumah, sejak ditubuhkan pada tahun 1986

**Lebih daripada 100,000 individu/isi rumah mendapat manfaat untuk memiliki rumah pertama mereka** melalui FHMGP, Skim Rumah Pertamaku (*My First Home Scheme*) dan Skim Perumahan Belia (*My Youth Housing Scheme*) sejak 2011; di mana **91.0% daripadanya adalah daripada segmen B40**

**Memberi impak kepada hampir 30,000 penerima pada tahun 2024** melalui Program Zakat Wakalah Korporat dan inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat



SOROTAN UTAMA 2024 *(sambungan)*

PENDAPATAN ASAS  
SEUNIT SAHAM (SEN)  
**RM242.8** sen  
(2023: RM220.1 sen)



JUMLAH ASET  
**RM54.1** billion  
(2023: RM57.8 billion)



JUMLAH EKUITI  
**RM7.5** billion  
(2023: RM7.1 billion)

55 pinjaman Skim Saraan Bercagar (SSB) & Skim Saraan Bercagar Islamik (SSB-i) telah diluluskan secara kumulatif untuk pemilik rumah warga emas dengan kadar kelulusan melebihi 50%, **meluaskan penyediaan kecairan dalam seluruh spektrum pembiayaan perumahan termasuk untuk pemilik rumah**



**Cagamas kekal di antara penerbit bon terbesar dalam tempoh lima tahun terakhir**, mengumpul dana berjumlah RM21.3 bilion pada tahun 2024

**Menduduki tempat kedua (2023: ketiga)** dengan jumlah dagangan keseluruhan sebanyak RM11.7 bilion, menguasai 6.5% bahagian pasaran **sebagai salah satu bon dan sukuk korporat tempatan yang paling didagangkan pada 2024**

Membeli RM150 juta penerimaan sewa beli industri tanpa pelepasan karbon melalui PWR, **memberi manfaat kepada 511 Perusahaan Kecil dan Sederhana ("PKS")**

Sebanyak RM1.2 bilion dana hijau, sosial dan mampan telah diterbitkan dan dikumpulkan **bagi tujuan pembelian pinjaman dan pembiayaan untuk perumahan mampu milik, penajaan pekerjaan, serta tenaga boleh diperbaharui**

Memasuki perjanjian Pembelian Semula Sosial 3-bulan pertama bernilai RM50 juta dengan sebuah institusi kewangan tempatan untuk membeli pinjaman PKS, **menonjolkan dedikasi Cagamas terhadap pembiayaan mampan**



Menerbitkan sukuk berstatus Sukuk SRI Sosial ASEAN bernilai RM145 juta setiap satu bagi Kertas Komersial Islamik pertama Cagamas bagi tempoh 3-bulan dan 6-bulan, **mencerminkan komitmen yang kukuh dalam menyediakan pilihan pelaburan yang bertanggungjawab secara sosial**



## SOROTAN UTAMA 2024 (sambungan)

## Anugerah dan Pengiktirafan

ANUGERAH PASARAN BON BPAM 2024  
(BPAM BOND MARKET AWARDS 2024)

- Jumlah Dagangan Teratas – Konvensional

- Penerbitan Teratas – Konvensional

- Penerbitan Teratas – Keseluruhan

- Penerbit Terbaik bagi Kewangan Mampan (Malaysia)

- 25 Tahun di Pasaran Kewangan Asia – Penerbit Terbaik (Malaysia)

ANUGERAH KEWANGAN MAMPAN  
TRIPLE A THE ASSET 2024  
(THE ASSET TRIPLE A SUSTAINABLE FINANCE AWARDS 2024)

## SOROTAN UTAMA 2024 (sambungan)

## Perikatan Strategik dan Penarafan Kredit Kami

## PERSATUAN-PERSATUAN PASARAN GADAI JANJI SEKUNDER

Cagamas adalah satu anggota pengasas Persatuan Pasaran Gadai Janji Sekunder Antarabangsa (*International Secondary Mortgage Market Association*, "ISMMA") dan Persatuan Pasaran Gadai Janji Sekunder Asia (*Asian Secondary Mortgage Market Association*, "ASMMA"), yang bermatlamat untuk mengukuhkan kerjasama serantau dan antarabangsa bagi memupuk perbincangan antara syarikat-syarikat pasaran gadai janji sekunder.



Cagamas telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan syarikat-syarikat pasaran gadai janji sekunder berikut:



## PENARAFAN KREDIT



# PERNIAGAAN KAMI

## Segmen Perniagaan Teras

### Peruntukan Kecairan dan Pensekuritian

#### Pembelian dengan Rekursa

Cagamas membeli portfolio pinjaman dan pembiayaan yang layak daripada institusi kewangan dan syarikat terpilih secara rekursa, untuk memberikan kecairan kepada institusi kewangan yang memerlukan untuk memenuhi pematuhan peraturan.

**11.7%**

daripada  
keuntungan operasi

**69.3%**

daripada  
jumlah aset

#### Pembelian tanpa Rekursa

Cagamas membeli dan menanggung semua risiko kredit portfolio pinjaman dan pembiayaan yang layak secara tanpa rekursa daripada institusi penjual yang ingin membebaskan modal bagi mengimbangi risiko dari portfolionya.

**35.3%**

daripada  
keuntungan operasi

**12.8%**

daripada  
jumlah aset

#### Penyelesaian Pengurusan Modal

Produk ini memberi sokongan modal Tahap-2 kepada institusi kewangan dan institusi kewangan pembangunan dengan menyediakan pembiayaan tanpa cagaran untuk jangka panjang melalui pembelian terbitan hutang subordinat oleh institusi kewangan.

**1.8%**

daripada  
keuntungan operasi

**4.2%**

daripada  
jumlah aset

### Program Jaminan Gadai Janji

### Program Gadai Janji Berbalik



## PERNIAGAAN KAMI *(sambungan)*

### Segmen Perniagaan Teras

#### Program Jaminan Gadai Janji

Program ini menawarkan perlindungan “kerugian pertama” pada portfolio gadai janji manakala aset gadai janji kekal pada kunci kira-kira bank. Program ini membantu bank membebaskan modal dan mengimbangkan semula risiko.

**6.9%**  
daripada  
keuntungan operasi

**0.7%**  
daripada  
jumlah liabiliti

#### Program Gadai Janji Berbalik

Program ini membolehkan pemilik rumah warga emas menukar ekuiti rumah mereka untuk mendapatkan aliran pendapatan bulanan tetap sebagai salah satu jaminan sosial kepada pemilik rumah warga emas untuk persaraan.

**0.04%**  
daripada  
keuntungan operasi

**0.01%**  
daripada  
jumlah aset

## ▶ Perbendaharaan dan Pengumpulan Dana

#### Pelaburan

Cagamas mengurus dan melabur lebih aliran tunai dalam aktiviti berkaitan perbendaharaan yang diluluskan untuk meraih faedah dan keuntungan daripada peningkatan nilai pelaburan.

**45.8%**  
daripada  
keuntungan operasi

**13.5%**  
daripada  
jumlah aset

#### Terbitan & Pengumpulan Dana

Cagamas menerbitkan bon, sukuk dan sekuriti gadai janji perumahan, termasuk bon dan sukuk hijau, sosial dan mampan untuk membiayai pembelian gadai janji perumahan dan penghutang pengguna lain untuk pinjaman konvensional dan pembiayaan Islam.

**96.3%**  
daripada jumlah liabiliti




# PERISTIWA DAN PENCAPAIAN UTAMA: 1987-2024



## PERISTIWA DAN PENCAPAIAN UTAMA: 1987-2024 (sambungan)



# STRUKTUR KORPORAT KUMPULAN





# PERUTUSAN Pengerusi

## Para Pemegang Syer,

Pada tahun 2024, Kumpulan Syarikat Cagamas ("Kumpulan") telah berjaya menempuh landskap ekonomi yang dinamik, dipengaruhi oleh pelarasan dasar monetari global, tekanan inflasi dan ketidaktentuan geopolitik. Kumpulan terus menumpukan usaha memastikan prestasi kewangan yang stabil, menyokong mudah tunai pasaran, serta memperkukuh peranan kami sebagai pamacu utama pembiayaan rumah yang mampan.

Prestasi Kumpulan pada tahun 2024 menggambarkan hasil awal pelan strategik Rumah Masa Depan Cagamas (*House of the Future*, "HOF") yang bertempoh 5 tahun, menunjukkan disiplin kami dalam pengurusan mudah tunai, penentuan harga strategik dan pengurusan keadaan pasaran yang proaktif. Keuntungan sebelum cukai kami telah meningkat kepada RM477.7 juta yang meneruskan tren kewangan positif kami sejak tahun 2021, dengan mencatatkan peningkatan dalam kebanyakan penunjuk kewangan utama. Kejayaan ini disokong oleh sumbangan daripada Cagamas Berhad, Cagamas MBS Berhad, dan Cagamas SRP Berhad. Nisbah Jumlah Modal (*Total Capital Ratio*, TCR) kekal teguh, meningkat kepada 50.5% daripada 43.1% pada tahun 2023, menunjukkan kecukupan modal yang dipertingkatkan dan kedudukan kredit yang mantap.

Kumpulan terus menyediakan sokongan mudah tunai kepada institusi-institusi kewangan dengan jumlah pemerolehan sebanyak RM13.0 bilion di bawah pemiagaan Pembelian dengan Rekurs (Purchase with Recourse, "PWR"), bagi memastikan institusi-institusi kewangan terus mendapat akses kepada saluran pembiayaan yang stabil, sambil mengekalkan hubungan rapat dengan para peserta pasaran. Selain itu, kami memperoleh RM3.5 bilion dalam aset PWR mampan setakat ini, yang sejajar dengan matlamat kami untuk memastikan 10% daripada jumlah aset adalah mampan dan hijau menjelang 2030. Ini memperkukuhkan komitmen kami terhadap integrasi Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (*Environmental, Social, and Governance*, "ESG"). Pencapaian ini menyokong strategi pertumbuhan perniagaan jangka panjang kami, berasaskan rangka kerja Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalam (Internal Capital Adequacy Assessment Process, ICAAP) yang teguh bagi memastikan pendekatan lestari dalam mengimbangi pertumbuhan aset sambil mengekalkan rizab dan parameter risiko yang mencukupi.

Strategi pembiayaan Cagamas terus sejajar dengan permintaan pelabur dan tren pasaran modal. Kami telah berjaya meraih RM21.3 bilion melalui penerbitan bon, sukuk dan instrumen

pasaran wang. Ini telah memperkukuh kedudukan pasaran kami sebagai penerbit korporat terkemuka pada tahun 2024. Inisiatif-inisiatif utama merangkumi Perjanjian Belian Balik Sosial RM50 juta, yang menyediakan pembiayaan penting kepada perusahaan kecil dan sederhana ("PKS"), serta RM290 juta dalam sekuriti hutang Islam jangka pendek yang bersifat sosial. Secara dalaman, kami telah mula meneliti terbitan pada tarikh kalendar tertentu. Langkah ini membolehkan kami menganalisis dinamik pasaran dan menilai impaknya terhadap aliran tunai, sebelum beralih kepada kalendar terbitan yang diumumkan lebih awal menjelang tahun 2026. Inisiatif ini mencerminkan keupayaan kami mengemudi pasaran modal secara efektif sambil memperkukuh kedudukan kami sebagai peneraju utama dalam pembiayaan perumahan.

Momentum positif daripada HOF mewujudkan asas kepada pertumbuhan yang mampan, dipacu oleh fokus yang jelas untuk memperkukuh keuntungan, memperluas penawaran produk dan meningkatkan jangkauan pasaran. Kumpulan kekal komited untuk memperkukuh kedudukan kewangan serta terus memantapkan keupayaan pengurusan risiko bagi mengoptimumkan prestasi portfolio dan memacu penciptaan nilai untuk pihak berkepentingan.

### Menerajui ESG dalam Pembiayaan Perumahan: Memperluas Impak

ESG kini menjadi teras strategi perniagaan Kumpulan, memastikan kemampanan kewangan sambil menyelaraskan matlamat iklim Malaysia serta komitmen global yang lebih luas. Melalui rangka kerja kemampanannya, Cagamas secara aktif mengintegrasikan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*, SDG) utama ke dalam operasi, sekali gus menyokong objektif kemampanan negara dan memperkukuh keupayaan Kumpulan dalam menyediakan pembiayaan yang sejajar dengan prinsip ESG.

Pada tahun 2024, Cagamas memperkukuh kedudukannya sebagai peneraju dalam kewangan mampan dengan menerbitkan bon dan sukuk hijau serta berkaitan kemampanan berjumlah RM1.2 bilion, sekali gus

mencerminkan permintaan pelabur yang tinggi. Kumpulan menasaskan 10% daripada jumlah asetnya menjadi aset lestari, hijau atau berkaitan ESG menjelang tahun 2030, dengan mengintegrasikan ESG ke dalam produk kewangan, pengurusan risiko dan aktiviti pasaran modal, serta meluaskan akses kepada penyelesaian perumahan hijau dan mampu milik.

Kumpulan terus memperluas komitmennya dengan meningkatkan produk mudah tunai dan perkhidmatan jaminan untuk menyokong pinjaman mampan dan pembiayaan rumah hijau mampu milik. Antara inovasi yang dirancang termasuklah tawaran gadai janji terbalik, pilihan pembiayaan untuk pilihan pembiayaan untuk PKS, program jaminan untuk pengubahsuaian cekap tenaga, serta program pembiayaan kadar tetap. Kumpulan juga menasaskan untuk membangunkan piawaian perumahan hijau dengan kerjasama pihak berkepentingan industri bagi meningkatkan penerapan ESG, mempertingkat pengurusan risiko, serta menarik lebih ramai pelabur ESG.

Kumpulan juga akan memberi tumpuan untuk mengukuhkan perkongsian global dan serantaunya dalam kewangan mampan melalui kolaborasi dengan pihak pengawal selia, institusi-institusi kewangan, pemaju hartanah, organisasi supranasional dan persatuan-persatuan pasaran gadai janji sekunder. Kerjasama ini menyediakan landasan bagi Cagamas untuk bekerjasama rapat dengan rakan serantau dalam pembiayaan perumahan, sekali gus menyokong pertumbuhan industri kewangan perumahan di Malaysia dan di peringkat antarabangsa.

Dalam perjalanan Kumpulan ke hadapan, tumpuan masih diberi kepada mengekalkan kekuatan kewangan, meningkatkan penerapan ESG, serta mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju dalam ekosistem kewangan perumahan Malaysia.

Saya ingin menyampaikan penghargaan saya kepada pihak berkepentingan, para pelabur dan rakan kongsi perniagaan kami atas keyakinan berterusan yang diberikan terhadap Kumpulan. Sambil kami melangkah ke fasa baharu ini, kami terus beriltizam untuk memimpin dengan hala tuju, tindakan serta matlamat yang jelas, bagi memastikan pembiayaan rumah yang mampan menjadi penanda aras industri.



**Dato' Bakarudin Ishak**  
Pengerusi

# IMPERATIF PERNIAGAAN KAMI

## MODAL KAMI



### MODAL KEWANGAN

Bagi menggalakkan pemilikan rumah melalui penyediaan kecairan kepada institusi kewangan, perniagaan dan operasi kami disokong oleh:

- Dana pemegang saham sebanyak RM7.5 bilion dan modal kukuh dengan Nisbah Modal Keseluruhan Kumpulan sebanyak 50.5%.
- Kekuatan kredit dengan penarafan global A3 oleh Moody's serta penarafan tempatan AAA oleh RAM Ratings dan MARC Ratings, membolehkan akses kepada sumber pembiayaan pada kadar yang kompetitif.



### MODAL INSAN

112 kakitangan kami adalah nadi kepada organisasi kami. Kami mengutamakan perkembangan mereka melalui pembelajaran dan pembangunan, serta mewujudkan persekitaran positif untuk mendorong mereka ke arah kecemerlangan berlandaskan Nilai Teras kami iaitu Kerjasama, Kebertanggungjawaban, Daya Tahan dan Kecemerlangan (*Collaboration, Accountability, Resilience and Excellence, "C.A.R.E."*)



### MODAL SOSIAL & HUBUNGAN

Kami sentiasa memperkukuh hubungan dengan pihak berkepentingan untuk memenuhi mandat dan memperkasa komuniti dalam membina impak sosial jangka panjang melalui:

- Sumbangan sebanyak RM1.7 juta untuk inisiatif yang melibatkan komuniti.
- Meluaskan akses kepada penyelesaian pembiayaan perumahan melalui program jaminan gadai janji inklusif dan program gadai janji berbalik.
- Libat urus secara strategik dengan pembuat dasar, pengawal selia, dan ahli-ahli persatuan pasaran gadai janji sekunder global.



### MODAL SEMULA JADI

Strategi Kemampunan Cagamas menjadi panduan dalam peralihan ke arah pelepasan sifar bersih:

- Inisiatif Pembiayaan Perumahan Hijau dan Mampu Milik, termasuk penerbitan bono hijau dan sukuk untuk membiayai pembelian pinjaman dan pembiayaan rumah hijau.
- Inisiatif kecekapan tenaga bagi mengurangkan jejak alam sekitar dan pelan peralihan ke arah sifar bersih dalam pelepasan gas rumah hijau.



### MODAL INTELEK

Modal intelek kami merangkumi nilai, prinsip, dan piawai yang mendorong tingkah laku kami serta berkait rapat dengan penjenamaan dan kredibiliti kami. Ini dibangunkan melalui:

- Amalan pengurusan risiko yang mantap untuk mencapai pulangan optimum sambil beroperasi dalam persekitaran perniagaan yang kukuh.
- Strategi digital untuk memodenkan infrastruktur, mendigitalkan perjalanan produk, meningkatkan keselamatan siber, dan mencapai kecekapan kos bagi memastikan kemampunan perniagaan jangka panjang.

## AKTIVITI PERNIAGAAN KAMI

## PERNIAGAAN KAMI



Peruntukan Kecairan dan Pensekuritan



Perbendaharaan dan Pengumpulan Dana



Program Jaminan Gadai Janji



Program Gadai Janji Berbalik

## PRINSIP KEMAMPANAN KAMI



Mempromosikan Pemilikan Perumahan yang Mampan



Majikan Pilihan




Impak Kemasyarakatan yang Positif



Impak Persekitaran yang Positif

IMPERATIF PERNIAGAAN KAMI (sambungan)



\*YoY merujuk kepada tahun ke tahun



# TINJAUAN DAN UNJURAN EKONOMI

## TINJAUAN 2024


### Persekitaran Ekonomi Global dan Domestik

Ekonomi global menunjukkan ketahanan pada tahun 2024, walaupun berdepan dengan cabaran makroekonomi yang ketara. Walaupun pertumbuhan melebihi jangkaan awal, ia kekal tidak sekata di seluruh rantau. Kekuatan ekonomi Amerika Syarikat ("AS") yang mengejutkan lebih dari jangkaan awal, serta pertumbuhan kukuh di pasaran negara-negara ASEAN membantu mengimbangi kelemahan di rantau lain. Inflasi mereda di kebanyakan wilayah, membolehkan dua pertiga bank pusat global, termasuk Rizab Persekutuan AS (*US Federal Reserve*, "Fed"), Bank Pusat Eropah (*European Central Bank*, ECB), dan Bank of England (BoE) melonggarkan dasar monetari pada separuh tahun kedua. Sebaliknya, Bank of Japan menamatkan 17 tahun kadar faedah negatif dengan kenaikan kadar pada Mac 2024 bagi menangani inflasi dan kejatuhan nilai Yen. Walau bagaimanapun, perubahan jangkaan terhadap kadar pemotongan kadar faedah oleh Fed AS serta ketegangan geopolitik yang semakin meningkat, terutamanya konflik di Timur Tengah, telah menyumbang kepada ketidaktentuan dalam pasaran kewangan global. Ketidaktentuan politik, yang dipengaruhi oleh pilihan raya di separuh daripada negara-negara dunia, turut menambah cabaran kepada persekitaran global. Meskipun berdepan pelbagai cabaran ini, pertumbuhan global kekal stabil dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (*International Monetary Fund*, "IMF") menganggarkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") global pada kadar 3.2% pada tahun 2024, sedikit perlahan daripada 3.3% pada tahun 2023.

Di peringkat domestik, pertumbuhan KDNK Malaysia meningkat sebanyak 5.1% pada tahun 2024 berbanding 3.6% pada tahun sebelumnya, didorong terutamanya oleh permintaan domestik swasta yang kukuh. Perbelanjaan isi rumah kekal tinggi, disokong oleh keadaan pasaran buruh yang positif, serta dasar sokongan yang berterusan. Aktiviti pelaburan juga rancak, dipacu oleh pelaksanaan pelaburan yang diluluskan pada tahap tertinggi dalam beberapa tahun kebelakangan ini untuk menyokong kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Communication Technology*, ICT), khususnya dalam pusat data. Dari sudut luaran, eksport terus pulih, dipacu oleh pemulihan dalam kitaran teknologi global, manakala pertumbuhan import yang lebih pantas mencerminkan peningkatan permintaan terhadap barangan modal dan perantaraan bagi menyokong aktiviti pelaburan domestik. Dari perspektif penawaran, pertumbuhan didorong oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan berorientasikan eksport, sementara sektor pembinaan melonjak, dipacu oleh pelaburan yang mengukuh.

### Rajah 1: Pertumbuhan KDNK Sebenar, Sumbangan kepada Pertumbuhan KDNK Malaysia mengikut Komponen Permintaan

Pertumbuhan global terus didorong oleh ASEAN, manakala pertumbuhan Malaysia sebahagian besarnya disokong oleh permintaan domestik swasta yang kukuh



Nota: AEs = Ekonomi maju; EMDEs = Pasaran ekonomi pesat membangun

Sumber: Pangkalan Data Tinjauan Ekonomi Dunia IMF, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kewangan, CEIC



## TINJAUAN DAN UNJURAN EKONOMI *(sambungan)*

### Persekitaran Kadar Faedah dan Sistem Perbankan

Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*, “OPR”) kekal stabil pada 3.0% pada tahun 2024, disokong oleh persekitaran inflasi yang stabil. Inflasi keseluruhan dan inflasi teras masing-masing mereda kepada 1.8% pada tahun 2024 (2023: 2.5% dan 3.0%), menunjukkan kesan limpahan yang terhad daripada pelarasan cukai perkhidmatan dan harga diesel. Pada tahap ini, Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee*, “MPC”) Bank Negara Malaysia (“BNM”) menganggap pendirian dasar monetari adalah menyokong pertumbuhan ekonomi dan selaras dengan prospek inflasi serta pertumbuhan semasa. Sehubungan itu, kadar antara bank kekal stabil sepanjang tahun, dengan keadaan kewangan secara keseluruhannya terus menyokong pengantaraan kewangan secara mencukupi.


Sistem perbankan Malaysia kekal kukuh, disokong oleh penampungan modal yang kuat serta kecairan yang mencukupi. Menjelang akhir tahun 2024, nisbah modal agregat keseluruhan berada pada 17.9% (2023: 19.0%), manakala Nisbah Perlindungan Kecairan mencatat 147.9% (2023: 161%), kedua-duanya jauh melebihi keperluan minimum kawal selia. Petunjuk-petunjuk ini menekankan daya tahan bank-bank domestik dalam menghadapi sebarang kejutan ekonomi dan mengekalkan pengantaraan kewangan. Kualiti aset juga bertambah baik, dengan nisbah kasar pinjaman terjejas menurun kepada 1.5% pada Disember 2024 (akhir 2023: 1.7%).

### Pasaran Hartanah Kediaman

Pasaran hartanah kediaman Malaysia mengalami pelarasan harga secara beransur-ansur pada tahun 2024, selari dengan pertumbuhan jualan hartanah yang lebih perlahan. Menurut Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (*National Property Information Centre* “NAPIC”), Indeks Harga Rumah Malaysia (“IHRM”) meningkat sebanyak 3.3% pada tahun 2024 (2023: 4.1%), manakala jualan hartanah kediaman meningkat sebanyak 4.0% dari segi jumlah (2023: 3.0%) dan 5.9% dari segi nilai (2023: 7.1%). Jumlah unit siap tetapi tidak terjual menunjukkan penurunan, dengan 23,149 unit tidak terjual bernilai RM13.9 bilion direkodkan pada 2024, iaitu penurunan sebanyak 10.3% dari segi jumlah unit dan 21.2% dari segi nilai berbanding tahun 2023 (25,311 unit bernilai RM17.4 bilion). Trend ini menunjukkan pengurangan inventori secara beransur-ansur, dengan pertumbuhan harga rumah yang lebih perlahan serta penurunan jumlah unit tidak terjual, sekali gus memberi petunjuk kepada potensi penambahbaikan dalam kemampuan pemilikan rumah.

#### Rajah 2: OPR vs Inflasi Keseluruhan dan Inflasi Teras, Nilai Jualan Hartanah dan IHRM

**OPR kekal stabil di tengah-tengah inflasi yang terkawal. Sementara itu, harga rumah di Malaysia mengalami pelarasan harga yang sederhana di sebalik pertumbuhan jualan hartanah kediaman yang lebih perlahan**



Source: BNM, Jabatan Perangkaan Malaysia, NAPIC

## TINJAUAN DAN UNJURAN EKONOMI *(sambungan)*

### Pasaran Bon


Pasaran bon domestik kekal berdaya tahan pada tahun 2024, mengharungi persekitaran kewangan global yang mencabar, dipengaruhi oleh jangkaan yang berubah-ubah mengenai hala tuju dan kadar pemotongan kadar faedah AS, serta ketegangan geopolitik yang berpanjangan, di samping keadaan kadar faedah domestik yang stabil. Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Securities*, “MGS”) menutup tahun 2024 dengan prestasi yang bercampur, dengan penurunan pada keluk hasil jangka pendek dan panjang, manakala hasil nota 3-tahun hingga 10-tahun mencatatkan peningkatan. Secara khusus, penanda aras hasil MGS bagi tempoh 3-tahun hingga 10-tahun meningkat antara 1.1 dan 7.9 mata asas (*basis points*, “bps”), manakala hasil bagi nota 15-tahun dan 20-tahun masing-masing menurun sebanyak 2.2 bps dan 3.8 bps.

Walaupun nota jangka pendek dan sederhana terus dipengaruhi oleh dinamik pasaran bon global, permintaan terhadap bon domestik jangka panjang kekal kukuh, disokong oleh dominasi pelabur institusi tempatan. Selain itu, permintaan terhadap bon tempatan turut mendapat sokongan daripada faktor penawaran yang menggalakkan di tengah-tengah usaha penyatuan fiskal, asas makroekonomi yang kukuh serta prospek jurang kadar faedah yang lebih kecil dengan ekonomi maju. Akibatnya, pelabur asing terus meningkatkan pegangan dalam bon domestik, walaupun pada kadar yang lebih perlahan, dengan aliran masuk bersih berjumlah RM4.8 bilion pada tahun 2024 berbanding RM23.6 bilion pada tahun 2023.

Begitu juga, pasaran bon korporat mencerminkan prestasi pasaran bon kerajaan, menutup tahun 2024 dengan prestasi bercampur-campur serta keluk hasil yang lebih mendatar, didorong oleh permintaan kukuh terhadap nota jangka panjang. Tebaran kredit bon korporat berbanding MGS turut menurun, merentasi kebanyakan tempoh matang utama, mencapai tahap terendah sejak sekurang-kurangnya tahun 2014. Penurunan ini mencerminkan keyakinan pelabur yang tinggi terhadap kekuatan kredit syarikat korporat Malaysia dalam keadaan makroekonomi yang menggalakkan.

#### Rajah 3: Keluk Hasil MGS, Tebaran Kredit Korporat terhadap MGS

Pasaran bon domestik kekal berdaya tahan meskipun berdepan cabaran luaran



*Nota: \*bon korporat dinilai antara AAA dan BBB, termasuk Cagamas*  
*Sumber: BNM, Bond Pricing Agency Malaysia*

## TINJAUAN DAN UNJURAN EKONOMI *(sambungan)*

### UNJURAN 2025

IMF menjangkakan pertumbuhan global kekal stabil pada kadar 3.3% pada tahun 2025, didorong terutamanya oleh perbelanjaan pengguna yang berdaya tahan, peningkatan pelaburan dalam kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*, "AI") dan dasar monetari yang lebih melonggar. Walau bagaimanapun, unjuran pertumbuhan ini masih di bawah purata jangka panjang sebanyak 3.7% (2000-2019) dan dijangka terus berbeza mengikut rantau, dengan prestasi kukuh di AS dan pasaran Asia pesat membangun, khususnya dalam ASEAN, mengimbangi kelemahan di rantau lain dunia. Inflasi global dijangka mereda secara beransur-ansur, dengan ekonomi utama dunia berkemungkinan mencapai sasaran inflasi bank pusat mereka lebih awal berbanding pasaran pesat membangun. Walau bagaimanapun, risiko terhadap prospek kekal cenderung ke arah penurunan, terutamanya disebabkan oleh ketidakpastian perdagangan dan dasar yang berlarutan.

Di peringkat domestik, Kementerian Kewangan Malaysia menjangkakan ekonomi Malaysia berkembang pada kadar 4-5% pada tahun 2025, didorong oleh pengembangan berterusan dalam permintaan domestik swasta. Penggunaan isi rumah, yang menyumbang lebih daripada 60% KDNK, dijangka mendapat manfaat daripada pasaran buruh yang kukuh dan pertumbuhan pendapatan yang berterusan, disokong oleh langkah-langkah dasar yang menyokong. Aktiviti pelaburan juga dijangka kekal memberangsangkan, didorong oleh pelaksanaan pelaburan yang diluluskan pada paras tertinggi dalam beberapa tahun kebelakangan ini, serta pelaksanaan inisiatif pemangkin di bawah pelan induk nasional. Namun, terdapat risiko penurunan, termasuk pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan dalam kalangan rakan dagang utama, akibat peningkatan sekatan perdagangan dan pelaburan, serta pengeluaran komoditi yang berpotensi lebih rendah daripada jangkaan.

Inflasi utama dijangka kekal terkawal pada tahun 2025, dengan indeks harga pengguna diunjurkan meningkat sedikit dalam lingkungan 2-3%. Ini mencerminkan faktor tolakan kos akibat langkah-langkah dasar seperti rasionalisasi subsidi petrol RON95, peningkatan cukai kerajaan tempatan, serta kenaikan kos buruh susulan pelarasan gaji minimum dan levi pekerja asing secara berperingkat. Walau bagaimanapun, unjuran ini bergantung kepada masa pelaksanaan dasar-dasar tersebut serta perkembangan harga komoditi global dan pasaran kewangan.

Dalam konteks ini, OPR dijangka kekal tidak berubah pada kadar 3.0%, menyumbang kepada prospek pasaran bon domestik yang stabil. Walau bagaimanapun, volatiliti dijangka berterusan, didorong oleh ketidaktentuan hala tuju kadar faedah AS, perkembangan geopolitik, serta kemungkinan perubahan dalam dasar perdagangan dan ekonomi AS. Selain itu, sistem kewangan secara keseluruhannya dijangka kekal kukuh, disokong oleh sektor perbankan yang berdaya tahan, serta asas makroekonomi yang menggalakkan, termasuk profil pertumbuhan yang mampan dan pasaran buruh yang semakin baik.

Pasaran hartanah kediaman Malaysia dijangka kekal stabil, dengan permintaan terus disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang mantap, serta inisiatif kerajaan yang berterusan untuk menggalakkan pemilikan rumah. Ini termasuk pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM7,000 bagi pembeli rumah pertama bagi tempoh 2025 hingga 2027, seperti yang diumumkan dalam Bajet 2025. Pertumbuhan harga rumah yang lebih perlahan, serta pengurangan jumlah hartanah tidak terjual dijangka terus meningkatkan tahap mampu milik perumahan. Sementara itu, peningkatan kesedaran mengenai rumah cekap tenaga turut mempengaruhi penawaran dan permintaan, dengan pemaju kini semakin memasukkan ciri kelestarian seperti kehidupan hijau dan tenaga boleh diperbaharui dalam projek mereka bagi mendapatkan kelebihan daya saing.

# ULASAN PERNIAGAAN

## PERUNTUKAN KECAIRAN DAN PENSEKURITIAN

Cagamas menyokong pemilikan rumah bagi semua rakyat Malaysia dengan menyediakan pembiayaan yang kompetitif kepada institusi kewangan melalui skim Pembelian dengan Rekursa (*Purchase with Recourse*, “PWR”) dan Pembelian tanpa Rekursa (*Purchase without Recourse*, “PWOR”) dengan memperluaskan kapasiti institusi kewangan dalam pertumbuhan portfolio pinjaman perumahan yang membolehkan peminjam dapat menerima pinjaman perumahan dengan mudah dan berpatutan. Cagamas memperoleh dana di pasaran modal dengan menerbitkan bon dan sukuk untuk menyokong pembelian pinjaman dan pembiayaan.

## SOROTAN UTAMA TAHUN 2024



**Mempermudahkan kecairan untuk institusi kewangan** melalui pembelian skim PWR sebanyak RM13.0 bilion



**Pinjaman perumahan terus menguasai portfolio Cagamas** sebanyak 95.8% daripada jumlah pinjaman dan pembiayaan bersih belum lunas



**Memberi sokongan modal kepada institusi kewangan** dengan RM2.3 bilion daripada Penyelesaian Pengurusan Modal pada 31 Disember 2024

## PEMBELIAN PINJAMAN DAN PEMBIAYAAN

Di bawah skim PWR, Cagamas Berhad (“Cagamas”) membeli portfolio pinjaman perumahan dan pembiayaan yang layak, pinjaman dan pembiayaan hartanah komersial dan industri, hutang sewa beli dan penyewaan serta pinjaman dan pembiayaan peribadi secara rekursa daripada institusi kewangan dan syarikat terpilih. Pada tahun 2024, Cagamas kekal berdaya tahan walaupun dalam persekitaran mencabar, yang terbukti melalui pembelian pinjaman dan pembiayaan berjumlah RM13.0 bilion, sekaligus membuktikan kekuatan model peruntukan kecairannya.

Cagamas juga membeli pinjaman dan pembiayaan tanpa rekursa di bawah PWOR, di mana tidak ada rekursa diberikan kepada institusi yang menjual portfolio yang layak dan Cagamas akan mengambil alih sepenuhnya risiko kredit bagi portfolio yang layak. Tiada pembelian baru di bawah skim PWOR dibuat pada tahun 2024, selepas perjanjian PWOR dengan institusi kewangan pada tahun 2023.


Hasilnya, jumlah pinjaman dan pembiayaan bersih Cagamas belum lunas telah berkurang sebanyak 9.7% kepada RM43.6 bilion (2023: RM48.3 bilion). Pinjaman perumahan telah mendominasi portfolio Cagamas sebanyak 95.8% (2023: 93.6%), diikuti oleh pembiayaan pinjaman peribadi pada 2.2% (2023: 4.6%) dan pembiayaan sewa beli pada 2.0% (2023: 1.8%). Portfolio aset Islam Cagamas berbanding portfolio aset konvensional meningkat kepada nisbah 55:45 (2023: 52:48), manakala portfolio pinjaman dan pembiayaan PWR dan PWOR masing-masing berada pada 85.1% dan 14.9% (2023: 84.7% dan 15.3%). Pinjaman dan pembiayaan terjejas kasar dan bersih di bawah skim PWOR masing-masing mencatatkan 0.28% (2023: 0.33%) dan 0.02% (2023: 0.02%).

Melangkah ke hadapan, Cagamas komited untuk sentiasa berinovasi dan menaiktaraf produk serta penyelesaian kecairan kami bukan sahaja untuk memenuhi, tetapi juga melangkaui keperluan rakan kongsi yang sentiasa berkembang bagi mengukuhkan peranan kami sebagai penyedia kecairan pilihan kepada institusi kewangan.



## ULASAN PERNIAGAAN (sambungan)

Rajah 1: Pembelian Aset Tahunan Cagamas, 1987 – 2024



Sumber: Cagamas

## PENYELESAIAN PENGURUSAN MODAL

Pada tahun 2020, Cagamas memperkenalkan Penyelesaian Pengurusan Modal (*Capital Management Solutions* “CMS”) untuk memberikan sokongan modal kepada institusi kewangan dan institusi kewangan pembangunan melalui langganan hutang subordinat yang diterbitkan oleh institusi kewangan. Sehingga akhir tahun 2024, jumlah hutang subordinat belum lunas di bawah CMS direkodkan masih pada RM2.3 bilion. Walaupun CMS dianggap lebih berisiko kerana ciri-cirinya yang tidak bercagar dan subordinat, Cagamas telah menetapkan kawalan untuk mengurangkan risiko yang berkaitan seperti jumlah langganan, penarafan kredit, dan had penumpuan, bagi memastikan tahap risiko kekal terkandung dalam parameter risiko Cagamas.

## PENSEKURITAN

Cagamas melaksanakan pembelian aset gadai janji dan aset gadai janji Islamik melalui penerbitan sekuriti gadai janji perumahan konvensional dan Islamik bagi membiayai pembelian tersebut. Pensekuritian gadai janji dan kelas aset lain membolehkan rakan niaga membebaskan modal mereka yang berkaitan dan melaksanakan penyusunan semula risiko portfolio.

Sehingga akhir tahun 2024, jumlah sekuriti gadai janji Cagamas MBS Berhad (“CMBS”) yang belum lunas adalah sebanyak RM0.7 bilion daripada jumlah terbitan sebanyak RM10.2 bilion, yang merangkumi RM0.4 bilion bon konvensional dan RM0.3 bilion sukuk. Bon dan sukuk CMBS yang belum dilunaskan dijangka akan matang secara berperingkat dan akan dilunaskan sepenuhnya menjelang Ogos 2027. Sepanjang tahun ini, tiada transaksi pensekuritian baharu telah dilaksanakan.

## ULASAN PERNIAGAAN *(sambungan)*

### PROGRAM JAMINAN GADAI JANJI

Cagamas, melalui Cagamas SRP Berhad (“CSRP”), menawarkan Program Jaminan Gadai Janji (*Mortgage Guarantee Programme*, “MGP”) sebagai perlindungan “kerugian pertama” terhadap portfolio gadai janji kediaman institusi kewangan, sekali gus mengurangkan risiko kredit dalam portfolio pinjaman dan pembiayaan perumahan mereka serta membantu bank untuk membebaskan modal.

Selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah di Malaysia, CSRP menyediakan jaminan gadai janji kepada institusi kewangan bagi membolehkan pembeli rumah kali pertama mendapatkan pembiayaan sehingga 110% daripada institusi kewangan yang mengambil bahagian untuk memiliki rumah pertama mereka melalui Program Jaminan Gadai Janji Rumah Pertama (*First Home Mortgage Guarantee Programme*, “FHMGP”) yang dilancarkan pada tahun 2024, Skim Rumah Pertamaku (“SRP”) dan Skim Perumahan Belia (“SPB”) yang masing-masing telah dihentikan pada 1 April 2023 dan 1 Oktober 2020 adalah kesemuanya diperluaskan daripada MGP.

## SOROTAN UTAMA TAHUN 2024



**Melancarkan skim baharu** di bawah Program Jaminan Gadai Janji, iaitu **Program Jaminan Gadai Janji Rumah Pertama**



**Berjaya menarik penyertaan lapan (8) bank** sejak pelancaran FHMGP pada Jun 2024



Sebanyak **28 permohonan telah diluluskan** di bawah skim FHMGP, dengan **jumlah nilai pembiayaan sebanyak RM11.2 juta**

### PROGRAM JAMINAN GADAI JANJI RUMAH PERTAMA (FHMGP)

FHMGP telah dilancarkan pada Jun 2024, menggantikan SRP yang telah dihentikan. Objektifnya adalah untuk membantu pembeli rumah kali pertama yang layak mendapatkan pembiayaan perumahan penuh daripada institusi kewangan, membolehkan mereka memiliki rumah pertama lebih awal.

FHMGP menawarkan jaminan gadai janji bagi produk pembiayaan perumahan konvensional dan Islamik, membolehkan institusi kewangan memberikan pembiayaan perumahan sehingga 110% kepada pembeli rumah kali pertama yang layak dalam segmen pendapatan B40 dan M40. Program ini juga berfungsi sebagai platform bagi institusi kewangan yang mengambil bahagian untuk meningkatkan pengurusan modal mereka sambil menguruskan portfolio dan risiko kredit dengan lebih berkesan.

Sehingga Disember 2024, CSRP telah berjaya menarik penyertaan lapan (8) institusi kewangan, dengan sejumlah 28 permohonan pembiayaan diluluskan serta diberikan perlindungan jaminan di bawah FHMGP, melibatkan jumlah nilai pembiayaan sebanyak RM11.2 juta.

### SKIM RUMAH PERTAMAKU (SRP) DAN SKIM PERUMAHAN BELIA (SPB)

Sejak penubuhan SRP dan SPB masing-masing pada tahun 2011 dan 2015, skim ini telah menyumbang secara signifikan kepada agenda pemilikan rumah di Malaysia. Secara keseluruhan, skim ini telah memudahkan kelulusan pinjaman dan pembiayaan perumahan bernilai RM25.4 bilion, memberi manfaat kepada lebih 100,000 individu atau isi rumah untuk memiliki rumah pertama mereka, di mana 91.0% daripadanya terdiri daripada segmen B40.

Sehingga akhir Disember 2024, jumlah pendedahan jaminan tertunggak daripada SRP dan SPB adalah sebanyak RM1.5 bilion, meliputi RM22.8 bilion pinjaman dan pembiayaan perumahan yang diluluskan yang masih berada di bawah perlindungan jaminan. Sepanjang tahun ini, tiada jaminan baharu yang diluluskan bagi pinjaman dan pembiayaan perumahan di bawah SRP dan SPB kerana masing-masing telah dihentikan pada 1 April 2023 dan 1 Oktober 2020.

ULASAN PERNIAGAAN *(sambungan)***PROGRAM GADAI JANJI BERBALIK**

Program gadai janji berbalik Cagamas, dikenali sebagai Skim Saraan Bercagar (“SSB”) dan Skim Saraan Bercagar Islamik (“SSB-i”), di mana SSB-i merupakan gadai janji berbalik Islamik pertama di dunia, membolehkan pemilik rumah warga emas menukar ekuiti rumah mereka sebagai pertukaran kepada aliran pendapatan bulanan yang berterusan. Skim ini menyediakan bentuk jaminan sosial kepada pemilik rumah warga emas untuk persaraan mereka. Cagamas telah memperuntukkan RM100 juta daripada dana dalaman bagi menyokong inisiatif ini. Pada masa ini, liputan produk ini adalah di kawasan Lembah Klang, Johor Bahru, Pulau Pinang, Ipoh, Bandaraya Melaka dan Seremban, dan permohonan dalam talian boleh dibuat melalui laman web Cagamas SSB.

**SOROTAN UTAMA TAHUN 2024**

**Meluaskan  
jangkauan pasaran  
untuk program SSB  
dan SSB-i** melalui  
perjumpaan dan  
kerjasama strategik



Sebanyak **55 pinjaman**  
**telah diluluskan secara**  
**kumulatif** untuk pemilik  
rumah warga emas di  
bawah SSB dan SSB-i



**Kadar kelulusan masih**  
**melebihi 50% daripada**  
**jumlah permohonan**  
bagi SSB dan SSB-i

**SKIM SARAAN BERCAGAR (SSB) DAN SKIM SARAAN BERCAGAR ISLAMIK (SSB-i)**

Fokus utama Cagamas bagi program gadai janji berbalik pada tahun 2024 adalah untuk memperluaskan jangkauan pasaran, menjadikan program ini lebih mudah diakses oleh pelanggan. Sehingga Disember 2024, program SSB dan SSB-i telah meluluskan secara kumulatif 55 permohonan pinjaman dan pembiayaan dengan jumlah nilai rumah sebanyak RM54.3 juta.

**KERJASAMA STRATEGIK DENGAN INSTITUSI KEWANGAN**

Cagamas akan melancarkan satu skim pembiayaan unik yang akan ditawarkan kepada pemilik rumah warga emas sebagai sokongan kewangan alternatif untuk tempoh masa tertentu. Pelanggan akan diberi kelonggaran untuk memilih tempoh pembiayaan yang sesuai mengikut keperluan kewangan mereka.

Selaras dengan inisiatif untuk melancarkan skim ini, Cagamas telah menjalinkan kerjasama strategik dengan institusi kewangan untuk memanfaatkan rangkaianannya dalam meningkatkan kesedaran dan meluaskan akses tentang skim ini kepada pemilik rumah warga emas.



## ULASAN PERNIAGAAN *(sambungan)*

### TERBITAN DAN PENGUMPULAN DANA

Cagamas menerbitkan bon dan sukuk, termasuk bon dan sukuk mampan, hijau, serta sosial, bagi membiayai pembelian pinjaman perumahan dan piutang pengguna lain untuk pinjaman konvensional serta pembiayaan Islam.

### SOROTAN UTAMA TAHUN 2024



Tempat ketiga teratas antara penerbit korporat terbesar dalam pasaran bon konvensional selama 5 tahun berturut-turut sejak tahun 2020



Memeterai Perjanjian Pembelian Semula Sosial pertama bernilai RM50 juta bagi tempoh 3-bulan dengan sebuah institusi kewangan tempatan



Menerbitkan Kertas Komersial Islamik pertama Cagamas dengan status Sukuk SRI Sosial ASEAN untuk tempoh 3-bulan dan 6-bulan masing-masing sebanyak RM145 juta

### TERBITAN DAN PENGUMPULAN DANA

Sejak tahun 1987 hingga akhir 2024, Cagamas dan anak syarikatnya, iaitu Cagamas Global P.L.C. dan Cagamas Global Sukuk Berhad, telah menerbitkan dan mengumpul dana secara kumulatif sebanyak RM434.3 bilion dalam bentuk bon korporat, sukuk, dan sumber pembiayaan lain. Daripada jumlah ini, RM324.4 bilion atau 74.7% terdiri daripada bon, manakala RM109.9 bilion atau 25.3% terdiri daripada sukuk dan sumber pembiayaan lain. Terbitan dalam mata wang asing membentuk 5.1% atau RM22.5 bilion daripada jumlah dana yang dikumpulkan. Cagamas adalah salah satu penerbit bon korporat terbesar dalam ruang konvensional selama lima (5) tahun berturut-turut sejak 2020.

Pada tahun 2024, Cagamas berjaya mengumpul dana sebanyak RM21.3 bilion (2023: RM29.3 bilion), di mana RM18.3 bilion atau 86.1% adalah daripada bon dan sukuk, manakala RM3.0 bilion atau 13.9% adalah daripada sumber pembiayaan lain. Pinjaman Cagamas didominasi oleh terbitan dalam pasaran domestik yang merangkumi 85.9% daripada jumlah pinjaman, manakala baki selebihnya adalah dalam mata wang asing daripada enam (6) terbitan Dolar Singapura (*Singapore Dollar*, "SGD").


Walaupun terdapat ketidaktentuan dalam pasaran antarabangsa pada tahun 2024, Cagamas berjaya menerbitkan sejumlah SGD775 juta<sup>1</sup>, yang telah dilindungi sepenuhnya daripada risiko pertukaran asing, menunjukkan minat pelabur yang berterusan terhadap sekuriti mata wang asing Syarikat. Walaupun terbitan setakat ini didominasi oleh mata wang tempatan, Cagamas kekal fokus dalam memilih pembiayaan yang paling kompetitif dan optimum daripada kedua-dua mata wang tempatan dan asing.

<sup>1</sup> Bersamaan RM2.5 bilion. Kadar pertukaran setakat 31 Disember 2024: SGD1 = RM3.2878



## ULASAN PERNIAGAAN (sambungan)

Rajah 2: Pengumpulan Dana Tahunan Cagamas, 1987 – 2024




Sumber: Cagamas

## TREND HASIL TERBITAN

Pasaran bon global terus mengalami ketidaktentuan sepanjang tahun 2024, di mana hasil Perbendaharaan AS meningkat pada separuh pertama tahun ini, sebelum menurun pada suku ketiga dan melonjak semula untuk menutup tahun pada 4.45%, iaitu paras tertinggi sejak akhir tahun 2006. Pasaran Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Securities*, "MGS") turut mencerminkan sentimen yang sama dan berakhir lebih tinggi berbanding tahun 2023, dengan hasil MGS 3-tahun, 5-tahun dan 10-tahun masing-masing berakhir sebanyak 1 mata asas (*basis points*, "bps"), 5 bps dan 8 bps. Pada 31 Disember 2024, hasil terbitan Cagamas bagi tempoh 3-tahun dan 5-tahun terus menjejaki lengkung hasil MGS dengan peningkatan masing-masing sebanyak 5 bps and 2 bps, manakala hasil terbitan bagi 10-tahun tidak berubah berbanding parasnya pada awal tahun.

## ULASAN PERNIAGAAN *(sambungan)*

**Rajah 3: Perbandingan Hasil Bon Kertas Kerajaan dan Korporat pada 31 Disember 2024**




Sumber: Cagamas

## TERBITAN DAN PENGUMPULAN DANA BERDASARKAN TEMPOH DAN MATA WANG

Dari segi tempoh terbitan bon dan sukuk, serta dana yang terkumpul, 49.1% daripada jumlah keseluruhan pada tahun 2024, bersamaan RM10.5 bilion, adalah bagi tempoh satu tahun dan ke bawah (2023: 23.8% atau RM7.0 bilion). Sementara itu, 34.4% atau RM7.3 bilion adalah bagi tempoh antara satu hingga tiga tahun (2023: 56.7% atau RM16.6 bilion). Baki 16.5% atau RM3.5 bilion adalah bagi tempoh melebihi tiga tahun pada tahun 2024 (2023: 19.5% atau RM5.7 bilion).

**Rajah 4: Terbitan dan Pengumpulan Dana Berdasarkan Tempoh, 2023 & 2024**




Sumber: Cagamas

## ULASAN PERNIAGAAN (sambungan)

Sehingga akhir Disember 2024, bon dan sukuk Cagamas yang masih belum lunas berjumlah RM44.0 bilion, di mana RM40.3 bilion atau 91.6% dalam mata wang tempatan dan RM3.7 bilion bersamaan atau 8.4% dalam mata wang asing. Selain itu, bon konvensional merangkumi RM21.1 bilion atau 47.9% daripada jumlah keseluruhan yang belum dijelaskan, manakala baki RM22.9 bilion atau 52.1% terdiri daripada sukuk.

Rajah 5: Bon/Sukuk Belum Lunas Mengikut Mata Wang, 2023 &amp; 2024




Sumber: Cagamas

## BAHAGIAN PASARAN


Cagamas kekal sebagai salah satu penerbit terbesar bon korporat dan sukuk di pasaran Malaysia, merangkumi 4.6% daripada jumlah keseluruhan bon dan sukuk korporat belum lunas serta 17.5% daripada jumlah keseluruhan bon dan sukuk bertaraf AAA yang belum dijelaskan. Dari segi bon dan sukuk korporat tempatan yang paling banyak didagangkan pada tahun 2024, Cagamas berada di kedudukan kedua dengan jumlah dagangan sebanyak RM11.7 bilion, menguasai 6.5% bahagian pasaran (2023: kedudukan ketiga dengan jumlah dagangan sebanyak RM9.0 bilion atau 6.1% bahagian pasaran). Cagamas berada di kedudukan pertama dengan mencatatkan jumlah dagangan sebanyak RM3.4 bilion untuk bon korporat konvensional tempatan, dengan bahagian pasaran 18.9% (2023: kedudukan pertama, RM2.9 bilion atau 23.2%), manakala bagi sukuk korporat tempatan, Cagamas berada di kedudukan keempat dengan jumlah dagangan yang dicatatkan adalah RM8.4 bilion, dengan bahagian pasaran 5.2% (2023: kedudukan keempat, RM6.1 bilion atau 4.5%).

Rajah 6: Bahagian Pasaran Cagamas, 2023 &amp; 2024



## ULASAN PERNIAGAAN *(sambungan)*

**Rajah 6: Bahagian Pasaran Cagamas, 2023 & 2024 (Sambungan)**



Sumber: Cagamas

## PENGUMPULAN DANA HIJAU, SOSIAL, DAN MAMPAN

Sepanjang tahun ini, Cagamas berjaya menyelesaikan Perjanjian Pembelian Semula Sosial (*Social Repurchase Agreement*, “Social Repo”) sulungnya bernilai RM50 juta bagi tempoh 3-bulan dengan sebuah institusi kewangan tempatan serta menerbitkan RM290 juta bagi Kertas Komersial Islamik (*Islamic Commercial Papers*, “ICPs”) untuk tempoh 3-bulan dan 6-bulan yang berstatus Sukuk SRI Sosial ASEAN. Terbitan ini menyerlahkan komitmen Cagamas terhadap pembiayaan mampan serta sokongannya terhadap inisiatif kemampanan yang diterajui industri.

Social Repo merupakan satu susunan khas untuk Syarikat, di mana hasil dana yang diperolehi daripada transaksi ini akan digunakan untuk membeli pinjaman Perusahaan Kecil dan Sederhana (“PKS”) yang layak sebagai aset di bawah Rangka Kerja Bon/Sukuk Mampan Cagamas. Social Repo menawarkan pasaran kewangan satu pilihan pembiayaan yang praktikal sebagai alternatif yang sejajar dengan objektif kemampanan mereka dan mengembangkan sumber kecairan mampan Syarikat dalam sektor kewangan.

Sementara itu, penerbitan RM145 juta masing-masing bagi Sukuk SRI Sosial ASEAN untuk tempoh 3-bulan dan 6-bulan merupakan tawaran pertama syarikat bagi sekuriti hutang Islamik jangka pendek yang membawa label “sosial”, mencerminkan komitmen kukuh Cagamas dalam menyediakan pilihan pelaburan sosial yang bertanggungjawab.

Selain itu, Syarikat juga menerbitkan RM250 juta, RM100 juta dan RM500 juta Sukuk SRI Sosial, Nota Jangka Sederhana Mampan, dan Bon Sosial masing-masing pada tahun ini.

Secara keseluruhannya, pada tahun 2024 jumlah keseluruhan dana hijau, sosial dan mampan yang diterbitkan dan diperolehi adalah sebanyak RM1.2 bilion (2023: RM1.2 bilion) bagi pembelian pinjaman dan pembiayaan untuk perumahan mampu milik, sewaan industri tanpa pelepasan karbon bagi PKS dan tenaga boleh diperbaharui.




## ULASAN PERNIAGAAN (sambungan)

Sejak tahun 2020, sebanyak RM4.9 bilion dana hijau, sosial serta mampan telah diterbitkan dan diperoleh oleh Cagamas untuk membeli pinjaman/ pembiayaan perumahan mampu milik, aset hijau yang layak, serta pinjaman sewa beli industri tanpa pelepasan karbon bagi PKS.

| Jadual 2: Pengumpulan dana hijau, sosial dan mampan sejak tahun 2020 | RM juta |
|----------------------------------------------------------------------|---------|
| Bon Hijau ASEAN                                                      | 210     |
| Sukuk SRI Hijau ASEAN                                                | 90      |
| Bon Sosial ASEAN                                                     | 955     |
| Sukuk SRI Sosial ASEAN                                               | 2,300   |
| Bon Kemampanan ASEAN                                                 | 900     |
| Sukuk SRI Kemampanan ASEAN                                           | 400     |
| Social Repo                                                          | 50      |

Rajah 7: Pengumpulan Dana Hijau, Sosial dan Mampan Mengikut Jenis, 2023 &amp; 2024



Sumber: Cagamas

## KEUTAMAAN CAGAMAS PADA TAHUN 2025

Pada tahun 2025, Cagamas kekal dengan komitmen kami terhadap pelan strategik lima tahun kami, Rumah Masa Depan Cagamas, dan akan meneruskan usaha untuk membina asas kukuh yang akan menyokong pertumbuhan dan inisiatif pengembangan kami. Inisiatif Cagamas untuk tahun akan datang akan berteraskan teras dan tonggak Rumah Masa Depan Cagamas, termasuk memacu pertumbuhan dan pengembangan perniagaan baharu, mempertingkatkan penyelesaian kami untuk memenuhi keperluan industri dengan lebih baik, pembangunan bakat terbaik, dan mengukuhkan komitmen dan kepimpinan pemikiran kami dalam kemampanan dan peralihan kepada Sifar Bersih. Keutamaan ini akan meningkatkan daya saing dan kedudukan kami dalam mengemudi persekitaran operasi yang mencabar dengan ketangkasan serta tumpuan strategik.

# RISIKO UTAMA DAN LANGKAH MITIGASI

Kumpulan mengiktiraf pengurusan risiko sebagai komponen strategik yang penting dalam perniagaan, operasi, dan proses membuat keputusan. Bagi memastikan Kumpulan mencapai pulangan optimum dalam persekitaran perniagaan yang stabil dan berdaya tahan, pendekatan pengurusan risiko dan fungsi pematuhan dilaksanakan secara proaktif sejak peringkat awal dalam setiap proses pengambilan risiko dengan menyediakan input bebas dan menyeluruh, termasuk penilaian kredit, penilaian produk baharu, kuantifikasi kecukupan modal serta pematuhan terhadap keperluan operasi termasuk Syariah, perundangan dan peraturan berkaitan. Pendekatan ini membolehkan unit perniagaan menilai imbalan risiko dan ganjaran dengan lebih tepat, memastikan pengurangan risiko yang efektif sambil membolehkan baki risiko dinilai, dikurangkan, diurus sejajar dengan pulangan yang dijangkakan.

Pihak pengurusan mengiktiraf dan mengurus risiko utama yang berpotensi menjejaskan keupayaan Kumpulan dalam mencapai objektifnya sebagai sebahagian daripada pendekatan pengurusan risiko perusahaan (“ERM”). Selaras dengan Rangka Kerja Kemampuhan Kumpulan, pertimbangan terhadap risiko berkaitan iklim turut diintegrasikan dalam proses pengurusan risiko sedia ada:

## RISIKO KREDIT

### Perihal Risiko

- Risiko ini berpunca daripada perniagaan Pembelian dengan Rekurs (PWR) dan Pembelian tanpa Rekurs (PWOR), program jaminan gadai janji, Skim Saraan Bercagar (SSB), serta aktiviti pelaburan, termasuk Penyelesaian Pengurusan Modal (CMS), dan aktiviti lindung nilai perbendaharaan.
- Berpotensi menyebabkan kerugian kewangan akibat kegagalan peminjam atau rakan niaga dalam memenuhi obligasi kewangan atau kontrak yang dipersetujui.

### Tindak Balas Risiko dan Langkah Mitigasi

- Mengurus risiko kredit secara proaktif dengan menetapkan had dan ambang kawalan yang bersesuaian, memastikan semua pendedahan kepada risiko kredit kekal dalam parameter yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- Aktiviti pelaburan dan kelulusan kredit dipandu oleh polisi serta garis panduan kredit dalaman, termasuk kriteria kelayakan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- Semua proses kelulusan dan pemantauan kredit dilaksanakan selaras dengan dasar pengurusan risiko kredit dalaman.

## RISIKO PASARAN

### Perihal Risiko

- Pendedahan terhadap risiko pasaran terhad kepada risiko kadar faedah/keuntungan dan risiko pertukaran asing, kerana Kumpulan tidak terlibat dalam aktiviti perdagangan ekuiti atau komoditi.
- Risiko ini merangkumi potensi kerugian kewangan yang berpunca daripada pergerakan harga dan kadar pasaran.

### Tindak Balas Risiko dan Langkah Mitigasi

- Menetapkan had ambang dan melaksanakan kontrak lindung nilai derivatif yang sejajar dengan selera risiko Kumpulan serta pertimbangan imbalan risiko dan pulangan. Had ini disemak dan dipantau secara berkala untuk memastikan keberkesanan pengurusan risiko.
- Sistem Pengurusan Liabiliti Aset diterapkan bagi menyediakan alat pemantauan yang komprehensif seperti analisis jurang tempoh, analisis sensitiviti faedah/keuntungan, serta simulasi pendapatan di bawah pelbagai senario pasaran untuk membantu dalam pemantauan dan pengurusan risiko kadar faedah/keuntungan.
- Penggunaan instrumen derivatif bagi mengurus dan melindungi nilai pendedahan risiko pasaran, khususnya terhadap turun naik kadar faedah/keuntungan dan kadar pertukaran mata wang asing.

## RISIKO UTAMA DAN LANGKAH MITIGASI *(sambungan)*

### RISIKO KECAIRAN & PEMBIAYAAN

#### Perihal Risiko

- Risiko kecairan pembiayaan boleh berlaku apabila Kumpulan tidak dapat memenuhi obligasi kewangan yang matang, berpunca daripada ketidakupayaan untuk mencairkan aset atau mendapatkan pembiayaan yang mencukupi.
- Risiko kecairan pasaran timbul apabila Kumpulan mengalami kesukaran untuk melepaskan atau mengimbangi pendedahan tertentu tanpa memberi kesan ketara terhadap harga pasaran. Keadaan ini biasanya berpunca daripada kedalaman pasaran yang terhad atau gangguan pasaran.

#### Tindak Balas Risiko dan Langkah Mitigasi

- Pengurusan risiko kecairan dilaksanakan dengan mematuhi prinsip pembiayaan padanan, di mana setiap pembelian aset dibiayai melalui bon atau sukuk yang mempunyai saiz dan tempoh yang hampir sama, serta berdikari dari segi aliran tunai.
- Mekanisme kecairan proaktif diterapkan untuk memastikan pengurusan aliran tunai yang berkesan sambil mengelakkan sebarang penumpuan pembiayaan yang berlebihan. Perancangan dan pemantauan aliran tunai merupakan elemen penting dalam pengurusan kecairan, di mana setiap transaksi perniagaan dipantau secara rapi dan sistematik untuk memastikan kecukupan dana bagi memenuhi keperluan perniagaan.
- Penubuhan rizab kecairan yang terdiri daripada sekuriti hutang boleh pasar, yang berfungsi sebagai penampungan bagi menangani kekurangan aliran tunai yang tidak dijangka serta memberikan perlindungan dalam menghadapi ketidakpastian ekonomi dan ketidakstabilan pasaran kewangan.

### RISIKO OPERASI

#### Perihal Risiko

- Risiko operasi boleh berlaku akibat gangguan dalam operasi perniagaan yang berpunca daripada kegagalan atau kelemahan dalam proses dalaman, faktor manusia, sistem atau peristiwa luaran yang tidak dijangka.
- Risiko ini berpotensi menyebabkan kerugian kewangan secara langsung atau tidak langsung, yang boleh juga menjejaskan reputasi syarikat.

#### Tindak Balas Risiko dan Langkah Mitigasi

- Penilaian risiko sendiri secara berkala dilaksanakan oleh setiap unit perniagaan dan unit sokongan bagi mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko operasi.
- Kawalan dalaman, sistem, dan prosedur yang teguh dikekalkan oleh setiap unit perniagaan dan unit sokongan. Semua kawalan ini disemak secara berkala oleh juruaudit dalaman dan luaran untuk pengawasan menyeluruh.
- Program Pengurusan Kesenambungan Perniagaan ("BCM") yang komprehensif diterapkan sebagai sebahagian daripada strategi daya tahan operasi, bertujuan untuk meminimumkan potensi kesan dan risiko gangguan yang tidak dijangka.
- Pelaksanaan rangka kerja BCM Kumpulan merangkumi dasar yang terancang, pelan kesinambungan perniagaan serta latihan berkala.
- Simulasi pelbagai senario dan strategi pemulihan dilaksanakan oleh Kumpulan bagi mempercepatkan pemulihan operasi perniagaan dan teknologi dalam situasi krisis atau bencana, memastikan kesinambungan serta penyambungan semula aktiviti perniagaan dengan lancar.

### RISIKO TEKNOLOGI

#### Perihal Risiko

- Risiko teknologi boleh berpunca daripada pelbagai faktor, termasuk sistem legasi, serangan siber, kegagalan perisian, kerosakan perkakasan, serta isu berkaitan integriti data.
- Risiko ini berpotensi menyebabkan gangguan operasi, kerugian kewangan, serta memberi impak negatif terhadap reputasi organisasi sekiranya berlaku kegagalan sistem atau pelanggaran keselamatan dalam ekosistem teknologi Kumpulan.

#### Tindak Balas Risiko dan Langkah Mitigasi

- Kumpulan telah mengukuhkan tadbir urus teknologi dan pengurusan risiko dengan menerapkan keselamatan teknologi maklumat ("IT") yang teguh, memastikan kebolehpercayaan, daya tahan, dan kebolehpulihan sistem. Langkah ini bertujuan untuk mengekalkan ketersediaan, ketepatan, kebolehcapaian, serta ketangkasan sistem dan data.
- Pencegahan Kehilangan Data ("DLP") merupakan komponen utama dalam strategi pengurusan risiko teknologi Cagamas. Pendekatan ini memastikan tadbir urus data yang berkesan melalui mengenalpastian, pemantauan, dan perlindungan data merentas pelbagai platform, termasuk sistem premis, persekitaran awan, serta peranti titik akhir.

## RISIKO UTAMA DAN LANGKAH MITIGASI *(sambungan)*

### RISIKO PEMATUHAN PENGAWALSELIAAN

#### Perihal Risiko

- Kegagalan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan boleh mengakibatkan denda kewangan, penalti, serta memberi impak negatif terhadap reputasi perniagaan Kumpulan.
- Rangka kerja pematuhan yang teguh dan komprehensif adalah penting bagi memastikan perlindungan operasi dan reputasi Kumpulan.

#### Tindak Balas Risiko dan Langkah Mitigasi

- Pelaksanaan dasar pematuhan kawal selia di seluruh Kumpulan, yang menggariskan prinsip dan garis panduan komprehensif bagi mengurus risiko pematuhan peraturan. Dasar ini menangani bidang utama seperti anti rasuah, pencegahan pengubahan wang haram ("AML"), perlindungan data dan keselamatan siber.
- Kajian semula pematuhan kawal selia secara berkala dijalankan secara bebas oleh Bahagian Pengurusan Risiko dan Pematuhan ("RMD"), bagi menilai kecukupan kawalan serta pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan berkaitan. Semakan ini membolehkan pengenalpastian yang proaktif terhadap sebarang jurang pematuhan bagi memastikan tindakan pembetulan diambil dengan segera. Hasil semakan ini dikongsi dengan pihak berkepentingan berkaitan bagi menyokong penambahbaikan dalam dasar, prosedur dan, amalan perniagaan.
- Pelaporan insiden ketidakpatuhan serta langkah pembetulan dilakukan secara sistematik kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Risiko Lembaga ("BRC"). Proses ini memberikan gambaran komprehensif kepada Lembaga Pengarah mengenai status pematuhan, meningkatkan akauntabiliti, serta memudahkan pembuatan keputusan yang termaklum berkaitan dengan risiko pematuhan di seluruh Kumpulan.
- Komitmen berterusan terhadap penambahbaikan pematuhan diterapkan dengan menyepadukan hasil kajian pematuhan ke dalam rangka kerja pengurusan risiko keseluruhan Kumpulan. Garis masa, mekanisme akauntabiliti, serta sistem penjejakan disediakan bagi memastikan isu ketidakpatuhan ditangani dengan berkesan dan cekap.

### RISIKO REPUTASI

#### Perihal Risiko

- Risiko reputasi merujuk kepada kesan negatif, sama ada secara nyata atau dirasakan, terhadap pemegang saham, pelabur, rakan niaga, pelanggan, penganalisis pasaran, pengawal selia, pekerja serta pihak berkepentingan lain yang berkaitan.
- Risiko ini berpotensi menjejaskan keupayaan Kumpulan untuk mengekalkan atau membina hubungan perniagaan baharu, mengukuhkan kredibiliti dalam pasaran, serta memelihara kepercayaan dan keyakinan pihak berkepentingan.

#### Tindak Balas Risiko dan Langkah Mitigasi

- Penubuhan Rangka Kerja Risiko Reputasi, yang menggariskan proses berstruktur, alat pengurusan, dan kawalan dalaman bagi menangani serta mengurangkan risiko reputasi dengan berkesan merentasi semua operasi Kumpulan. Rangka kerja ini beroperasi melalui pendekatan tiga peringkat, yang merangkumi penilaian risiko, pengesanan awal dan peningkatan, serta pemantauan risiko berterusan dan kawalan penambahbaikan. Garis masa yang jelas, akauntabiliti yang ketat serta mekanisme penjejakan sistematik diterapkan bagi memastikan sebarang isu reputasi atau ketidakpatuhan ditangani dengan cekap dan berkesan.

### RISIKO KETIDAKPATUHAN SYARIAH

#### Perihal Risiko

- Risiko ini timbul akibat kegagalan untuk mematuhi ketetapan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (BNM) dan/atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") dikenali secara kolektif sebagai "MPS". Ia merangkumi ketidakpatuhan terhadap piawaian Syariah yang dikeluarkan oleh BNM atau SC, termasuk nasihat daripada Penasihat Syariah yang sejajar dengan ketetapan MPS.
- Ketidakhpatuhan terhadap ketetapan ini boleh mengakibatkan sekatan undang-undang atau kawal selia, kerugian kewangan, serta implikasi bukan kewangan, termasuk kesan negatif terhadap reputasi korporat Kumpulan.

#### Tindak Balas Risiko dan Langkah Mitigasi

- Perundingan dan pengesahan dengan Penasihat Syariah bebas dilaksanakan bagi semua produk, urus niaga dan operasi Islam untuk memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap keperluan Syariah yang berkaitan.
- Di mana berkenaan, Kumpulan akan mendapatkan kelulusan MPS melalui rakan niaga atau pengantara yang berada di bawah bidang kuasa BNM dan/atau melalui penasihat utama program sukh bagi tujuan penyerahan produk kewangan Islam kepada SC.
- Semakan pematuhan Syariah secara berkala dijalankan oleh RMD dengan pengesahan lanjut oleh Penasihat Syariah. Selain itu, audit tahunan oleh Bahagian Audit Dalaman dilaksanakan untuk memastikan bahawa operasi Islam yang dikendalikan oleh unit perniagaan selaras dengan keputusan yang disahkan oleh Penasihat Syariah. Sebarang kejadian ketidakpatuhan Syariah akan dilaporkan kepada Penasihat Syariah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang berkaitan, serta Lembaga Pengarah.

# RINGKASAN KEWANGAN LIMA TAHUN


|                                                           | Kumpulan |          |          |          |                 |
|-----------------------------------------------------------|----------|----------|----------|----------|-----------------|
|                                                           | 2020     | 2021     | 2022     | 2023     | 2024            |
| <b>Hasil (RM juta)</b>                                    |          |          |          |          |                 |
| Hasil Kendalian Kasar                                     | 2,034.9  | 1,707.7  | 1,829.7  | 2,335.9  | <b>2,379.4</b>  |
| Untung Sebelum Cukai dan Zakat                            | 512.2    | 427.9    | 446.3    | 447.8    | <b>477.7</b>    |
| Untung Selepas Cukai dan Zakat                            | 383.8    | 317.6    | 335.4    | 330.1    | <b>364.2</b>    |
| Dividen Selepas Cukai                                     | 30.0     | 30.0     | 30.0     | 30.0     | <b>30.0</b>     |
| <b>Penyata Kedudukan Kewangan (RM juta)</b>               |          |          |          |          |                 |
| Jumlah Terhutang Daripada Rakan Niaga                     | 14,069.2 | 17,141.2 | 17,097.7 | 19,987.8 | <b>16,833.4</b> |
| Aset Pembiayaan Islam                                     | 9,662.7  | 10,273.7 | 15,482.3 | 21,426.9 | <b>20,666.8</b> |
| Aset Gadai Janji Konvensional                             | 5,509.2  | 4,819.1  | 4,167.7  | 3,585.5  | <b>3,004.6</b>  |
| Aset Gadai Janji Islam                                    | 5,947.2  | 5,411.9  | 4,884.4  | 4,387.0  | <b>3,909.0</b>  |
| Jumlah Aset                                               | 40,244.3 | 44,124.6 | 49,950.8 | 57,842.1 | <b>54,149.3</b> |
| Bon dan nota pembawa tidak bercagar                       | 17,483.0 | 19,957.0 | 20,414.7 | 24,954.9 | <b>21,186.2</b> |
| Sukuk                                                     | 14,063.4 | 15,082.0 | 20,135.1 | 23,278.1 | <b>23,102.1</b> |
| Sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman                | 622.7    | 622.7    | 371.4    | 371.4    | <b>371.4</b>    |
| Sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman Islam          | 612.3    | 612.3    | 291.1    | 291.1    | <b>291.1</b>    |
| Modal Berbayar                                            | 150.0    | 150.0    | 150.0    | 150.0    | <b>150.0</b>    |
| Rizab                                                     | 6,218.9  | 6,394.9  | 6,637.5  | 6,998.7  | <b>7,335.9</b>  |
| Dana Pemegang Syer                                        | 6,368.9  | 6,544.9  | 6,787.5  | 7,148.7  | <b>7,485.9</b>  |
| <b>Sesyer</b>                                             |          |          |          |          |                 |
| Perolehan (sen)*                                          | 255.9    | 211.7    | 223.6    | 220.1    | <b>242.8</b>    |
| Aset Ketara Bersih (RM)*                                  | 42.3     | 43.5     | 45.1     | 47.5     | <b>49.8</b>     |
| Dividen (sen)                                             | 20.0     | 20.0     | 20.0     | 20.0     | <b>20.0</b>     |
| <b>Nisbah Kewangan</b>                                    |          |          |          |          |                 |
| Pulangan Sebelum Cukai atas Purata Dana Pemegang Syer (%) | 7.8      | 6.6      | 6.7      | 6.4      | <b>6.5</b>      |
| Pulangan Selepas Cukai atas Purata Dana Pemegang Syer (%) | 5.8      | 4.9      | 5.0      | 4.7      | <b>5.0</b>      |
| Pulangan Sebelum Cukai atas Purata Jumlah Aset (%)        | 1.2      | 1.0      | 0.9      | 0.8      | <b>0.9</b>      |
| Pulangan Selepas Cukai atas Purata Jumlah Aset (%)        | 0.9      | 0.8      | 0.7      | 0.6      | <b>0.7</b>      |
| Lindungan Dividen (kali)                                  | 12.8     | 10.6     | 11.2     | 11.0     | <b>12.1</b>     |
| Nisbah Jumlah Modal (%)                                   | 59.1     | 56.1     | 51.0     | 43.1     | <b>50.5</b>     |

\* Berdasarkan 150 juta syer biasa RM1.00 setiap satu




# SOROTAN KEWANGAN LIMA TAHUN


**Hasil Kendalian Kasar**  
(RM juta)




**Untung Sebelum Cukai dan Zakat**  
(RM juta)




**Jumlah Aset**  
(RM juta)




**Dana Pemegang Syer**  
(RM juta)




**Perolehan\***  
(Sen)




**Aset Ketara Bersih**  
(RM)



**Pulangan Selepas Cukai atas Purata Dana Pemegang Syer**  
(%)



**Pulangan Selepas Cukai atas Purata Jumlah Aset**  
(%)



# LAPORAN KEMAMPAHAN

## BAHAGIAN

# 01




### LAPORAN KEMAMPAHAN KORPORAT

Laporan Kemampuan ini merupakan laporan ketujuh bagi Cagamas Holdings Berhad dan anak-anak syarikatnya (secara kolektif dirujuk sebagai “Kumpulan”), yang menekankan komitmen berterusan Kumpulan dalam memajukan agenda kemampuan kami dan merangkumi tempoh kewangan dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024.

### TADBIR URUS KEMAMPAHAN

Cagamas komited untuk mengekalkan piawaian tertinggi dalam tadbir urus kemampuan dan sentiasa mengkaji semula amalan serta pendedahan tadbir urus kemampuannya.




Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad dan Cagamas Berhad bertanggungjawab dalam memberikan pengawasan terhadap perjalanan, pelaksanaan dan pembangunan kemampuan Kumpulan. Pihak Pengurusan bertanggungjawab merumuskan dan melaksanakan strategi kemampuan serta amalan tadbir urus kemampuan yang praktikal selari dengan objektif korporat. Pada tahun 2020, Cagamas telah memperkenalkan Rangka Kerja Kemampuan Cagamas untuk menggariskan pendekatan dalam mengintegrasikan kemampuan ke dalam aktiviti perniagaan dan operasinya. Rangka Kerja Bon/Sukuk Mampan Cagamas turut diwujudkan bagi membimbing penggunaan hasil daripada penerbitan kemampuan kepada aset yang layak. Sejalan dengan rangka kerja tersebut, Cagamas telah menubuhkan Rangka Kerja Pelaburan Kemampuan Cagamas pada tahun 2022, yang bertujuan untuk mengintegrasikan faktor Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (*Environmental, Social and Governance*, “ESG”) sebagai sebahagian daripada penilaian dan pertimbangan dalam melabur dalam aset mampan.

## LAPORAN KEMAMPAKAN *(sambungan)*

## STRATEGI KEMAMPAKAN

Strategi kemampanan Cagamas memberi tumpuan dalam menjadikan pembiayaan perumahan hijau dan mampu milik lebih arus perdana bagi membantu pemilik rumah dan rakan niaga mengatasi cabaran perubahan iklim, menyokong peralihan ke arah sifar bersih, serta mengurangkan kesan alam sekitar daripada operasi kami selari dengan pelan strategik lima tahun kami, Rumah Masa Depan Cagamas. Inisiatif kami berasaskan kepada pengembangan rangkaian produk merentasi rantai nilai perumahan untuk merangkumi produk dan penyelesaian pembiayaan perumahan hijau serta mampu milik. Ini memberikan pelabur lebih banyak pilihan pelaburan yang mempunyai nilai sosial dan alam sekitar, sambil mengintegrasikan elemen kemampanan dalam operasi dalaman bagi memastikan sumbangan bermakna kepada kakitangan dan komuniti. Strategi kemampanan ini akan membantu mendorong Cagamas dalam menegaskan komitmennya untuk mencapai 10% daripada jumlah aset sebagai aset mampan dan hijau menjelang tahun 2030.



## LAPORAN KEMAMPAHAN (sambungan)

## SUMBANGAN KEPADA MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN

Kumpulan menyumbang kepada pembangunan mampan melalui tindakan berimpak yang termaktub dalam Rangka Kerja Kemampanan Cagamas yang bertumpu kepada empat (4) prinsip tematik, iaitu mempromosikan pemilikan rumah mampan, menjadi majikan pilihan, serta memupuk kesan positif terhadap masyarakat dan alam sekitar. Setiap prinsip dan bidang tumpuannya menyumbang secara positif kepada pelbagai matlamat pembangunan mampan di bawah Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Sustainable Development Goals*, ("UN SDGs").

| Prinsip dalam Rangka Kerja Kemampanan Cagamas                                                                                                        | Objektif                                                                                                                                                                                                                                                                                         | Pencapaian & Kemajuan FY2024                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | Sumbangan kepada UN SDGs                                                                                                                                                                                                                                          |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|  <b>Prinsip 1:</b><br>Mempromosikan Pemilikan Perumahan yang Mampan | Menggalakkan pemilikan rumah yang mampan kepada semua rakyat Malaysia dengan menyokong keperluan kecairan institusi-institusi kewangan untuk mengembangkan portfolio pinjaman perumahan serta melalui program jaminan gadai janji.                                                               | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pembiayaan rumah yang dibeli secara kumulatif di pasaran gadai janji sekunder berjumlah RM226.3 bilion, bersamaan dengan 2.2 juta rumah, sejak ditubuhkan pada tahun 1986.</li> <li>Memberikan jaminan gadai janji kepada lebih dari 100,000 individu/isi rumah untuk memiliki rumah pertama mereka melalui Program Jaminan Gadai Janji Rumah Pertama (<i>First Home Mortgage Guarantee Programme</i>, "FHMGP"), Skim Rumah Pertamaku ("SRP") dan Skim Perumahan Belia ("SPB") sejak 2011; di mana 91.0% daripadanya adalah daripada segmen B40.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |                                                                                                                                                                                |
|  <b>Prinsip 2:</b><br>Majikan Pilihan                              | Kakitangan kami adalah aset terpenting dan memainkan peranan penting dalam memastikan inisiatif kemampanan diterapkan di seluruh Kumpulan. Kami komited untuk mewujudkan persekitaran kerja dan budaya yang kondusif, kerja yang bermakna, peluang kemajuan kerjaya, serta pembangunan peribadi. | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sebanyak 4,375 jam diperuntukkan untuk pembelajaran dan pembangunan, dengan purata 37 jam bagi setiap kakitangan.</li> <li>Pengganti yang dikenal pasti yang telah bersedia ketika ini berada pada kadar 62%, dengan pelaburan sebanyak RM1.1 juta dalam pembelajaran dan pembangunan merangkumi pelbagai disiplin dan program.</li> <li>Memperluas pertukaran pengetahuan dengan menghantar kakitangan untuk mempelajari amalan terbaik di institusi kewangan serta menjalankan kajian penanda aras daripada rakan setara Cagamas di Indonesia dan Jepun.</li> <li>Lima (5) pelajar tahun akhir dari universiti seluruh Malaysia telah dipilih untuk menjalani Program Latihan Industri di Cagamas.</li> <li>Pengubahsuaian pejabat Cagamas untuk menghidupkan semula ruang yang akan menjadi tempat kolaborasi dan inovasi untuk masa depan Cagamas.</li> </ul> |                                                                                                                                                                               |
|  <b>Prinsip 3:</b><br>Impak Kemasyarakatan yang Positif           | Kami komited untuk mewujudkan impak sosial jangka panjang yang positif dalam komuniti di mana kami beroperasi melalui inisiatif keterlibatan komuniti, program biasiswa, pengagihan zakat, serta produk dan penyelesaian yang inklusif.                                                          | <ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi manfaat kepada hampir 30,000 penerima pada tahun 2024 melalui Program Zakat Wakalah Korporat dan inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (<i>Corporate Social Responsibility</i>, "CSR") kami.</li> <li>Menyumbang kira-kira RM1.5 juta kepada Program Biasiswa Cagamas yang memberi manfaat kepada 46 sarjana sejak 2016.</li> <li>Membeli RM150 juta pinjaman sewa beli industri tanpa karbon melalui skim Pembelian dengan Rekurs (Purchase with Recourse, "PWR"), memberi manfaat kepada 511 Perusahaan Kecil dan Sederhana ("PKS").</li> <li>Memasuki perjanjian Pembelian Semula Sosial (<i>Social Repurchase Agreement</i>, "Social Repo") yang pertama untuk PKS &amp; menerbitkan Kertas Komersial Islam pertama dengan label Sukuk SRI (Social and Responsible Investment) Sosial ASEAN.</li> </ul>                                             |                                                                                                                                                                              |
|  <b>Prinsip 4:</b><br>Impak Persekitaran yang Positif             | Kami berhasrat untuk mempromosikan kesan positif terhadap alam sekitar dengan membantu pemilik rumah dan rakan niaga mengurus cabaran perubahan iklim melalui produk dan penyelesaian kami serta mengurangkan kesan operasi kami.                                                                | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sebagai sebahagian daripada Inisiatif Sifar Bersih Cagamas, Cagamas, melalui kerjasama dengan Bank Pembangunan Asia (<i>Asian Development Bank</i>, "ADB") and Ernst &amp; Young ("EY") telah menganjurkan bengkel perundingan yang menghimpunkan pihak berkepentingan untuk memacu pembangunan dan mempromosikan Pinjaman Perumahan Hijau dan Mampu Milik di Malaysia, terutamanya dalam kalangan B40, M40 dan isi rumah yang diketuai wanita.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |    |

## LAPORAN KEMAMPAHAN (sambungan)



### PRINSIP 1: MEMPROMOSIKAN PEMILIKAN RUMAH YANG MAMPAN

#### BAGAIMANA CAGAMAS MENCIPTA NILAI



Sebagai Perbadanan Cagaran Malaysia, Cagamas terus mempromosikan pemilikan rumah yang mampan kepada semua rakyat Malaysia dengan menyediakan pembiayaan yang kompetitif kepada institusi kewangan melalui skim PWR dan Pembelian tanpa Rekursa (*Purchase without Recourse*, "PWOR") bagi memperluaskan kapasiti pertumbuhan portfolio pinjaman perumahan mereka. Ini membolehkan peminjam mendapat akses kepada gadai janji yang lebih mampu milik. Cagamas juga memudahkan pemilikan rumah pertama, terutamanya bagi kumpulan pendapatan M40 dan B40, melalui skim jaminan gadai janji yang menawarkan jaminan kewangan sehingga 10% hingga 20% daripada jumlah pinjaman dan pembiayaan.

Cagamas kekal komited dalam menyumbang serta mencipta impak positif melalui peluang yang dikenal pasti dalam pembangunan perumahan mampan, termasuk penambahbaikan berterusan terhadap produk dan penyelesaiannya serta galakan kepada aktiviti perumahan hijau dan mampu milik.

## SOROTAN UTAMA TAHUN 2024

### MEMUDAHKAN SEMUA RAKYAT MALAYSIA MENCAPAI PEMILIKAN RUMAH YANG BERJAYA

Sejak penubuhannya pada tahun 1986, Cagamas telah secara kumulatif membeli pembiayaan di pasaran sekunder berjumlah RM279.9 bilion yang kebanyakannya terdiri daripada pembiayaan perumahan sebanyak RM226.3 bilion, yang bersamaan dengan 2.2 juta rumah. Pada tahun 2024, Kumpulan telah membeli pembiayaan perumahan di pasaran sekunder berjumlah RM12.0 bilion, bersamaan dengan 37,212 buah rumah.


### MEMUDAHKAN AKSES KEPADA PEMBIAYAAN RUMAH UNTUK KUMPULAN BERPENDAPATAN RENDAH HINGGA SEDERHANA

Kumpulan juga telah menyediakan jaminan gadai janji bagi pinjaman dan pembiayaan perumahan kepada pembeli rumah pertama melalui FHMGP, SRP, dan SPB berjumlah RM25.4 bilion sejak pelaksanaan skim-skim ini. Ini telah membolehkan lebih daripada 100,000 individu/isi rumah memiliki rumah pertama mereka, di mana 91.0% daripadanya adalah daripada segmen B40.

### MENYOKONG PERTUMBUHAN RUMAH MAMPU MILIK MELALUI PENERBITAN MAMPAN

Cagamas merupakan antara pemacu utama dalam agenda kemampanan melalui terbitan bon dan sukuk mampan sebagai salah satu usaha berterusan untuk mewujudkan kelas aset mampan yang baru.

Sehingga kini, Cagamas secara terkumpul telah menerbitkan sejumlah RM4.9 bilion bon dan sukuk mampan sejak tahun 2020, dengan RM2.9 bilion masih belum lunas setakat 31 Disember 2024. Hasil daripada terbitan ini telah diperuntukkan terutamanya kepada aset yang layak selaras dengan Rangka Kerja Bon dan Sukuk Mampan Cagamas, di mana 93.8% daripada hasil tersebut telah disalurkan kepada perumahan mampu milik.



\*Pinjaman yang tidak memenuhi kriteria kelayakan dan akan digantikan dengan pinjaman kemampanan yang layak pada tahun 2025



## LAPORAN KEMAMPAHAN (sambungan)



## PRINSIP 2: MAJIKAN PILIHAN

### BAGAIMANA CAGAMAS MENCIPTA NILAI



Pembukaan semula pejabat yang direka bentuk

Di Cagamas, tenaga kerja adalah nadi kejayaan kami. Komitmen syarikat melangkau jauh dari kebiasaan - kami berusaha untuk membina persekitaran positif yang bukan sahaja memupuk semangat kakitangan kami tetapi juga mendorong mereka ke arah kecemerlangan. Kami berhasrat untuk menyediakan tempat kerja yang adil dan saksama, di mana setiap hari bukan sahaja membawa cabaran, tetapi juga memberi peluang untuk perkembangan peribadi dan profesional.

Menyelami Nilai Teras kami, yang dimanifestasikan dalam Kerjasama, Kebertanggungjawaban, Daya Tahan dan Kecemerlangan (*Collaboration, Accountability, Resilience and Excellence, "C.A.R.E."*) telah menjadi prinsip panduan dalam membawa Cagamas ke hadapan sebagai peneraju dalam mempromosikan pemilikan rumah di seluruh negara.


## SOROTAN UTAMA TAHUN 2024

### CAGAMAS SEBAGAI TEMPAT KERJA YANG ADIL DAN SAKSAMA

Kami memupuk persekitaran inklusif yang menghargai kepelbagaian dan memperkasakan individu untuk menyumbang perspektif unik mereka. Komitmen kami terhadap kepelbagaian bukan sekadar pengiktirafan, tetapi menggunakan kekuatan kolektif tenaga kerja yang pelbagai untuk memastikan setiap individu mencapai potensi penuh mereka, sekaligus membentuk tempat kerja yang penuh dengan pelbagai kepakaran dan berbakat.

### KEPAKARAN DI SEBALIK KEJAYAAN CAGAMAS

Tenaga kerja Cagamas merangkumi pelbagai komposisi jantina, kumpulan umur, dan tempoh perkhidmatan di Cagamas seperti berikut:



## LAPORAN KEMAMPAHAN (sambungan)

### PERJALANAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL UNTUK MODAL INSAN BERKEMAHIRAN TINGGI

Komitmen kami terhadap pembangunan profesional bukan sahaja untuk meningkatkan trajektori kerjaya individu tetapi juga demi menyumbang kepada kejayaan dan inovasi keseluruhan syarikat kami. Kami tetap teguh dengan komitmen kami untuk menyediakan peluang pembelajaran dan pertumbuhan berterusan, memastikan kakitangan kami dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan untuk mendepani landskap industri yang sentiasa berkembang.



#### Pembelajaran Korporat

Kami komited untuk memupuk budaya pembelajaran dan pertumbuhan berterusan. Program kami bukan sahaja meningkatkan kepakaran teknikal, tetapi juga melengkapkan kakitangan dengan kemahiran insaniah yang penting untuk pertumbuhan peribadi dan profesional.

Bidang tumpuan 2024 adalah Kemampanan, Keselamatan Siber dan Risiko dalam Pasaran dan Kecairan.



Jam latihan = **4,375**



Purata jam latihan setiap kakitangan = **37**



#### Pelan Penggantian

Pelbagai usaha diteruskan untuk merealisasikan jawatan kritikal dan penting yang kini mencapai 62% pada tahun 2024 (2023: 56%), dengan sebanyak RM1.1 juta telah dilaburkan untuk pembangunan dan kemajuan kerjaya setiap individu.



#### Pertukaran Pengetahuan

Kakitangan kami telah diberi peluang untuk mempelajari amalan terbaik dalam industri perbankan serta daripada rakan setara dalam syarikat gadai janji nasional dari negara lain.

- Empat (4) kakitangan dihantar ke institusi kewangan dari Julai hingga September 2024 untuk mempelajari amalan terbaik dalam proses pengurusan risiko, operasi pejabat tengah, dan pemodelan kemerosotan aset.
- Pada Julai 2024, lima (5) kakitangan telah melawat PT. Sarana Multigriya Finansial (Persero) ("SMF") di Indonesia untuk mengkaji pasaran gadai janji Indonesia, inisiatif SMF, serta peranan bahagian Penyelidikan di SMF.
- Empat (4) kakitangan melawat Japan Housing Finance Agency ("JHF") pada November 2024 untuk mendapatkan pemahaman mendalam mengenai pasaran gadai janji di Jepun serta inisiatif yang dilaksanakan oleh JHF.



#### Program Latihan Industri Cagamas

Lima (5) pelajar tahun akhir dari pelbagai universiti di seluruh Malaysia telah dipilih untuk meneroka kerjaya dalam industri kewangan. Melalui program ini, individu terpilih ini akan memperoleh pengalaman berharga apabila mereka dapat melibatkan diri dalam projek sebenar dan telah belajar daripada pakar industri yang membolehkan mereka meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta memperkasakan diri mereka untuk membina kerjaya.

**4**

Perempuan



**1**

Lelaki

Bidang pengajian para peserta termasuk:

- Perakaunan & Kewangan
- Undang-Undang
- Pentadbiran Perniagaan
- Matematik Kewangan

#### Penaiktarafan Pejabat Cagamas

Cagamas telah menyelesaikan proses reka bentuk semula dan pengubahsuaian ruang pejabatnya pada Disember 2024. Sepanjang tempoh ini, kakitangan Cagamas telah mengharungi peralihan yang ketara, menyesuaikan diri dengan bekerja dari jauh serta menggunakan lokasi pejabat sementara untuk perbincangan dan mesyuarat penting. Kini, dengan siapnya pejabat baharu yang telah dinaik taraf, Cagamas dan kakitangannya dapat menikmati ruang kerja moden yang menggalakkan inovasi dan kolaborasi.

## LAPORAN KEMAMPAHAN (sambungan)



### PRINSIP 3: IMPAK KEMASYARAKATAN YANG POSITIF

#### BAGAIMANA CAGAMAS MENCIPTA NILAI



Cagamas komited untuk membina impak kemasyarakatan positif secara jangka panjang melalui pelbagai inisiatif penglibatan komuniti yang mencerminkan komitmen Kumpulan untuk menyumbang kembali kepada masyarakat sambil memastikan pertumbuhan komuniti yang mampan. Inisiatif sumbangan dan pembangunan sosial Cagamas adalah termasuk memberi akses kepada pendidikan yang berkualiti untuk pelajar kurang bernasib baik melalui program biasiswa, pengagihan dana melalui zakat dan pelaburan sosial, serta pembangunan produk inovatif dalam usaha kami untuk mempromosikan masyarakat yang lebih inklusif dan prihatin.

## SOROTAN UTAMA TAHUN 2024

### MENYEDIAKAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN BERKUALITI UNTUK PELAJAR KURANG BERKEMAMPUAN MELALUI PROGRAM BIASISWA

Sejak penubuhannya pada tahun 2016, Program Biasiswa Cagamas telah memainkan peranan penting dalam menyokong pelajar daripada isi rumah berpendapatan rendah dalam mengejar pendidikan tinggi. Salah satu daripada komitmennya untuk membangunkan bakat masa depan dalam industri perkhidmatan kewangan, Cagamas telah melabur kira-kira RM1.5 juta dalam biasiswa, memberi manfaat kepada 46 sarjana dalam pelbagai bidang pengajian.



Program Biasiswa Cagamas kumpulan 2023 dan 2024

### MEMPERLUAS SALURAN PROMOSI SKIM SARAAN BERKAGAR KEPADA PEMILIK RUMAH BERSARA

Pada tahun 2024, Cagamas terus meningkatkan kesedaran mengenai produk gadai janji berbalik yang terdiri daripada Skim Saraan Bercagar dan Skim Saraan Bercagar Islamik. Skim ini menawarkan penyelesaian kewangan yang komprehensif kepada pemilik rumah yang sudah bersara dan mungkin terkesan oleh keadaan ekonomi semasa yang mengakibatkan simpanan tidak mencukupi, sekaligus membantu mereka mengekalkan taraf hidup yang lebih baik.

Cagamas juga akan memperkenalkan skim baharu di bawah produk gadai janji berbalik, membolehkan pemilik rumah menggunakan kunci nilai hartanah mereka sambil mengekalkan pemilikan pembiayaan dalam tempoh tertentu. Untuk menyokong pelancaran inisiatif ini, Cagamas membentuk perkongsian strategik dengan institusi kewangan pada 2024, bertujuan untuk memanfaatkan rangkaian mereka yang luas dalam meningkatkan kesedaran dan juga untuk meluaskan jangkauan pasaran tentang produk ini.

## LAPORAN KEMAMPAHAN (sambungan)

### MENYOKONG KOMUNITI MELALUI PROGRAM CSR DAN ZAKAT

Pada tahun 2024, pendekatan CSR Cagamas tertumpu kepada pemberian geran bagi pembangunan infrastruktur komuniti dan program pendidikan. Inisiatif ini telah memberi manfaat kepada hampir 20,000 penerima dengan jumlah peruntukan kira-kira RM198,000.

Jumlah sumbangan untuk CSR pada tahun 2024:

**RM198,000**

(2023: RM150,000)  
telah membantu



#### Menaik taraf infrastruktur untuk 19,100 penduduk

Menaiktarafkan seperti pembaikan dan peningkatan kemudahan komuniti, telah memberi impak positif kepada **lebih 19,100 penduduk**, terutamanya kumpulan yang terdedah seperti ibu tunggal dan anak yatim.



#### Manfaat keselamatan sosial untuk 400 suri rumah

Inisiatif tersasar dalam memastikan kewangan kestabilan dan akses kepada faedah penting untuk **400 suri rumah** berpendapatan rendah daripada kumpulan B40.



#### Keselamatan makanan untuk 200 isi rumah

Projek pertanian komuniti memperkasakan **200 isi rumah** dengan mempertingkatkan keselamatan makanan dan menggalakkan kemampanan diri.

Lembaga Pengarah terdiri daripada sembilan (9) Pengarah Bukan Eksekutif yang merangkumi ketua eksekutif serta wakil-wakil terpilih daripada pemegang syer utama dan golongan profesional yang berpengalaman luas. Secara kolektif, para Pengarah menyumbang kepakaran yang menyeluruh dalam bidang perbankan dan kewangan, pasaran modal, perakaunan, undang-undang, ekonomi dan pengurusan risiko.

Selaras dengan piawaian dokumen dasar Tadbir Urus Korporat Bank Negara Malaysia 2016 (BNMCG), majoriti Pengarah merupakan Pengarah Bebas, iaitu bebas dari segi perhubungan, kepentingan serta keadaan yang boleh mempengaruhi objektiviti pertimbangan mereka. Mereka menyumbang pandangan objektif dan bebas dalam perbincangan lembaga serta tidak terlibat dalam operasi harian Syarikat.

Semua Pengarah Bebas Syarikat yang baharu dilantik akan memegang jawatan bagi tempoh tiga (3) tahun, dengan pembaharuan pelantikan tertakluk kepada kelulusan Lembaga, serta dihadkan kepada tempoh kumulatif maksimum sembilan (9) tahun, sejajar dengan prinsip tadbir urus korporat terbaik. Had ini dipatuhi secara ketat oleh Lembaga Pengarah.

### IV. Jawatankuasa Lembaga Kumpulan

Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Audit Lembaga Kumpulan ("GBAC") dan Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga Kumpulan ("GBGC"), yang masing-masing beroperasi mengikut terma rujukan yang diluluskan oleh Lembaga. Jawatankuasa lain seperti Jawatankuasa Imbuan dan Organisasi Kakitangan Lembaga serta Jawatankuasa Risiko Lembaga (BRC) terus beroperasi di bawah struktur tadbir urus Cagamas Berhad.

#### • Jawatankuasa Audit Lembaga Kumpulan (GBAC)

Butiran GBAC dinyatakan secara terperinci dalam Laporan Kumpulan Jawatankuasa Audit Lembaga yang terkandung Laporan Tahunan.

#### • Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga Kumpulan (GBGC)

GBGC terdiri daripada tiga (3) Pengarah Bukan Eksekutif, iaitu:

Tan Sri Dr. Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani (Pengerusi)  
Tan Sri Dato' Sri Dr. Tay Ah Lek  
Dato' Bakarudin Ishak

GBGC bertanggungjawab memastikan amalan tadbir urus yang kukuh dan efektif bagi Cagamas Holdings Berhad dan Cagamas Berhad. Jawatankuasa ini secara berkala menilai keberkesanan keseluruhan Lembaga Pengarah, jawatankuasa-jawatankuasa di


bawah Lembaga, serta sumbangan individu setiap pengarah. Berdasarkan hasil penilaian tersebut, GBGC mencadangkan pelantikan ahli baharu kepada Lembaga serta jawatankuasa berkaitan.

Syarikat telah mewujudkan piawaian amalan yang jelas sebagai panduan dalam perkara berikut:

- (a) Pelantikan pengarah baharu dan ahli jawatankuasa lembaga; dan
- (b) Pelantikan semula pengarah

#### (a) Pelantikan Pengarah

Proses penamaan, penilaian dan kelulusan pelantikan baharu adalah seperti berikut:



Calon yang dicadangkan untuk pelantikan sebagai Pengarah terlebih dahulu dinilai secara teliti oleh GBGC. Penilaian ini mengambil kira kemahiran, pengalaman serta kesesuaian calon dengan keperluan strategik Lembaga Pengarah, termasuk penilaian terhadap integriti peribadi, kedudukan kewangan dan reputasi calon. Selain itu, calon juga dikehendaki mengemukakan deklarasi Patut & Wajar ("Fit & Proper")

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT *(sambungan)*

### (b) Pelantikan semula Pengarah

Proses pelantikan semula pengarah adalah tertakluk kepada penilaian dan kelulusan berikut:

#### Penilaian oleh GBGC

- Penilaian keputusan penilaian dan set kemahiran
- Deklarasi Patut & Wajar (*Fit & Proper*)
- Jika sesuai, mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah



#### Perbincangan dan keputusan oleh Lembaga Pengarah

Selaras dengan Perlembagaan Syarikat, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Pengarah akan bersara pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) dan boleh menawarkan diri untuk pemilihan semula tertakluk kepada kelulusan pemegang syer. Pengarah yang layak dan bersedia untuk pemilihan semula akan dinilai terlebih dahulu oleh GBGC sebelum disyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Maklumat berkaitan pemilihan semula Pengarah serta justifikasi sokongan Lembaga akan dimaklumkan secara jelas dalam notis Mesyuarat Agung Tahunan.

Di samping itu, mana-mana Pengarah yang dilantik oleh Lembaga pada tahun kewangan tersebut perlu bersara pada AGM yang berikutnya dan layak menawarkan diri untuk pemilihan semula.

Satu proses penilaian formal telah diwujudkan bagi membolehkan GBGC menjalankan penilaian tahunan terhadap keberkesanan Lembaga Pengarah dan jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga, termasuk penilaian sendiri dan rakan pengarah, serta penilaian terhadap set kemahiran setiap Pengarah.

GBGC bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali pada setiap tahun kewangan, dan mesyuarat tambahan boleh diadakan apabila perlu. Syor dan keputusan turut dibuat melalui resolusi pekeliling.

Bagi tahun kewangan 2024, GBGC telah bermesyuarat sebanyak dua kali dengan kehadiran penuh oleh semua ahlinya.

Berdasarkan penilaian tahunan yang dilaksanakan bagi tahun kewangan 2024, GBGC berpuas hati dengan prestasi Lembaga Pengarah, jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga serta setiap Pengarah secara individu.

## V. Ganjaran Pengarah

Polisi Syarikat berkenaan ganjaran pengarah bertujuan menarik pengarah yang berkaliber serta berpengalaman, bagi memastikan pengawasan aktiviti Kumpulan dilaksanakan secara efektif. GBGC menjalankan semakan terhadap imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif setiap tiga (3) tahun bagi memastikan bahawa ganjaran tersebut sejajar dengan komitmen masa, kepakaran yang disumbangkan, serta mencerminkan risiko, kerumitan perniagaan Kumpulan dan tanggungjawab yang dipikul.

Ganjaran yang dibayar kepada para Pengarah Syarikat dinyatakan seperti berikut dalam penyata kewangan:

| Pengarah Bukan Eksekutif                      | Yuran Pengarah (RM) | Elaun Mesyuarat (RM) | Jumlah (RM) |
|-----------------------------------------------|---------------------|----------------------|-------------|
| Dato' Bakarudin Ishak<br>(Pengerusi Lembaga)  | 100,000             | 32,000               | 132,000     |
| Tan Sri Dato' Sri Dr. Tay Ah Lek              | 70,000              | 17,500               | 87,500      |
| Dato' Lee Kok Kwan                            | 70,000              | 35,000               | 105,000     |
| Wan Hanisah Wan Ibrahim                       | 70,000              | 35,000               | 105,000     |
| Tan Sri Dr. Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani | 70,000              | 27,500               | 97,500      |
| Datuk Siti Zauyah Md Desa                     | 70,000              | 14,000               | 84,000      |
| Chong Kin Leong                               | 70,000              | 42,500               | 112,500     |
| Dato' Khairussaleh Ramli                      | 23,142              | 7,000                | 30,142      |
| Dato' Muzaffar Hisham                         | 46,858              | 7,000                | 53,858      |

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT *(sambungan)*

### VI. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, Lembaga Pengarah telah mengadakan lima (5) mesyuarat bagi membincangkan pelbagai perkara, termasuk prestasi perniagaan Kumpulan, profil risiko, pelan perniagaan dan isu-isu strategik yang mempengaruhi perniagaan Kumpulan. Jadual mesyuarat Lembaga Pengarah disediakan setahun lebih awal sebagai panduan untuk memastikan kehadiran maksimum pada mesyuarat Lembaga.

Para Pengarah dibekalkan dengan kertas mesyuarat yang mencukupi dan tepat pada masanya sebelum mesyuarat berlangsung. Syarikat telah beralih kepada penggunaan sistem penyebaran maklumat secara elektronik, bertujuan menggalakkan persekitaran mesra alam, di mana kertas mesyuarat yang merangkumi maklumat kemas terkini mengenai operasi, kewangan, profil risiko, isu kawal selia dan perkembangan korporat diedarkan secara elektronik sebelum mesyuarat.

Semua Pengarah turut mempunyai akses secara langsung kepada pihak pengurusan Cagamas, selain akses kepada khidmat nasihat serta perkhidmatan juruaudit dalaman dan luaran. Dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing, para Pengarah juga berhak mendapatkan nasihat profesional bebas atas perbelanjaan Syarikat, sekiranya diperlukan.

Para Pengarah mempunyai akses terus serta tidak terhad kepada nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat untuk membantu mereka melaksanakan tugas masing-masing dengan berkesan. Setiausaha Syarikat menghadiri setiap mesyuarat lembaga, memastikan mesyuarat tersebut dijalankan secara teratur, seta memastikan rekod prosiding dan resolusi yang diluluskan disediakan dengan tepat dalam buku berkanun yang disimpan di pejabat berdaftar Syarikat. Setiap Pengarah yang mempunyai kepentingan dalam mana-mana perkara yang dibincangkan diwajibkan mengisytiharkan kepentingan tersebut serta mengecualikan diri dalam perbincangan dan pengundian ke atas perkara tersebut dalam mesyuarat.

Kehadiran para Pengarah dalam mesyuarat Lembaga serta Jawatankuasa Lembaga sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

| Pengarah                                                                                      | Tahap Kebebasan | Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah | Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah |      |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------|--------------------------------------|---------------------------------------------------|------|
|                                                                                               |                 |                                      | GBGC                                              | GBAC |
| Dato' Bakarudin Ishak<br>(Pengerusi Lembaga Pengarah)                                         | Bebas           | 5/5                                  | 2/2                                               | –    |
| Tan Sri Dato' Sri Dr. Tay Ah Lek                                                              | Bukan Bebas     | 3/5                                  | 2/2                                               | –    |
| Dato' Lee Kok Kwan                                                                            | Bukan Bebas     | 5/5                                  | –                                                 | 5/5  |
| Wan Hanisah Wan Ibrahim                                                                       | Bebas           | 5/5                                  | –                                                 | 5/5  |
| Tan Sri Dr. Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani<br>(Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga) | Bebas           | 5/5                                  | 2/2                                               | –    |
| Datuk Siti Zauyah Md Desa                                                                     | Bebas           | 4/5                                  | –                                                 | –    |
| Chong Kin Leong<br>(Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga)                                     | Bebas           | 5/5                                  | –                                                 | 5/5  |
| Dato' Khairussaleh Ramli<br>(Perletakkan jawatan berkuatkuasa 1 Mei 2024)                     | Bukan Bebas     | 2/2                                  | –                                                 | –    |
| Dato' Muzaffar Hisham<br>(Pelantikan berkuatkuasa 1 Mei 2024)                                 | Bukan Bebas     | 2/3                                  | –                                                 | –    |

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT *(sambungan)*

### VII. Induksi dan Latihan Pengarah

Pengarah yang baru dilantik akan menghadiri program induksi khusus yang disesuaikan dengan keperluan masing-masing. Program induksi ini melibatkan sesi pertemuan dengan Pengurusan Kanan Utama bagi membolehkan mereka mendapatkan pemahaman mendalam mengenai operasi serta perniagaan Kumpulan. Semasa program induksi ini, para Pengarah baharu turut diberikan taklimat oleh Ketua-Ketua Bahagian yang berkaitan mengenai fungsi dan tanggungjawab bahagian masing-masing, bertujuan untuk memperkenalkan mereka dengan operasi serta struktur organisasi Kumpulan, selain menyediakan untuk komunikasi dan interaksi berkesan bersama Pengurusan.

Sebagai tambahan, program latihan berterusan disediakan kepada para Pengarah bagi meningkatkan lagi set kemahiran merka serta memastikan mereka mendapat maklumat terkini berkenaan perkembangan semasa dalam sektor perkhidmatan kewangan, termasuk undang-undang, peraturan serta bidang-bidang yang berkaitan tadbir urus dan pengurusan risiko. Sebahagian daripada Pengarah juga merupakan pengarah di syarikat-syarikat tersenarai awam dan telah menghadiri Program Akreditasi Mandatori seperti yang diwajibkan oleh Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia, manakala beberapa Pengarah Kumpulan telah menghadiri Program Teras FIDE.

Program latihan yang dihadiri oleh para Pengarah sepanjang tahun 2024 diperincikan seperti berikut:

| Program Latihan                                                                                                                                          | Tempoh (Hari) |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|
| <b><u>FORUM Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (FIDE):</u></b>                                                                                       |               |
| Fireside Chat dengan Bekas Gabenor Bank Pusat mengenai “Perbankan Pusat dalam Sistem Kewangan Antarabangsa yang Berkembang”                              | 1             |
| BNM – FIDE FORUM: Sesi Penglibatan dengan Lembaga Pengarah Institusi Kewangan Islam: Dokumen Dasar Hajah dan Darurah                                     | 1             |
| FORUM BNM-FIDE: Penglibatan Pemetaan Tanggungjawab bersama Pengarah Institusi Kewangan                                                                   | 1             |
| Forum FIDE – Siri Kelas Induk Pengarah CGM: Apa yang Pengarah Mesti Tahu tentang Perkembangan Terkini dalam Sains Iklim                                  | 1             |
| FIDE FORUM-CGM: Kelas Induk mengenai Perkembangan Terkini dalam Siri Pampasan Eksekutif Sejajar Iklim bagi Pengarah                                      | 1             |
| Kelas Induk: Dinamik Bilik Lembaga dalam Ceramah Isu Iklim oleh Encik Nick Chia                                                                          | 1             |
| Sesi Penglibatan Ahli FIDE FORUM mengenai Laporan Tahunan BNM 2023, Kajian Ekonomi dan Monetari 2023 serta Kajian Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2023 | 1             |
| Sesi Perkongsian Maklumat dan Penglibatan mengenai Budaya Lembaga                                                                                        | 1             |
| Inovasi Data untuk Menggalakkan Rangkuman Kewangan – Meneroka Sempadan Baharu                                                                            | 1             |
| Bicara Sarapan: Memanfaatkan AI dalam Melawan Jenayah Kewangan                                                                                           | 1             |
| Mencegah Penipuan: Peranan dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah                                                                                            | 1             |
| Siri Kepimpinan Lembaga Terbilang 2024: Transformasi Digital dalam Bank Terbaik Dunia                                                                    | 1             |
| Mendahului: Membangunkan Pelan Peralihan yang Boleh Dipercayai untuk Institusi Kewangan                                                                  | 1             |
| Tinjauan Ekonomi & Forum Pasca Belanjawan 2025, anjuran Dewan Perniagaan British Malaysia (BMCC)                                                         | 1             |
| <b><u>Sekolah Perniagaan Asia (ASB)</u></b>                                                                                                              |               |
| ASB: Mengurus Budaya untuk Mencegah Salah Laku                                                                                                           | 1             |
| ASB: FIDE elektif: Memahami Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Aset-Liabiliti (ALCO) dan Pengurusan Aset-Liabiliti                                   | 1             |
| ASB: FIDE elektif: Program Risiko Pasaran                                                                                                                | 1             |
| <b><u>Institut Jurubank Bertauliah Asia (AICB)</u></b>                                                                                                   |               |
| Persidangan Antarabangsa Ke-14 mengenai Jenayah Kewangan dan Pembiayaan Keganasan (IFCTF) 2024: Siri Masterclass Khas untuk Ahli Lembaga Pengarah        | 1             |



## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT *(sambungan)*

### VIII. Jawatankuasa Pengurusan

Di Cagamas, beberapa jawatankuasa pengurusan telah diwujudkan untuk membantu Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dalam menyelia pelbagai aktiviti dan operasi Kumpulan. Jawatankuasa pengurusan yang telah ditubuhkan merangkumi:

Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan  
Jawatankuasa Liabiliti dan Aset  
Jawatankuasa Pemandu Teknologi Maklumat  
Jawatankuasa Pengurusan Krisis  
Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan  
Jawatankuasa Pembangunan Produk  
Jawatankuasa Kredit Gadai Janji Berbalik  
Jawatankuasa Operasi  
Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Organisasi & Sumber Manusia

### IX. Pengukuhan Budaya Tadbir Urus Korporat

#### • Dasar Pemberi Maklumat (Whistleblowing Policy)

Cagamas telah mewujudkan Dasar Pemberi Maklumat bagi menyediakan saluran kepada pihak berkepentingan untuk melaporkan secara terbuka dan jujur sebarang tindakan salah laku yang diketahui atau disyaki berlaku dalam Kumpulan.

Pemakluman boleh dibuat sama ada secara lisan atau bertulis kepada pihak yang diberi kuasa, dan polisi ini diterbitkan di laman sesawang rasmi Cagamas.

#### • Polisi Anti-Rasuah dan Anti-Penyelewangan

Cagamas telah memperkenalkan Polisi Anti-Rasuah dan Anti-Penyelewangan ("ABC") sebagai panduan kepada Pengarah, Kakitangan Kumpulan serta rakan perniagaan untuk mengenal pasti, mengelakkan, dan menangani sebarang tindakan rasuah atau sogokan serta isu-isu berkaitan yang mungkin timbul dalam menjalankan aktiviti perniagaan.

Dasar ABC ini terpakai kepada semua kakitangan, Pengarah dan rakan perniagaan Kumpulan, serta diterbitkan di laman sesawang rasmi Cagamas.



### PRINSIP B: AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO YANG BERKESAN

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan terhadap tadbir urus korporat, hala tuju strategik, penetapan selera risiko, penggubalan dasar dan pengawasan operasi Kumpulan. Lembaga memastikan sistem yang bersesuaian diwujudkan untuk mengenal pasti risiko material yang dihadapi Kumpulan, serta memastikan pelaksanaan langkah kawalan dalaman dan mitigasi yang sewajarnya bagi menguruskan risiko-risiko tersebut. Selain itu, Lembaga turut dipertanggungjawabkan untuk memastikan kecukupan serta integriti sistem kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan Kumpulan, termasuk pematuhan terhadap undang-undang, peraturan, arahan dan garis panduan yang berkaitan.

#### I. Jawatankuasa Audit Lembaga Kumpulan

Pengawasan terhadap pelaporan kewangan dan sistem kawalan dalaman Kumpulan adalah di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Audit Lembaga Kumpulan ("GBAC").

Kumpulan telah menubuhkan Bahagian Audit Dalaman ("IAD"), yang melaporkan secara terus kepada GBAC dan membantu Lembaga dalam menjalankan tanggungjawabnya bagi memastikan Kumpulan memiliki sistem kawalan dalaman yang kukuh dan berkesan. IAD beroperasi secara bebas daripada aktiviti atau operasi unit-unit lain. Ini membolehkan IAD memberikan jaminan bebas dan munasabah kepada GBAC berhubung keadaan sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko, serta proses tadbir urus dalam Kumpulan.

IAD menjalankan fungsi audit dalaman Kumpulan berdasarkan Piagam Audit dan Pelan Audit Tahunan ("AAP") yang diluluskan oleh GBAC. AAP disediakan berdasarkan hasil proses penilaian risiko yang sistematik, di mana risiko-risiko yang timbul daripada proses utama serta inisiatif strategik Cagamas telah dikenal pasti, diberi keutamaan, dan dikaitkan dengan bidang yang boleh diaudit. Proses penilaian risiko ini turut membolehkan IAD memberi keutamaan kepada bidang-bidang yang perlu diaudit. Selain itu, AAP juga merangkumi bidang-bidang yang perlu diaudit setiap tahun kerana keperluan kawal selia.

#### II. Hubungan dengan Juruaudit

Peranan dan tanggungjawab GBAC berhubung dengan juruaudit dalaman dan luaran dinyatakan secara terperinci dari muka surat 78 hingga 81 dalam Laporan Tahunan ini.

##### Juruaudit Dalaman

IAD melaporkan secara berfungsi kepada GBAC serta mempunyai akses terus yang tidak terhad kepada jawatankuasa tersebut. Fungsi audit dalaman ini dilaksanakan secara bebas daripada aktiviti atau operasi unit-unit lain, sebagaimana yang dinyatakan dalam Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman Syarikat di muka surat 82 hingga 85 dalam Laporan Tahunan ini.

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT (sambungan)

### Juruaudit Luar

Juruaudit luar, Tetuan Ernst & Young PLT, telah menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah dan GBAC pada tahun 2024 bagi melaporkan perkara-perkara berkaitan audit luaran dan kewangan Kumpulan. Juruaudit luar turut hadir semasa AGM Syarikat untuk menjawab pertanyaan pemegang syer berhubung pengendalian audit berkanun serta kandungan laporan audit mereka.

Maklumat berkaitan ganjaran juruaudit serta yuran bukan audit yang dibayar dinyatakan pada muka surat 172 dalam Laporan Tahunan ini.

### III. Jawatankuasa Risiko Lembaga (Cagamas Berhad)

Lembaga Pengarah menetapkan tahap selera risiko keseluruhan untuk aktiviti perniagaan Kumpulan. Tanggungjawab pengawasan pengurusan risiko Kumpulan diserahkan kepada Jawatankuasa Risiko Lembaga Cagamas ("BRC").

BRC bertanggungjawab menyelia pengurusan risiko yang berkaitan dengan perniagaan serta operasi Kumpulan. Jawatankuasa ini mengawasi pembangunan strategi, dasar, proses serta sistem dalaman utama untuk mengenal pasti, menilai, mengukur, mengurus, memantau, serta melaporkan risiko-risiko yang dihadapi oleh Kumpulan. BRC melaporkan secara langsung kepada Lembaga Pengarah Cagamas bagi memastikan Lembaga sentiasa dimaklumkan tentang keputusan semakan risiko serta isu-isu berkaitan risiko yang penting.

Dalam melaksanakan fungsinya, BRC dibantu oleh Bahagian Pengurusan Risiko dan Pematuhan ("RMD"), yang bertanggungjawab melaksanakan fungsi pengurusan risiko serta menjalankan semakan pengurusan risiko ke atas operasi perniagaan Cagamas sebagai entiti operasi utama serta entiti lain dalam Kumpulan. Keputusan pengurusan risiko, hasil semakan pematuhan serta penemuan lain dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dan lembaga pengarah anak-anak syarikat masing-masing. Prinsip-prinsip pengurusan risiko Kumpulan secara amnya adalah berasaskan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia serta amalan terbaik industri.

Ketua Pegawai Risiko dan Pematuhan RMD sentiasa memastikan Lembaga Pengarah dikemaskini dan dimaklumkan mengenai undang-undang serta arahan baharu yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia serta implikasi terhadap Kumpulan dan tanggungjawab Pengarah secara khusus.



### PRINSIP C: INTEGRITI DALAM PELAPORAN KORPORAT DAN HUBUNGAN BERMAKNA DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

#### I. Perhubungan Pelabur dan Komunikasi Pemegang Syer

Lembaga Pengarah mengiktiraf kepentingan komunikasi yang berkesan serta tepat pada masanya dengan semua pemegang syer dan pemegang bon. Pelan strategik Kumpulan, maklumat kewangan serta maklumat berkaitan produk baharu disampaikan kepada pemegang syer dan pelabur melalui surat, Laporan Tahunan, kenyataan akhbar, pembentangan kepada pelabur, pengumuman serta platform pembekal maklumat kewangan seperti Bloomberg, Refinitiv, Bursa Malaysia Berhad, Labuan International Financial Exchange dan Singapore Exchange Limited.

#### II. Mesyuarat Agung Tahunan

Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") merupakan platform penting bagi para pemegang syer untuk bertemu dan berinteraksi dengan Lembaga Pengarah. AGM adalah forum utama bagi dialog terbuka antara pemegang syer dan Lembaga Pengarah. Semasa AGM, Pengerusi membentangkan prestasi Kumpulan dan menyediakan ruang untuk pemegang syer peluang mengemukakan pertanyaan serta mendapatkan penjelasan daripada ahli Lembaga mengenai isu berkaitan perniagaan dan prestasi Kumpulan. Juruaudit luar serta pihak pengurusan turut hadir bagi menjawab pertanyaan daripada para pemegang syer secara langsung.

#### III. Dialog dengan Pelabur

Cagamas terus menjalankan jerayawara bukan urus niaga untuk berkongsi dan mempromosikan nilai unik sekuriti hutang syarikat serta membina pengiktirafan jenama sebagai "penerbit pilihan" dalam pasaran sedang pesat membangun melalui penglibatan proaktif dengan pelabur global. Cagamas juga mengambil bahagian dalam forum dan persidangan pelabur yang dianjurkan oleh institusi kewangan.

Cagamas turut mengendalikan laman sesawang rasmi di [www.cagamas.com.my](http://www.cagamas.com.my) dan [www.ssb.cagamas.com.my](http://www.ssb.cagamas.com.my) yang menyediakan maklumat terkini serta komprehensif mengenai produk, kadar dan maklumat kewangan Kumpulan.

# LEMBAGA PENGARAH DAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad (“Lembaga Pengarah”), yang dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan/wakil-wakil dan ketua-ketua eksekutif bagi pemegang-pemegang syer utama terpilih serta ahli-ahli profesional berpengalaman yang dilantik oleh Lembaga Pengarah, adalah bertanggungjawab untuk merumus dasar am bagi Syarikat.

Jawatankuasa Audit Lembaga Kumpulan menilai perancangan dan skop audit yang dibuat oleh juruaudit luar ke atas Kumpulan Syarikat Cagamas (“Kumpulan”) di samping keberkesanan tatacara-tatacara kewangan dan kawalan dalaman.

Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga Kumpulan menilai praktis tadbir urus korporat bagi Kumpulan agar selari dengan amalan terbaik, menilai secara tahunan keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan sumbangan setiap Pengarah individu dan mencadangkan pelantikan ke lembaga-lembaga pengarah dan jawatankuasa-jawatankuasa lembaga pengarah dalam Kumpulan.

## LEMBAGA PENGARAH

### PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH

Dato’ Bakarudin Ishak

### PENGARAH

Tan Sri Dato’ Sri Dr. Tay Ah Lek

Dato’ Lee Kok Kwan

Wan Hanisah Wan Ibrahim

Tan Sri Dr. Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani

Datuk Siti Zauyah Md Desa

Chong Kin Leong

Dato’ Muzaffar Hisham *(Pelantikan Berkuatkuasa 1 Mei 2024)*

Datin Fazlina Pawan Teh *(Pelantikan Berkuatkuasa 1 Januari 2025)*

Dato’ Khairussaleh Ramli *(Perletakan Jawatan Berkuatkuasa 1 Mei 2024)*

### AHLI JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA KUMPULAN

Chong Kin Leong (Pengerusi)

Dato’ Lee Kok Kwan

Wan Hanisah Wan Ibrahim

### AHLI JAWATANKUASA TADBIR URUS LEMBAGA KUMPULAN

Tan Sri Dr. Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani (Pengerusi)

Tan Sri Dato’ Sri Dr. Tay Ah Lek

Dato’ Bakarudin Ishak

# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA KUMPULAN

## KEAHLIAN

Bagi tahun 2024, ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Kumpulan ("GBAC") ini terdiri daripada:

- (a) Chong Kin Leong (Pengerusi)
- (b) Dato' Lee Kok Kwan
- (c) Wan Hanisah Wan Ibrahim

Majoriti ahli GBAC terdiri daripada dua (2) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif berdasarkan Piagam Lembaga Cagamas Holdings Berhad. Secara kolektif, GBAC mempunyai pelbagai kemahiran dan pengalaman yang meliputi bidang perakaunan serta pengetahuan kredit dan perbendaharaan dalam melaksanakan peranan, tugas dan tanggungjawab mereka. Kesemua Pengarah tidak terbabit dalam urusan harian Syarikat Kumpulan Cagamas ("Kumpulan") tetapi menyediakan pengawasan bebas terhadap Pengurusan dan mempertimbangkan pelaporan kewangan dan sistem kawalan dalaman.

## KEHADIRAN DALAM MESYUARAT

GBAC telah mengadakan empat (4) mesyuarat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 yang turut dihadiri oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Juruaudit Dalaman. Beberapa pegawai kanan Cagamas juga turut menghadiri mesyuarat berdasarkan jemputan, apabila diperlukan. Kehadiran ahli dalam mesyuarat adalah seperti berikut:

| Nama Ahli Jawatankuasa  | Status                                   | Bil. Mesyuarat yang dihadiri |
|-------------------------|------------------------------------------|------------------------------|
| Chong Kin Leong         | Pengerusi/Pengarah Bukan Eksekutif Bebas | 4/4                          |
| Dato' Lee Kok Kwan      | Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas     | 4/4                          |
| Wan Hanisah Wan Ibrahim | Pengarah Bukan Eksekutif Bebas           | 4/4                          |

Juruaudit Luaran Kumpulan, Tetuan Ernst & Young menghadiri dua (2) mesyuarat sepanjang tahun untuk melaporkan audit bagi tahun kewangan berakhir 30 Disember 2023, dan semakan terhad bagi tempoh kewangan berakhir 30 Jun 2024 dan rancangan audit bagi Kumpulan untuk tahun 2024.

## KOMPOSISI DAN TERMA RUJUKAN

### Bidang Kuasa

- (a) GBAC tidak dikenakan sebarang sekatan dalam mendapatkan sebarang maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan aktiviti, dan mereka bebas bertemu dengan juruaudit dalaman dan luaran, dan pihak pengurusan syarikat-syarikat di dalam Kumpulan ini
- (b) GBAC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad ("Lembaga Pengarah") untuk mendapatkan khidmat nasihat undang-undang atau khidmat nasihat bebas daripada ahli profesional luar serta menjemput pihak luar yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang berkaitan untuk menghadiri mesyuarat sekiranya diperlukan.
- (c) GBAC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyiasat sebarang aktiviti di dalam bidang kuasanya dan ahli-ahli GBAC berhak mengarahkan kesemua kakitangan untuk memberikan kerjasama sekiranya perlu.

## LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA *(sambungan)*

### Saiz dan Komposisi

- (a) GBAC hendaklah dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan Pengarah Bukan Eksekutif dan mestilah mempunyai tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli yang majoritinya merupakan Pengarah Bebas.
- (b) Dalam apa juga keadaan, sekiranya jumlah ahli didapati kurang daripada tiga (3) orang Lembaga Pengarah hendaklah mengisi kekosongan jawatan tersebut dalam tempoh tiga (3) bulan.
- (c) Ahli-ahli GBAC hendaklah melantik seorang Pengerusi, iaitu seorang Pengarah Bebas dari kalangan mereka sendiri.
- (d) Sekurang-kurangnya seorang daripada ahli GBAC:
  - (i) mestilah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (Malaysian Institute of Accountants, MIA); atau
  - (ii) mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman kerja dan:
    - lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian I dari Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967; atau
    - mestilah merupakan ahli salah satu persatuan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II dari Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967; atau
  - (iii) mestilah memegang ijazah sarjana muda atau sarjana atau doktor falsafah dalam bidang perakaunan atau kewangan dan mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman pasca kelayakan dalam bidang perakaunan atau kewangan; atau
  - (iv) mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun pengalaman sebagai Ketua Pegawai Kewangan bagi sebuah syarikat korporat atau mempunyai fungsi yang terutamanya bertanggungjawab di dalam pengurusan hal ehwal kewangan sebuah syarikat korporat.
- (e) Kesemua ahli GBAC hendaklah tiada mempunyai pertalian, yang pada pandangan Lembaga Pengarah akan mempengaruhi GBAC di dalam memberikan penilaian yang bebas ketika menjalankan fungsinya sebagai ahli GBAC.

### Mesyuarat

- (a) Mesyuarat GBAC diadakan sekali pada setiap suku tahun atau mengikut kekerapan yang akan ditentukan oleh Pengerusi. Jemputan akan diberikan kepada Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif untuk menghadiri mesyuarat. GBAC juga boleh menjemput mana-mana pihak untuk menghadiri mesyuarat bagi membantu dalam perbincangan.

### Kuorum

- (a) Kuorum hendaklah terdiri daripada dua (2) orang ahli.

### Setiausaha

- (a) Ketua Juruaudit Dalam, Bahagian Audit Dalam merupakan Setiausaha kepada GBAC.

### Tugas dan Tanggungjawab

#### Pelaporan Kewangan

- (a) Menyemak penyata kewangan tahunan Kumpulan ini yang disatukan sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan bagi memastikan penyata tersebut mematuhi keperluan pendedahan dan penyelarasan yang dicadangkan oleh juruaudit luaran. Ini termasuk:
  - Menyemak laporan dan kelayakan juruaudit (jika ada) yang mesti dibincangkan dengan teliti dan diambil tindakan yang sewajarnya bagi menangani keraguan juruaudit bagi audit yang akan datang;
  - Perubahan dan penyelarasan dalam pembentangan penyata kewangan;
  - Perubahan ketara dalam dasar dan prinsip perakaunan;
  - Pematuan piawaian perakaunan dan keperluan undang-undang yang lain;
  - Keadaan turun naik yang nyata dalam penyata baki;
  - Perubahan ketara dalam skop audit; dan
  - Komitmen ketara atau liabiliti luar jangka.
- (b) Menyemak Penyata Kewangan Interim Diringkaskan setengah tahun bagi Cagamas Berhad dan anak-anak syarikatnya untuk dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan bagi memastikan pematuan terhadap keperluan pendedahan.

### Audit Dalam

- (a) Menyemak skop dan keputusan tatacara audit dalaman, termasuk:
  - Pematuan piawaian audit dalaman, kawalan dalaman Kumpulan, polisi dan keperluan undang-undang yang lain;
  - Kecukupan polisi dan tatacara serta kawalan dalaman sedia ada;
  - Penyelarasan antara juruaudit dalaman dan luaran;
  - Pelaksanaan kebebasan dan profesionalisme dalam menjalankan tugas audit dalaman;
  - Melaporkan segala keputusan audit yang telah dilaksanakan;
  - Mencadangkan perubahan dalam dasar perakaunan kepada Lembaga Pengarah; dan
  - Mencadangkan dan memastikan pelaksanaan langkah-langkah pemulihan serta pembedahan yang sesuai secara tetap.



## LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA *(sambungan)*

(b) Bertanggungjawab terhadap penentuan fungsi audit dalaman, termasuk:

- Meluluskan Piagam Audit Dalaman;
- Meluluskan Pelan Audit Tahunan;
- Menilai prestasi dan menetapkan pakej imbuhan Ketua Juruaudit Dalaman, Bahagian Audit Dalaman selaras dengan polisi ganjaran syarikat;
- Menyemak kecukupan skop, fungsi dan sumber Bahagian Audit Dalaman atau sebarang sekatan yang dihadapi semasa melaksanakan kerja-kerja pengauditan;
- Meluluskan pelantikan atau pemberhentian Ketua Juruaudit Dalaman, Bahagian Audit Dalaman;
- Pemberitahuan tentang peletakan jawatan kakitangan audit dalaman dan memberi peluang kepada kakitangan berkenaan mengemukakan alasan peletakan jawatan;
- Memastikan fungsi audit dalaman mendapat pengiktirafan yang sewajarnya dalam Kumpulan ini;
- Menyelaraskan matlamat dan tujuan fungsi audit dalaman dengan matlamat keseluruhan Kumpulan ini; dan
- Meletakkan Bahagian Audit Dalaman di bawah bidang kuasa dan penyeliaan langsung GBAC.

(c) Menyemak laporan audit dalaman sebelum dibentangkan kepada lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang berkenaan di bawah Kumpulan ini dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah Cagamas Holdings untuk makluman atau pengesahan.

(d) Memastikan tindakan yang wajar dan pembaikan segera diambil oleh pihak pengurusan ke atas kelemahan-kelemahan ketara yang dikenal pasti.

### Audit Luaran

- (a) Menilai objektiviti, prestasi dan kebebasan juruaudit luaran.
- (b) Membincangkan dan menilai pelan audit luaran, penemuan-penemuan terhadap sistem kawalan dalaman (termasuk tindakan pihak pengurusan dan laporan audit yang berkaitan).
- (c) Menyemak surat ikatan juruaudit luaran dan maklum balas daripada pihak pengurusan.
- (d) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah pelantikan atau perlantikan semula juruaudit luaran, fi audit dan sebarang persoalan mengenai peletakan jawatan atau penyingkiran juruaudit luaran.

(e) Membincangkan dengan juruaudit luaran perkara yang berbangkit daripada audit pada tahun sebelumnya, menyemak skop pelan audit tahun semasa mereka serta penilaian mereka terhadap akaun dan sistem kawalan dalaman, termasuk penemuan serta tindakan susulan yang mereka cadangkan.

(f) Menyemak perubahan dalam keperluan berkanun dan sebarang permasalahan audit yang ketara yang dijangka timbul hasil daripada pengalaman tahun sebelumnya atau yang disebabkan oleh perkembangan baru.

(g) Menilai dan menyemak peranan juruaudit luaran dari semasa ke semasa.

(h) Meluluskan peruntukan perkhidmatan bukan audit oleh juruaudit luaran dan menilai samada terdapat sebarang potensi konflik yang timbul daripada perkhidmatan bukan audit tersebut.

(i) Memastikan wujudnya pemeriksaan dan keseimbangan agar peruntukan ke atas perkhidmatan bukan audit tidak mengganggu pertimbangan bebas juruaudit luaran.

(j) Bermesyuarat dengan juruaudit luaran sekurang-kurangnya sekali setahun tanpa kehadiran pihak pengurusan untuk membincangkan perkara penting yang memerlukan perhatian serta mendapatkan maklum balas.

### Transaksi Pihak Berkaitan

- (a) Menyemak sebarang urusan niaga dengan pihak berkaitan atau keadaan yang membabitkan percanggahan kepentingan yang ketara yang mungkin timbul dalam Kumpulan ini.
- (b) Menyemak sebarang urusan niaga yang ketara, yang bukan merupakan sebahagian daripada perniagaan kumpulan ini.

### Tanggungjawab Lain

- (a) Menyemak cadangan pihak pengurusan untuk pembayaran dividen sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.
- (b) Melaksanakan sebarang fungsi yang ditugaskan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

## LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA *(sambungan)*

### RINGKASAN AKTIVITI

Sepanjang tahun kewangan, GBAC telah melaksanakan tugasnya seperti yang telah ditetapkan di dalam terma rujukan. Ringkasan aktiviti utama yang dijalankan oleh GBAC adalah seperti berikut:

#### Audit Dalaman

- (a) Menyemak dan meluluskan Pelan Audit Tahunan bagi tahun Kewangan 2025 bagi memastikan kecukupan skop dan rangkuman aktiviti audit Kumpulan dan keperluan sumber Bahagian Audit Dalaman untuk menjalankan fungsi-fungsinya;
- (b) Menyemak laporan audit dalaman, cadangan audit serta maklum balas pihak pengurusan terhadap penemuan audit dan cadangan tersebut;
- (c) Menyemak laporan status mengenai usaha pihak Pengurusan untuk membetulkan isu-isu audit yang tertunggak bagi memastikan bahawa tindakan sewajarnya telah diambil selaras dengan cadangan audit; dan
- (d) Menyediakan penilaian bebas ke atas prestasi Ketua Juruaudit Dalaman, Bahagian Audit Dalaman.

#### Audit Luaran

- (a) Menyemak skop serta perancangan juruaudit luaran bagi tahun 2024;
- (b) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah tentang pelantikan atau pelantikan semula juruaudit luaran dan fi audit; dan
- (c) Menyemak keputusan audit oleh juruaudit luaran dan membincangkan penemuan dan perkara lain yang perlu diberi perhatian.

#### Pelaporan Kewangan

- (a) Menyemak penyata kewangan tahunan Kumpulan yang diaudit dan memastikan laporan kewangan mematuhi piawaian perakaunan.

### FUNGSI AUDIT DALAMAN

Kumpulan ini telah menubuhkan Bahagian Audit Dalaman yang bertanggungjawab secara langsung kepada GBAC dan membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawab dalam memastikan Kumpulan ini mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh dan berkesan. Bahagian Audit Dalaman bebas daripada sebarang aktiviti atau operasi unit lain bagi membolehkannya menyediakan laporan yang bebas dan objektif kepada pihak GBAC mengenai kedudukan sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko dan proses tadbir urus Kumpulan ini.

Bahagian Audit Dalaman melaksanakan fungsi audit dalaman Kumpulan menurut Piagam Audit dan Pelan Audit Tahunan yang telah diluluskan oleh GBAC. Pelan audit tersebut dibuat berdasarkan keputusan yang diperolehi daripada proses penilaian risiko bersistematik dan inisiatif strategik Cagamas yang telah dikenal pasti, diberi keutamaan dan dihubungkan dengan lingkungan pengauditan. Proses penilaian risiko ini juga membolehkan Bahagian Audit Dalaman memberi keutamaan kepada sumber dan bahagian yang akan diaudit. Di samping itu, Pelan Audit Tahunan juga merangkumi bidang-bidang yang perlu diaudit setiap tahun bagi memenuhi keperluan peraturan.

Audit yang dilaksanakan pada sepanjang tahun kewangan 2024 menitikberatkan penyemakan bebas ke atas pengurusan risiko, keberkesanan operasi bagi kawalan dalaman, dan pematuhan kepada keperluan peraturan bagi seluruh Kumpulan ini. Laporan audit dalaman diserahkan kepada GBAC untuk pertimbangan. Ini membolehkan GBAC melaksanakan fungsi penyeliaannya dengan memberikan pendapat berhubung kecukupan langkah-langkah yang diambil oleh pihak pengurusan.

Piawaian Audit Dalaman Global telah dikeluarkan baru-baru ini oleh Institut Juruaudit Dalaman digunakan di mana perlu sebagai panduan berwibawa bagi kaedah audit dalaman.

# PENYATA PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

## TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad ("Lembaga Pengarah") bersama-sama Lembaga Pengarah syarikat lain dalam Kumpulan Syarikat Cagamas ("Kumpulan") mengesahkan tanggungjawab keseluruhannya untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh dan berkesan yang menyokong pencapaian objektif Kumpulan. Sistem kawalan dalaman meliputi pengurusan risiko, kewangan, strategi, organisasi, operasi dan kawalan pematuhan. Lembaga Pengarah menyedari bahawa sistem sedemikian dirangka untuk mengurus dan mengawal risiko pada tahap yang boleh diterima selaras dengan selera risiko yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dalam mencapai objektif perniagaan. Oleh itu, sistem ini menyediakan jaminan yang munasabah, tetapi bukan jaminan mutlak, terhadap berlakunya sebarang salah nyata material maklumat kewangan.

Peranan pihak Pengurusan adalah untuk melaksanakan dasar Lembaga Pengarah mengenai risiko dan kawalan dalaman dengan mengenal pasti dan menilai risiko yang dihadapi oleh Kumpulan serta merekabentuk, mengendalikan dan memantau sistem kawalan dalaman yang sesuai untuk mengurangkan dan mengawal risiko yang dikenal pasti.



## PENYATA PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN (sambungan)

### PENGURUSAN RISIKO

Jawatankuasa Risiko Lembaga ("BRC") Cagamas Berhad ("Cagamas") menyelia pengurusan risiko yang berkaitan dengan perniagaan dan operasi Kumpulan. BRC menyelia pembangunan strategi pengurusan risiko, dasar, proses dan sistem dalaman utama untuk mengenal pasti, menilai, mengukur, mengurus, memantau dan melaporkan pendedahan risiko dalam Kumpulan. BRC sebagai jawatankuasa kecil Lembaga Pengarah Cagamas memastikan Lembaga Pengarah dimaklumkan tentang keputusan yang berkaitan dengan semakan risiko dan isu berkaitan.

BRC disokong oleh Bahagian Pengurusan Risiko & Pematuan ("RMD") Cagamas, yang menyediakan fungsi pengurusan risiko dan melaksanakan pengurusan risiko dan semakan pematuan ke atas perniagaan dan operasi Kumpulan. Keputusan semakan pengurusan risiko dan pematuan serta penemuan lain dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah subsidiari. Prinsip pengurusan risiko Kumpulan secara amnya adalah berdasarkan garis panduan Bank Negara Malaysia ("BNM") dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) serta amalan terbaik industri.

#### 1. Gambaran Keseluruhan Pengurusan Risiko

Pendekatan pengurusan risiko Kumpulan disokong oleh Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi (Rangka Kerja) yang kukuh dan teguh, yang secara berterusan dipertingkatkan untuk kekal relevan dan berdaya tahan terhadap landskap risiko yang serba boleh dan amalan industri yang berkembang.



\* Jawatankuasa utama

## PENYATA PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN *(sambungan)*

### 2. Tadbir Urus Risiko

Selaras dengan Rangka Kerja, tiga barisan pertahanan dalam menguruskan risiko diterima pakai dalam Kumpulan. Jadual berikut meringkaskan tanggungjawab dan akauntabiliti pelbagai pihak yang terlibat dalam pengurusan risiko Kumpulan.

| BARISAN PERTAHANAN PERTAMA<br>Unit Perniagaan dan Sokongan                                                                                                                                                                                                                            | BARISAN PERTAHANAN KEDUA<br>Bahagian Pengurusan Risiko & Pematuhan (RMD)                                                                                                                                                                                                                                               | BARISAN PERTAHANAN KETIGA<br>Bahagian Audit Dalaman (IAD)                                                                                                                                                                   |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>Tanggungjawab utama untuk mengenal pasti, mengurangkan dan mengurus risiko dalam bidang kerja mereka.</li> <li>Memastikan aktiviti harian dijalankan dalam lingkungan dasar, prosedur dan had risiko dan pematuhan yang ditetapkan.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Menilai secara bebas endedahan risiko dan penyelarasan pengurusan risiko secara menyeluruh.</li> <li>Memastikan pengurusan risiko dan dasar pematuhan dilaksanakan dengan sewajarnya.</li> <li>Memastikan pematuhan kepada perundangan dan peraturan yang berkaitan.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanggungjawab untuk menyemak secara bebas kecukupan dan keberkesanan proses pengurusan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan dengan dasar risiko dan pematuhan.</li> </ul> |

## PROSES KAWALAN DALAMAN UTAMA

Sistem kawalan dalaman Kumpulan merangkumi proses utama seperti berikut:

### 1. Kuasa dan Tanggungjawab

- Struktur organisasi, profil pekerjaan dan bidang keberhasilan utama yang menggariskan dengan jelas tanggungjawab dan akauntabiliti, sejajar dengan keperluan perniagaan dan operasi.
- Menetapkan dengan jelas garisan tanggungjawab dan penugasan autoriti untuk Jawatankuasa Lembaga Pengarah, pihak pengurusan dan kakitangan.
- Pihak pengurusan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan, Jawatankuasa Aset Liabiliti, Jawatankuasa Semakan Pembangunan Produk, Jawatankuasa Kredit Gadai Janji Berbalik, Jawatankuasa Operasi, Jawatankuasa Pemandu Teknologi Maklumat, Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan dan Jawatankuasa Pengurusan Krisis bagi memastikan pengurusan dan pengawalan yang berkesan dalam bidang kuasa Jawatankuasa masing-masing.

### 2. Perancangan, Pemantauan dan Pelaporan

- Pelan Perniagaan Tahunan dan Belanjawan ("ABPB") dirangka, dibentang dan diluluskan oleh lembaga pengarah sebelum pelaksanaan. Prestasi sebenar akan dikaji setiap suku tahunan berdasarkan prestasi yang disasarkan bagi langkah pembetulan untuk mengurangkan risiko. Hasil kajian prestasi itu dilaporkan kepada Lembaga Pengarah pada setiap separuh tahunan. Di mana perlu, ABPB akan disemak, dengan mengambil kira apa-apa perubahan dalam keadaan perniagaan.
- Melaporkan secara berkala kepada Lembaga Pengarah, lembaga pengarah syarikat-syarikat yang berkaitan di dalam Kumpulan dan jawatankuasa lembaga pengarah. Laporan-laporan tentang kedudukan kewangan, kedudukan pinjaman dan pembiayaan yang dibeli, bon dan nota yang diterbitkan, dan urus niaga swap kadar faedah diserahkan kepada Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya sekali pada setiap suku tahunan. Isu-isu lain seperti perundangan, perakaunan atau hal-hal strategik juga akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah sekiranya perlu.
- Menyediakan maklumat menyeluruh dan berkala yang merangkumi laporan kewangan dan operasi kepada pihak pengurusan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan.



## PENYATA PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN *(sambungan)*

### 3. Polisi dan Tatacara

Mendokumenkan dengan jelas dan secara formal polisi dalaman dan manual tatacara untuk memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman dan undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Semakan secara berkala dilaksanakan untuk memastikan dokumentasi polisi dan tatacara sentiasa dikemas kini dan relevan.

### 4. Penilaian Bebas oleh Bahagian Audit Dalaman

- (a) Bahagian Audit Dalaman memberi jaminan yang munasabah kepada Lembaga Pengarah melalui penilaian bebas, terhadap kecukupan, keberkesanan dan integriti sistem kawalan dalaman. Ia melaksanakan pendekatan audit berasaskan risiko selaras dengan pelan audit tahunan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah ("GBAC"), Cagamas Holdings Berhad. Keputusan audit dibentangkan kepada GBAC yang telah bermesyuarat sebanyak empat kali sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.
- (b) Pelan audit dan laporan audit juga diserahkan kepada Lembaga Pengarah dan lembaga pengarah syarikat-syarikat berkenaan di dalam Kumpulan bagi memaklumkan sebarang jurang dalam sistem kawalan dalaman. Sepanjang tahun kewangan ini, beberapa pemerhatian telah dikenal pasti, namun ianya tidak mengakibatkan kerugian ketara, luar jangkaan atau ketidakpastian dan juga tidak memberi kesan terhadap risiko reputasi yang memerlukan pendedahan di dalam Laporan Tahunan.

### 5. Pengukuran Prestasi dan Kompetensi Kakitangan

- (a) Indeks Prestasi Utama yang berasaskan kepada pendekatan Kad Skor Prestasi digunakan untuk memantau dan mengukur prestasi kakitangan.
Liabiliti kewangan lain pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama ditambah dengan kos urus niaga. Liabiliti kewangan lain kemudiannya diukur semula pada kos terlunas menggunakan kadar faedah efektif. Liabiliti kewangan lain yang diukur pada kos terlunas ialah pendapatan yuran jaminan tertunda, pendapatan yuran Wakalah tertunda dan liabiliti lain.

#### 2.13 Pengiktirafan pendapatan bagi aset gadai janji dan aset sewa beli/aset gadai janji Islam serta aset sewa beli Islam

Pendapatan faedah bagi aset konvensional dan pendapatan keuntungan bagi aset Islam diiktiraf menggunakan kaedah kadar faedah/keuntungan efektif. Pertambahan diskaun diiktiraf menggunakan kadar hasil efektif.

#### 2.14 Pengiktirafan pendapatan bagi yuran jaminan dan Wakalah

Yuran jaminan dan yuran Wakalah pada SRP diiktiraf sebagai pendapatan berdasarkan kaedah baki berkurangan apabila yuran diterima sepenuhnya.

Yuran jaminan dan yuran Wakalah pada SPB diiktiraf sebagai pendapatan berdasarkan kaedah garis lurus apabila yuran diterima sepenuhnya setiap tahun

#### 2.15 Premium dan diskaun ke atas bon dan nota pembawa tidak bercagar/Sukuk

Premium ke atas bon dan nota pembawa tidak bercagar/Sukuk yang merupakan lebih harga terbitan daripada nilai penebusan bon dan nota/Sukuk, ditambah nilai kepada penyata pendapatan bagi tempoh sepanjang hayat bon dan nota/Sukuk berdasarkan hasil efektif. Apabila nilai penebusan melebihi harga terbitan bon dan nota/Sukuk, perbezaannya, yang merupakan diskaun, dilunaskan kepada penyata pendapatan sepanjang hayat bon dan nota/Sukuk berdasarkan hasil efektif.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### 2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.16 Cukai semasa dan tertunda

Perbelanjaan cukai semasa ialah cukai pada kadar semasa berdasarkan keuntungan boleh cukai yang diperoleh pada tahun kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai aset dan liabiliti serta jumlah bawaannya dalam penyata kewangan.

Cukai tertunda liabiliti diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh dikenakan cukai dan cukai tertunda aset diiktiraf setakat kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai masa hadapan akan tersedia yang mana perbezaan sementara boleh ditolak atau kerugian cukai yang tidak diguna boleh digunakan.

Cukai tertunda ditetapkan menggunakan kadar cukai (dan undang-undang cukai) yang telah digubal atau sebahagian besarnya telah digubal menjelang tarikh penyata kedudukan kewangan dan dijangka untuk diguna pakai apabila aset cukai tertunda yang berkaitan direalisasikan atau liabiliti cukai tertunda dilunaskan.

#### 2.17 Tunai dan dana jangka pendek

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai merangkumi wang tunai dan baki di bank serta deposit yang sedia ditukar kepada tunai yang jumlahnya diketahui yang tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

#### 2.18 Pengimbangan instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan diimbangi dan jumlah bersih dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang untuk menolak jumlah yang diiktiraf dan ada niat untuk penyelesaian pada asas bersih atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak. Hak yang boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang mestilah tidak bergantung kepada peristiwa masa hadapan dan mesti boleh dikuatkuasakan dalam urusan biasa perniagaan dan sekiranya berlaku kemungkinan, ketidakmampuan bayar atau kebangkrutan.

#### 2.19 Pelaporan Segmen

Segmen operasi dilaporkan dalam cara yang konsisten dengan pelaporan dalaman yang digunakan oleh ketua pembuat keputusan operasi. Ketua pembuat keputusan operasi ialah individu atau kumpulan yang memperuntukkan sumber dan menilai prestasi segmen operasi Kumpulan. Kumpulan telah menetapkan bahawa Ketua Pegawai Eksekutif sebuah anak syarikat iaitu Cagamas Berhad sebagai ketua pembuat keputusan operasi.

#### 2.20 Instrumen kewangan derivatif dan perakaunan lindung nilai

Instrumen kewangan derivatif terdiri daripada swap kadar faedah (*interest rate swaps*, "IRS"), swap kadar keuntungan Islam (*Islamic profit rate swap*, "IPRS"), dan swap mata wang bersilang (*cross currency swaps*, "CCS"). Instrumen kewangan derivatif digunakan oleh Kumpulan dan Syarikat untuk melindungi nilai terbitan Bon/Sukuk daripada kemungkinan pergerakan dalam kadar faedah, kadar keuntungan atau kadar pertukaran mata wang asing. Maklumat lanjut tentang instrumen kewangan derivatif dinyatakan dalam Nota 9 kepada penyata kewangan.

Nilai saksama instrumen kewangan derivatif diiktiraf pada permulaan pada penyata kedudukan kewangan, dan perubahan seterusnya dalam nilai saksama akibat perubahan dalam kadar faedah pasaran, kadar keuntungan atau kadar pertukaran mata wang asing direkodkan sebagai aset derivatif (memuaskan) atau liabiliti derivatif (tidak memuaskan).

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### 2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.20 Instrumen kewangan derivatif dan perakaunan lindung nilai (sambungan)

Bagi derivatif yang tidak ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai, kerugian dan keuntungan daripada perubahan dalam nilai saksama diambil kira dalam penyata pendapatan.

Bagi derivatif yang ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai, kaedah mengiktiraf keuntungan atau kerugian nilai saksama bergantung pada jenis lindung nilai.

Kumpulan mendokumenkan pada permulaan hubungan lindung nilai, hubungan ekonomi antara instrumen lindung nilai dan item lindung nilai termasuk sama ada perubahan dalam aliran tunai instrumen lindung nilai dijangka mengimbangi perubahan dalam aliran tunai item lindung nilai. Kumpulan juga mendokumenkan objektif dan strategi pengurusan risiko mereka untuk urus niaga lindung nilai dan penilaiannya, pada permulaan lindung nilai dan secara berterusan, sama ada derivatif itu sangat berkesan dalam mengimbangi perubahan dalam nilai saksama atau aliran tunai bagi item lindung nilai.

##### Lindung nilai aliran tunai

Bahagian perubahan yang berkesan dalam nilai saksama derivatif yang ditetapkan dan layak sebagai lindung nilai aliran tunai masa hadapan diiktiraf secara langsung dalam rizab lindung nilai aliran tunai dan diambil kira dalam penyata pendapatan dalam tempoh apabila item lindung nilai menjejaskan keuntungan atau kerugian. Bahagian keuntungan atau kerugian yang tidak berkesan diiktiraf serta merta dalam penyata pendapatan di bawah "Pendapatan/(Perbelanjaan) bukan faedah".

Jumlah terkumpul dalam ekuiti dikelaskan semula kepada penyata pendapatan dalam tempoh apabila item lindung nilai menjejaskan keuntungan atau kerugian. Keuntungan atau kerugian yang berkaitan dengan bahagian berkesan swap kadar faedah yang melindungi nilai pinjaman kadar berubah diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam baris item "pendapatan/(perbelanjaan) bukan faedah" pada masa yang sama dengan perbelanjaan faedah ke atas pinjaman lindung nilai.

Apabila instrumen lindung nilai tamat tempoh atau dijual, atau apabila lindung nilai tidak lagi memenuhi kriteria untuk perakaunan lindung nilai, perakaunan bagi sebarang keuntungan atau kerugian tertunda terkumpul bergantung pada jenis urus niaga lindung nilai. Bagi lindung nilai aliran tunai yang mengakibatkan pengiktirafan aset bukan kewangan, jumlah terkumpul dalam ekuiti akan dimasukkan dalam kos permulaan aset. Bagi lindung nilai aliran tunai lain, jumlah terkumpul dalam ekuiti dikelaskan semula kepada penyata pendapatan dalam tempoh yang sama aliran tunai lindung nilai menjejaskan penyata pendapatan. Apabila aliran tunai masa hadapan lindung nilai atau urus niaga ramalan tidak lagi dijangka berlaku, keuntungan atau kerugian terkumpul yang dilaporkan dalam ekuiti dikelaskan semula serta merta kepada penyata pendapatan di bawah "(perbelanjaan)/pendapatan bukan faedah".

#### 2.21 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Syarikat mempunyai kewajipan undang-undang atau konstruktif semasa akibat peristiwa lalu, apabila terdapat kemungkinan aliran keluar sumber yang merangkumi manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan dan apabila anggaran yang boleh dipercayai bagi jumlah itu boleh dibuat. Apabila Kumpulan dan Syarikat menjangkakan peruntukan akan dibayar balik (sebagai contoh, di bawah kontrak insurans), pembayaran balik diiktiraf sebagai aset berasingan tetapi hanya apabila pembayaran balik itu hampir pasti. Peruntukan tidak diiktiraf untuk kerugian operasi masa hadapan.

Apabila terdapat beberapa kewajipan yang serupa, kemungkinan bahawa aliran keluar akan diperlukan dalam penyelesaian ditentukan dengan mempertimbangkan kelas kewajipan secara keseluruhan. Peruntukan diiktiraf walaupun kemungkinan aliran keluar berkenaan dengan mana-mana item yang termasuk dalam kelas kewajipan yang sama adalah kecil.

Peruntukan diukur sebagai nilai semasa perbelanjaan yang dijangka diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan menggunakan kadar pracukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko tertentu kepada kewajipan. Peningkatan dalam peruntukan disebabkan peredaran masa diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### 2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.22 Zakat

Kumpulan mengiktiraf kewajipannya terhadap pembayaran zakat perniagaan. Zakat untuk tahun semasa diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai kewajipan zakat semasa susulan daripada penilaian zakat. Jumlah perbelanjaan zakat akan dinilai apabila Kumpulan berada dalam operasi sekurang-kurangnya selama 12 bulan, iaitu untuk tempoh yang dikenali sebagai haul.

Kadar zakat yang digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh penyata kedudukan kewangan digunakan untuk menentukan perbelanjaan zakat. Kadar zakat ke atas perniagaan bagi tahun kewangan ialah 2.5% (2023: 2.5%) daripada asas zakat.

Asas zakat bagi Kumpulan ditentukan berdasarkan kaedah pertumbuhan terlaras. Kaedah ini mengira asas zakat sebagai ekuiti pemilik dan liabiliti jangka panjang, ditolak hartanah, loji dan peralatan serta aset bukan semasa, dan diselaraskan untuk item yang tidak memenuhi syarat-syarat untuk aset dan liabiliti zakat seperti yang ditentukan oleh pihak berkuasa zakat berkenaan.

Jumlah zakat yang dinilai diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan ia ditanggung.

#### 2.23 Manfaat pekerja

##### (a) Manfaat pekerja jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan, bonus dan manfaat bukan kewangan terakru dalam tahun kewangan apabila perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Kumpulan.

##### (b) Pelan caruman yang ditentukan

Kumpulan mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"), pelan caruman wajib negara. Caruman kepada KWSP dicaj kepada penyata pendapatan dalam tahun kewangan yang berkaitan dengannya. Apabila caruman telah dibuat, Kumpulan tidak mempunyai kewajipan pembayaran selanjutnya pada masa hadapan. Caruman bayar dahulu diiktiraf sebagai aset sehinggalah bayaran balik tunai atau pengurangan dalam pembayaran masa hadapan tersedia.

#### 2.24 Aset tak ketara

##### (a) Perisian komputer

Perisian komputer dan lesen perisian komputer yang diperoleh dipermodalkan berdasarkan kos tertanggung untuk memperoleh dan menggunakan perisian tertentu.

Kos yang berkaitan dengan pembangunan atau penyelenggaraan program perisian komputer diiktiraf apabila kos tertanggung. Kos yang dikaitkan secara langsung dengan produk perisian yang boleh dikenal pasti dan unik yang dikawal oleh Kumpulan, dan berkemungkinan menjana faedah ekonomi melebihi kos melewati satu tahun, diiktiraf sebagai aset tak ketara. Kos tersebut termasuk kos pekerja tertanggung kerana membangunkan perisian dan bahagian overhead yang berkaitan.

Perisian komputer dan lesen perisian komputer dilunaskan sepanjang anggaran hayat kegunaannya selama tiga hingga 10 tahun.

##### (b) Hak perkhidmatan kepada pentadbir urus niaga dan yuran pentadbir

Hak perkhidmatan kepada pentadbir urus niaga dan yuran pentadbir ("Hak Perkhidmatan") ialah hak terjamin untuk menerima manfaat ekonomi masa hadapan yang dijangkakan melalui pentadbir urus niaga dan yuran pentadbir bagi terbitan Sekuriti Bersandarkan Gadai Janji Kediaman (*Residential Mortgage-Backed Securities*, "RMBS") dan Sekuriti Bersandarkan Gadai Janji Kediaman Islam (*Islamic Residential Mortgage-Backed Securities*, "IRMBS").

Hak perkhidmatan diiktiraf sebagai aset tak ketara pada kos dan dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang tempoh RMBS dan IRMBS.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### 2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.24 Aset tak ketara (sambungan)

Perisian komputer dan hak perkhidmatan diuji setiap tahun untuk sebarang tanda rosot nilai. Sekiranya wujud tanda demikian, analisis akan dilakukan untuk menilai sama ada jumlah bawaan aset boleh dipulihkan sepenuhnya. Penurunan nilai dibuat jika jumlah bawaan melebihi jumlah boleh pulih. Perisian komputer dan hak perkhidmatan dibawa pada kos, ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Sila rujuk kepada dasar perakaunan tentang rosot nilai bagi aset bukan kewangan dalam Nota 2.10.2 kepada penyata kewangan.

#### 2.25 RMBS dan IRMBS

RMBS dan IRMBS diterbitkan oleh Kumpulan untuk membiayai pembelian aset gadai janji dan aset gadai janji Islam daripada LPPSA. Pada tarikh penyata kedudukan kewangan, RMBS dan IRMBS dinyatakan pada kos terlunas.

Perbelanjaan faedah ke atas RMBS dan keuntungan yang boleh diagihkan kepada IRMBS diiktiraf menggunakan kaedah hasil efektif.

#### 2.26 Modal syer

##### (a) Pengelasan

Syer biasa dan Syer Keutamaan Boleh Tebus (*Redeemable Preference Shares*, "RPS") dikelaskan sebagai ekuiti. Syer lain dikelaskan sebagai ekuiti dan/atau liabiliti mengikut asas ekonomi instrumen berkaitan.

Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti diambil kira terus kepada ekuiti.

##### (b) Dividen kepada pemegang syer Kumpulan dan Syarikat

Dividen ke atas syer biasa dan RPS diiktiraf sebagai liabiliti apabila diisytiharkan sebelum tarikh penyata kedudukan kewangan. Dividen yang dicadangkan atau diisytiharkan selepas tarikh penyata kedudukan kewangan, tetapi sebelum penyata kewangan diluluskan untuk diterbitkan, tidak diiktiraf sebagai liabiliti pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Dividen diambil kira sebagai liabiliti apabila dividen boleh dibayar.

#### 2.27 Terjemahan mata wang

##### (a) Mata wang fungsian dan pembentangan

Item yang dimasukkan dalam penyata kewangan entiti Kumpulan diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama tempat entiti beroperasi (mata wang fungsian).

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang merupakan mata wang fungsian dan pembentangan Syarikat.

##### (b) Urus niaga dan baki mata wang asing

Urus niaga mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang fungsian menggunakan kadar pertukaran semasa pada tarikh urus niaga. Keuntungan atau kerugian pertukaran asing yang terhasil daripada penyelesaian urus niaga tersebut dan daripada terjemahan pada kadar pertukaran akhir tahun bagi aset dan liabiliti monetari dalam mata wang asing diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali apabila tertunda dalam ekuiti sebagai lindung nilai aliran tunai yang layak dan lindung nilai pelaburan bersih yang layak.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### 2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.28 Liabiliti luar jangka dan aset luar jangka

Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka tetapi melaporkannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka ialah kewajipan yang mungkin timbul daripada peristiwa lepas yang kewujudannya akan disahkan dengan kejadian atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang tidak pasti di luar kawalan Kumpulan atau kewajipan semasa yang tidak diiktiraf kerana tidak ada kemungkinannya aliran keluar sumber diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut. Liabiliti luar jangka juga timbul dalam kes yang sangat jarang berlaku apabila terdapat liabiliti yang tidak boleh diiktiraf kerana tidak boleh diukur dengan pasti.

Kumpulan tidak mengiktiraf aset luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya jika terdapat kemungkinan aliran masuk manfaat ekonomi, biarpun tidak pasti. Aset luar jangka ialah aset yang berkemungkinan timbul daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan disahkan oleh kejadian atau tidak berlaku satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang tidak pasti di luar kawalan Kumpulan.

#### 2.29 Yuran pembiayaan tertunda

Yuran pembiayaan tertunda merangkumi perbelanjaan yang bertanggung berkaitan dengan terbitan bon dan nota pembawa tidak bercagar. Selepas bon dan nota pembawa tidak bercagar diterbitkan, yuran pembiayaan tertunda akan ditolak daripada jumlah bawaan bon/nota pembawa tidak bercagar/Sukuk dan dilunaskan menggunakan kaedah kadar faedah/keuntungan efektif.

#### 2.30 Kontrak jaminan kewangan

Kontrak jaminan kewangan merupakan kontrak yang memerlukan Kumpulan membuat pembayaran tertentu untuk membayar ganti rugi kepada pemegang atas kerugian yang ditanggung kerana penghutang tertentu gagal membuat pembayaran apabila perlu dibayar, mengikut syarat instrumen hutang.

Kontrak jaminan kewangan diiktiraf sebagai liabiliti kewangan pada masa jaminan dikeluarkan. Liabiliti pada awalnya diukur pada nilai saksama.

Nilai saksama jaminan kewangan ditentukan sebagai nilai semasa perbezaan dalam aliran tunai bersih antara pembayaran berkontrak di bawah instrumen hutang dan pembayaran yang diperlukan tanpa jaminan, atau anggaran jumlah yang akan dibayar kepada pihak ketiga kerana mengambil alih kewajipan tersebut.

Kontrak jaminan kewangan kemudiannya diukur pada jumlah yang lebih tinggi daripada jumlah yang ditentukan mengikut model kerugian kredit dijangka di bawah MFRS 9 'Instrumen Kewangan' ('Financial Instruments') dan jumlah yang diiktiraf pada mulanya, ditolak jumlah pendapatan terkumpul yang diiktiraf mengikut prinsip MFRS 15 'Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan' ('Revenue from Contracts with Customers'), jika sesuai.

#### 2.31 Pajakan

Pajakan diiktiraf sebagai aset dengan hak penggunaan (right-of-use, ROU) dan liabiliti yang sepadan pada tarikh aset yang dipajak tersedia untuk digunakan oleh Kumpulan (iaitu tarikh mula).

Kontrak mungkin mengandungi komponen pajakan dan bukan pajakan. Kumpulan memperuntukkan pertimbangan dalam kontrak kepada komponen pajakan dan bukan pajakan berdasarkan harga relatif tersendiri. Walau bagaimanapun, bagi pajakan hartanah yang Kumpulan ialah pemajak, Kumpulan telah memilih cara praktikal yang diperuntukkan dalam MFRS 16 untuk tidak memisahkan komponen pajakan dan bukan pajakan. Kedua-dua komponen diambil kira sebagai komponen pajakan tunggal dan bayaran untuk kedua-dua komponen dimasukkan dalam pengukuran liabiliti pajakan.



## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### 2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.31 Pajakan (sambungan)

##### Tempoh pajakan

Dalam menentukan tempoh pajakan, Kumpulan mengambil kira semua fakta dan keadaan yang mewujudkan insentif ekonomi untuk melaksanakan pilihan lanjutan, atau tidak melaksanakan pilihan penamatan. Pilihan lanjutan (atau tempoh selepas pilihan penamatan) hanya dimasukkan dalam tempoh pajakan jika pajakan pasti akan dilanjutkan (atau tidak akan ditamatkan).

Kumpulan menilai semula tempoh pajakan selepas berlakunya peristiwa penting atau perubahan dalam keadaan yang dalam kawalan Kumpulan dan memberi kesan sama ada Kumpulan secara munasabah pasti untuk melaksanakan pilihan yang sebelum ini tidak dimasukkan dalam penentuan tempoh pajakan, atau tidak melaksanakan pilihan yang telah dimasukkan dalam penentuan tempoh pajakan. Penyemakan dalam tempoh pajakan menyebabkan pengukuran semula liabiliti pajakan.

##### Aset ROU

Aset ROU pada mulanya diukur pada kos yang terdiri daripada yang berikut:

- Jumlah pengukuran awal liabiliti pajakan;
- Sebarang pembayaran pajakan yang dibuat pada atau sebelum tarikh permulaan ditolak sebarang insentif pajakan yang diterima;
- Sebarang kos langsung awal; dan
- Kos penamatan atau pemulihan.

Aset ROU yang bukan hartanah pelaburan seterusnya diukur pada kos, ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai (jika ada). Aset ROU secara umumnya disusut nilai sepanjang hayat berguna aset yang lebih pendek dan tempoh pajakan berdasarkan garis lurus. Jika Kumpulan pasti secara munasabah melaksanakan pilihan pembelian, aset ROU akan disusut nilai atas hayat berguna aset sandaran. Selain itu, aset ROU dilaraskan untuk pengukuran semula tertentu liabiliti pajakan. Aset ROU dibentangkan sebagai baris item berasingan dalam penyata kedudukan kewangan.

##### Liabiliti pajakan

Liabiliti pajakan pada awalnya diukur pada nilai semasa bayaran pajakan yang belum dibayar pada tarikh tersebut. Bayaran pajakan termasuk yang berikut:

- Bayaran tetap (termasuk bayaran tetap dalam bahan), ditolak sebarang insentif pajakan belum diterima;
- Bayaran pajakan boleh ubah yang berdasarkan indeks atau kadar, pada mulanya diukur menggunakan indeks atau kadar pada tarikh permulaan;
- Jumlah yang dijangka akan dibayar oleh Kumpulan di bawah jaminan nilai baki;
- Harga pelaksanaan bagi pembelian pilihan jika Kumpulan pasti secara munasabah melaksanakan pilihan tersebut; dan
- Bayaran penalti kerana menamatkan pajakan, jika tempoh pajakan menunjukkan Kumpulan melaksanakan pilihan tersebut.

Bayaran pajakan didiskaun menggunakan kadar faedah tersirat dalam pajakan. Jika kadar tersebut tidak boleh ditentukan dengan mudah, yang biasa berlaku untuk pajakan dalam Kumpulan, pinjaman tambahan pemajak digunakan. Ini ialah kadar yang pemajak individu kena bayar untuk meminjam dana yang diperlukan untuk mendapatkan aset yang sama nilai dengan ROU dalam persekitaran ekonomi serupa dengan terma, cagar dan syarat yang sama.

Bayaran pajakan diperuntukkan antara prinsipal dan kos pembiayaan. Kos pembiayaan dicajkan kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan bagi menghasilkan kadar faedah berkala yang tetap ke atas baki liabiliti yang tinggal untuk setiap tempoh.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### 2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.31 Pajak (sambungan)

##### Liabiliti pajak (sambungan)

Bayaran pajak boleh ubah yang bergantung pada jualan diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh berlakunya keadaan yang mencetus pembayaran tersebut berlaku.

Kumpulan membentangkan liabiliti pajak sebagai baris item berasingan dalam penyata kedudukan kewangan. Perbelanjaan faedah ke atas liabiliti pajak dibentangkan dalam perbelanjaan bukan faedah dalam penyata pendapatan.

##### Penilaian semula liabiliti pajak

Kumpulan juga terdedah kepada potensi peningkatan pembayaran pajak berubah pada masa hadapan yang bergantung pada indeks atau kadar, yang tidak dimasukkan dalam liabiliti pajak sehingga ia berkuat kuasa. Apabila pelarasan untuk pembayaran pajak berdasarkan indeks atau kadar berkuat kuasa, liabiliti pajak diukur semula dan diselaraskan terhadap aset ROU.

##### Pajak jangka pendek dan pajak aset bernilai rendah

Pajak jangka pendek ialah pajak dengan tempoh pajak selama 12 bulan atau kurang. Aset bernilai rendah terdiri daripada peralatan teknologi maklumat (IT) dan barangan kecil perabot pejabat. Bayaran berkaitan dengan pajak jangka pendek bagi peralatan dan kenderaan serta semua pajak aset bernilai rendah diiktiraf pada asas garis lurus sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan.

### 3 ANGGARAN DAN ANDAIAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL

Persediaan penyata kewangan yang selaras dengan MFRS dan IFRS memerlukan pihak pengurusan menggunakan anggaran perakaunan kritikal tertentu dan membuat pertimbangan dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan Kumpulan.

Anggaran dan andaian dinilai secara berterusan dan berdasarkan pengalaman sejarah dan faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa pada masa depan yang dipercayai munasabah mengikut keadaan. Mengikut definisi, anggaran perakaunan yang terhasil jarang menyamai keadaan sebenar. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko besar yang menyebabkan pelarasan yang ketara kepada jumlah bawaan bagi aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang dijelaskan di bawah.

#### (a) Rosot nilai aset gadai janji dan aset sewa beli (Nota 12, 13, 14 dan 45)

Kumpulan membuat peruntukan bagi kerugian ke atas aset gadai janji dan aset sewa beli berdasarkan penilaian kebolehpulihan. Walaupun pengurusan dipandu oleh keperluan MFRS 9, namun pengurusan juga membuat pertimbangan mengenai masa depan dan faktor utama lain berkenaan dengan pemulihan aset. Antara faktor yang dipertimbangkan ialah nilai bersih boleh direalisasikan bagi nilai cagaran yang mendasari dan keupayaan untuk menjana aliran tunai yang mencukupi untuk membayar aset tersebut.

Dua senario ekonomi menggunakan wajaran kebarangkalian yang berbeza digunakan pada ECL:

- Kes asas – berdasarkan tinjauan atau ramalan ekonomi semasa
- Kes negatif – berdasarkan tinjauan atau ramalan pesimis atau negatif

#### (b) Pertambahan diskaun ke atas aset gadai janji dan aset sewa beli (Nota 12, 13 dan 14)

Andaian digunakan untuk menganggarkan unjuran aliran tunai baki prinsipal tertunggak bagi aset gadai janji dan aset sewa beli yang diperolehi oleh Kumpulan untuk tujuan menentukan pertambahan diskaun. Anggaran ditentukan berdasarkan trend sejarah pembayaran balik dan penebusan peminjam aset gadai janji dan aset sewa beli. Perubahan dalam andaian ini akan memberi kesan terhadap jumlah yang diiktiraf sebagai pertambahan diskaun.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### 3 ANGGARAN DAN ANDAIAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL (SAMBUNGAN)

- (c) Rosot nilai pendedahan jaminan dan pendedahan Wakalah (Nota 22)

Dalam menentukan ECL, pertimbangan pengurusan diterapkan, menggunakan objektif, munasabah dan boleh disokong tentang keadaan ekonomi semasa dan ramalan. Pemboleh ubah makroekonomi yang digunakan dalam berbilang senario (iaitu asas, menurun dan menaik), termasuk (tetapi tidak terhad kepada) kadar pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK), kadar pengangguran, indeks harga pengguna dan indeks harga perumahan sebenar.

ECL berwajaran kebarangkalian ialah hasil gabungan berbilang senario digunakan terhadap pendedahan jaminan dan pendedahan Wakalah Kumpulan.

### 4 OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan risiko merupakan bahagian penting perniagaan dan operasi Kumpulan. Hal ini merangkumi pengenalanpastian, pengukuran, analisis, kawalan, pemantauan dan pelaporan risiko yang meliputi seluruh perusahaan.

Pada tahun-tahun kebelakangan ini, Kumpulan telah mempertingkatkan kawalan utama untuk memastikan keberkesanan pengurusan risiko dan kebebasannya daripada aktiviti pengambilan risiko.

Kumpulan akan terus membangunkan sumber manusianya, mengkaji semula proses sedia ada dan memperkenalkan pendekatan baharu yang selaras dengan amalan terbaik dalam pengurusan risiko. Objektif strategik Kumpulan adalah untuk mewujudkan kesedaran risiko yang tinggi dalam kalangan kakitangan barisan hadapan dan pejabat belakang, yang mana risiko diuruskan secara sistematik dan tahap pengambilan risiko adalah sejajar dengan tahap kesanggupan menerima risiko serta keperluan risiko ganjaran yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

#### 4.1 Struktur pengurusan risiko

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab muktamad untuk pengurusan risiko yang berkaitan dengan operasi dan aktiviti Kumpulan. Lembaga Pengarah menetapkan tahap kesanggupan menerima risiko dan tahap toleransi yang konsisten dengan keseluruhan objektif perniagaan dan profil risiko yang diingini. Lembaga Pengarah juga menyemak dan meluluskan semua dasar pengurusan risiko dan pendedahan risiko yang penting.

Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah membantu Lembaga Pengarah dengan memastikan terdapat pengawasan dan pembangunan strategi, dasar dan infrastruktur yang berkesan untuk menguruskan risiko Kumpulan.

Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dasar yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dengan memastikan terdapat tatacara operasi, kawalan dalaman serta sistem yang mencukupi dan berkesan untuk mengenal pasti, mengukur, menganalisis, mengawal, memantau dan melaporkan risiko termasuk pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang diguna pakai.

Bahagian Pengurusan Risiko dan Pematuhan adalah bebas daripada jabatan lain yang terlibat dalam aktiviti pengambilan risiko. Bahagian ini bertanggungjawab untuk memantau dan melaporkan pendedahan risiko secara bebas kepada Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah dan menyelaraskan pengurusan risiko yang meliputi seluruh perusahaan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### 4 OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

#### 4.2 Pengurusan risiko kredit

Risiko kredit ialah kemungkinan seorang peminjam atau rakan niaga gagal untuk memenuhi kewajipan kewangannya apabila perlu dijelaskan. Risiko kredit timbul dalam bentuk item penyata kedudukan kewangan seperti pinjaman dan pelaburan, dan juga dalam bentuk item luar penyata kedudukan kewangan seperti jaminan dan aktiviti lindung nilai perbendaharaan.

Kumpulan menguruskan risiko kredit dengan menapis para peminjam dan rakan niaga, menetapkan kriteria kelayakan yang ketat dan melaksanakan usaha wajar ke atas pinjaman dana pembiayaan yang akan dibeli. Had kredit dikaji semula secara berkala dan ditetapkan berdasarkan gabungan penarafan luar, penilaian kredit dalaman dan keperluan perniagaan. Semua pendedahan kredit dipantau secara berkala dan ketidakpatuhan dilaporkan secara bebas kepada pengurusan, Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah untuk penyelesaian segera.

Risiko kredit juga dikurangkan melalui aset-aset pendasar yang kebanyakannya terdiri daripada aset gadai janji, aset gadai janji Islam, aset sewa beli dan aset sewa beli Islam.

#### 4.3 Pengurusan risiko pasaran

Risiko pasaran ialah potensi kerugian yang timbul daripada pergerakan harga dan kadar pasaran yang negatif. Pendedahan risiko pasaran terhad hanya kepada risiko kadar faedah/keuntungan dan kadar pertukaran asing kerana Kumpulan tidak terlibat dalam sebarang aktiviti urus niaga ekuiti atau komoditi.

Kumpulan mengawal pendedahan risiko pasaran dengan mengenakan had ambang dan mengikat kontrak lindung nilai derivatif. Had ambang ditetapkan berdasarkan tahap kesanggupan menerima risiko Kumpulan dan hubungan risiko pulangnya. Had ini dikaji semula dan dipantau secara kerap. Kumpulan mempunyai Sistem Pengurusan Aset Liabiliti yang menyediakan peralatan seperti analisis jurang jangka masa, analisis sensitiviti faedah/keuntungan dan simulasi pendapatan di bawah senario yang berbeza bagi memantau risiko kadar faedah/keuntungan.

Kumpulan juga menggunakan instrumen derivatif seperti swap kadar faedah, swap kadar keuntungan, CCS dan ICCS untuk mengurus dan melindungi nilai pendedahan risiko pasaran terhadap perubahan dalam kadar faedah, kadar keuntungan dan kadar pertukaran mata wang asing.

#### 4.4 Pengurusan risiko kecairan

Risiko kecairan timbul apabila Kumpulan tidak mempunyai kecukupan dana untuk memenuhi kewajipan kewangannya tatkala perlu dijelaskan.

Kumpulan mengurangkan risiko kecairan dengan memadankan masa pembelian pinjaman dan pembiayaan dengan penerbitan bon atau Sukuk. Kumpulan merancang kedudukan aliran tunai dan memantau dengan teliti setiap urus niaga perniagaan untuk memastikan dana yang tersedia ada mencukupi untuk memenuhi keperluan perniagaan pada setiap masa. Selain itu, Kumpulan memperuntukkan kecairan rizab yang mencukupi untuk memenuhi sebarang kekurangan tidak dijangka dalam aliran tunai atau keadaan ekonomi yang buruk dalam pasaran kewangan.

Proses pengurusan kecairan Kumpulan, seperti yang dilaksanakan dalam anak syarikat dan dipantau oleh jabatan yang berkaitan, merangkumi:

- Pengurusan aliran tunai yang tidak sepadan dan had jurang kecairan yang melibatkan penilaian semua aliran masuk tunai Kumpulan berbanding aliran keluar tunainya untuk mengenal pasti potensi bagi sebarang kekurangan tunai bersih dan keupayaan Kumpulan untuk memenuhi kewajipan tunainya apabila perlu dijelaskan.
- Pemadanan pembiayaan pinjaman yang dibeli dengan aliran tunai yang dijangka, jangka masa serta tempoh pembiayaan.
- Pemantauan nisbah kecairan Kumpulan berbanding keperluan dalaman.
- Pengurusan penumpuan dan profil pembiayaan dengan mempelbagaikan sumber pembiayaan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### 4 OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

#### 4.5 Pengurusan Risiko Operasi

Risiko operasi ialah potensi kerugian disebabkan oleh ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, kakitangan dan sistem atau peristiwa luar. Hal ini termasuk risiko reputasi yang berkaitan dengan amalan perniagaan atau gelagat pasaran Kumpulan serta risiko kegagalan untuk mematuhi terhadap undang-undang dan peraturan yang diguna pakai.

Pengurusan risiko operasi merupakan keutamaan penting bagi Kumpulan. Bagi mengurangkan risiko operasi, Kumpulan telah merangka program risiko operasi dan kaedah penting yang membolehkan pengenpastian, pengukuran, pemantauan dan pelaporan risiko operasi yang sedia ada dan baru muncul.

Pengurusan harian bagi pendedahan risiko operasi ialah melalui pembangunan dan penyelenggaraan kawalan dalaman dan prosedur yang menyeluruh berdasarkan pengasingan tugas, semakan bebas, kawalan akses sistem bersegi dan proses pemberian kuasa berbilang peringkat. Proses pelaporan kejadian juga diwujudkan untuk mengenal pasti dan menganalisis penipuan dan kelemahan kawalan.

Penilaian sendiri risiko dan kawalan secara berkala diwujudkan supaya unit perniagaan dan sokongan boleh mengenal pasti risiko dan menilai keberkesanan kawalan pada peringkat awal. Pelan tindakan dirangka untuk isu-isu kawalan yang telah dikenal pasti.

Kumpulan mengurangkan kesan dan kemungkinan berlaku sebarang gangguan yang tidak dijangka terhadap operasi perniagaannya melalui rangka kerja dan dasar pengurusan kesinambungan perniagaan (*Business Continuity Management*, "BCM"), rancangan kesinambungan perniagaan dan latihan BCM secara berkala. Kumpulan juga telah mengenal pasti strategi pemulihan yang meliputi seluruh perusahaan untuk mempercepatkan pemulihan dan penyambungan semula perniagaan dan teknologi semasa kejadian bencana.

### 5 TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK

|                                                                                                | Kumpulan       |                | Syarikat       |                |
|------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
|                                                                                                | 2024<br>RM'000 | 2023<br>RM'000 | 2024<br>RM'000 | 2023<br>RM'000 |
| Tunai dan baki dengan bank dan institusi kewangan lain                                         | 1,188          | 625            | 10             | 17             |
| Wang panggilan dan deposit dan penempatan matang dalam tempoh kurang dari tiga bulan           | 668,787        | 185,775        | 2,449          | 1,003          |
| Wang panggilan Mudarabah dan deposit dan penempatan matang dalam tempoh kurang dari tiga bulan | 50,487         | 77,363         | –              | –              |
|                                                                                                | 720,462        | 263,763        | 2,459          | 1,020          |
| Tolak: Peruntukan bagi kerugian rosot nilai                                                    | (1)            | –              | –              | –              |
|                                                                                                | 720,461        | 263,763        | 2,459          | 1,020          |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

## 5 TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK (SAMBUNGAN)

Nilai dibawa kasar tunai dan dana jangka pendek serta peruntukan rosot nilai adalah dalam peruntukan Peringkat 1 (ECL 12-bulan). Pergerakan dalam peruntukan rosot nilai yang mencerminkan model ECL berkenaan rosot nilai adalah seperti berikut:

|                              | Kumpulan       |                | Syarikat       |                |
|------------------------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
|                              | 2024<br>RM'000 | 2023<br>RM'000 | 2024<br>RM'000 | 2023<br>RM'000 |
| Peringkat 1                  |                |                |                |                |
| Pada 1 Januari               | -              | 1              | -              | -              |
| Peruntukan pada tahun semasa | 1              | (1)            | -              | -              |
| Pada 31 Disember             | 1              | -              | -              | -              |

## 6 DEPOSIT DAN PENEMPATAN DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

|                                             | Kumpulan       |                | Syarikat       |                |
|---------------------------------------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
|                                             | 2024<br>RM'000 | 2023<br>RM'000 | 2024<br>RM'000 | 2023<br>RM'000 |
| Bank-bank berlesen                          | 1,105,404      | 782,233        | -              | 1,414          |
| Tolak: Peruntukan bagi kerugian rosot nilai | (3)            | -              | -              | -              |
|                                             | 1,105,401      | 782,233        | -              | 1,414          |

Nilai dibawa kasar deposit dan penempatan dengan institusi kewangan adalah dalam peruntukan Peringkat 1 (ECL 12-bulan). Pergerakan dalam peruntukan rosot nilai yang mencerminkan model ECL mengenai rosot nilai adalah seperti berikut:

|                              | Kumpulan dan Syarikat |                |
|------------------------------|-----------------------|----------------|
|                              | 2024<br>RM'000        | 2023<br>RM'000 |
| Peringkat 1                  |                       |                |
| Pada 1 Januari               | -                     | -              |
| Peruntukan pada tahun semasa | 3                     | -              |
| Pada 31 Disember             | 3                     | -              |



## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### 7 ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (FVOCI)

|                             | Kumpulan         |                  |
|-----------------------------|------------------|------------------|
|                             | 2024<br>RM'000   | 2023<br>RM'000   |
| Instrumen hutang:           |                  |                  |
| Sekuriti kerajaan Malaysia  | 870,577          | 568,002          |
| Bon korporat                | 623,632          | 621,355          |
| Terbitan pelaburan kerajaan | 1,477,906        | 1,006,971        |
| Sukuk korporat              | 1,965,759        | 1,979,107        |
| Sukuk kuasi-kerajaan        | 535,411          | 608,409          |
|                             | <b>5,473,285</b> | <b>4,783,844</b> |

Struktur kematangan aset kewangan pada FVOCI adalah seperti berikut:

|                             |                  |                  |
|-----------------------------|------------------|------------------|
| Matang dalam tempoh setahun | 1,177,704        | 464,448          |
| Satu hingga tiga tahun      | 1,312,131        | 1,746,021        |
| Tiga hingga lima tahun      | 689,485          | 998,417          |
| Lebih daripada lima tahun   | 2,293,965        | 1,574,958        |
|                             | <b>5,473,285</b> | <b>4,783,844</b> |

Jumlah dibawa instrumen hutang pada FVOCI adalah bersamaan dengan nilai saksamanya. ECL diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan tidak mengurangkan jumlah dibawa dalam penyata kedudukan kewangan.

Nilai dibawa kasar aset kewangan pada FVOCI mengikut peringkat adalah seperti berikut:

|                                                   | Nilai<br>dibawa<br>kasar<br>RM'000 | Peruntukan<br>rosot nilai<br>RM'000 |
|---------------------------------------------------|------------------------------------|-------------------------------------|
| <b>2024</b>                                       |                                    |                                     |
| Peringkat 1 (ECL 12-bulan; kredit tidak terjejas) | <b>5,473,285</b>                   | <b>357</b>                          |
| <b>2023</b>                                       |                                    |                                     |
| Peringkat 1 (ECL 12-bulan; kredit tidak terjejas) | 4,783,844                          | 454                                 |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

**7 ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (FVOCI) (SAMBUNGAN)**

Pergerakan dalam peruntukan rosot nilai yang mencerminkan model ECL mengenai rosot nilai adalah seperti berikut:

|                                                                             | Kumpulan dan Syarikat |                |
|-----------------------------------------------------------------------------|-----------------------|----------------|
|                                                                             | 2024<br>RM'000        | 2023<br>RM'000 |
| Peringkat 1                                                                 |                       |                |
| Pada 1 Januari                                                              | 454                   | 415            |
| Peruntukan pada tahun semasa ke atas aset baharu yang dibeli                | 63                    | 300            |
| Aset kewangan dinyahiktiraf pada tahun semasa disebabkan kematangan aset    | (81)                  | (157)          |
| Pengiraan semula pada tahun semasa disebabkan perubahan dalam risiko kredit | (79)                  | (104)          |
| Pada 31 Disember                                                            | 357                   | 454            |

Aset kewangan pada FVOCI yang disandarkan sebagai cagaran bagi kewajipan ke atas sekuriti yang dijual di bawah perjanjian belian semula untuk Kumpulan dan Syarikat berjumlah RM498.1 juta (2023: RM432.9 juta).

**8 ASET KEWANGAN PADA KOS TERLUNAS**

|                | Kumpulan       |                |
|----------------|----------------|----------------|
|                | 2024<br>RM'000 | 2023<br>RM'000 |
| Bon korporat   | 1,605,037      | 1,604,687      |
| Sukuk korporat | 681,998        | 681,993        |
|                | 2,287,035      | 2,286,680      |

Struktur kematangan aset kewangan pada kos terlunas adalah seperti berikut:

|                                             |           |           |
|---------------------------------------------|-----------|-----------|
| Lebih dari lima tahun                       | 2,290,640 | 2,290,448 |
| Tolak: Peruntukan bagi kerugian rosot nilai | (3,605)   | (3,768)   |
|                                             | 2,287,035 | 2,286,680 |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### 8 ASET KEWANGAN PADA KOS TERLUNAS (SAMBUNGAN)

Nilai dibawa kasar mengikut peringkat peruntukan adalah seperti berikut:

|                                                   | Nilai<br>dibawa<br>kasar<br>RM'000 | Peruntukan<br>rosot nilai<br>RM'000 |
|---------------------------------------------------|------------------------------------|-------------------------------------|
| <b>2024</b>                                       |                                    |                                     |
| Peringkat 1 (ECL 12-bulan; tidak terjejas kredit) | <b>2,290,640</b>                   | <b>3,605</b>                        |
| <b>2023</b>                                       |                                    |                                     |
| Peringkat 1 (ECL 12-bulan; tidak terjejas kredit) | 2,290,448                          | 3,768                               |

Pergerakan dalam peruntukan rosot nilai yang mencerminkan model ECL untuk rosot nilai adalah seperti berikut:

|                                                                             | Kumpulan dan Syarikat |                |
|-----------------------------------------------------------------------------|-----------------------|----------------|
|                                                                             | 2024<br>RM'000        | 2023<br>RM'000 |
| <u>Peringkat 1</u>                                                          |                       |                |
| Pada 1 Januari                                                              | <b>3,768</b>          | 3,135          |
| Peruntukan pada tahun semasa ke atas aset baharu yang dibeli                | –                     | 1,154          |
| Pengiraan semula pada tahun semasa disebabkan perubahan dalam risiko kredit | <b>(163)</b>          | (521)          |
| Pada 31 Disember                                                            | <b>3,605</b>          | 3,768          |

### 9 INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF

Instrumen kewangan derivatif yang digunakan oleh Kumpulan untuk melindungi nilai terhadap pendedahan kadar faedah/keuntungan dan pendedahan mata wang asing ialah IRS, IPRS dan CCS.

IRS/IPRS digunakan oleh Kumpulan untuk melindungi nilai terhadap pendedahan kadar faedah/keuntungan yang timbul daripada urus niaga berikut:

(i) *Penerbitan bon/Sukuk kadar tetap untuk membiayai pembelian aset kadar terapung*

Kumpulan membayar penerimaan kadar terapung, daripada pembelian aset kadar terapungnya, kepada rakan niaga swap dan menerima faedah/keuntungan kadar tetap sebagai balasan. Faedah/keuntungan kadar tetap ini kemudiannya akan digunakan untuk membayar kupon ke atas bon/Sukuk berkadar tetap yang diterbitkan. Dengan ini, Kumpulan dilindungi daripada pergerakan negatif dalam kadar faedah/keuntungan.

(ii) *Penerbitan bon/Sukuk jangka pendek untuk membiayai aset tetap jangka panjang*

Kumpulan menerbitkan bon/Sukuk jangka pendek dan memeterai urus niaga swap untuk menerima faedah/keuntungan kadar terapung daripada dan membayar faedah/keuntungan kadar tetap kepada rakan niaga swap. Setelah menerima ansuran daripada aset, Kumpulan membayar faedah/keuntungan kadar tetap kepada rakan niaga swap dan menerima faedah/keuntungan kadar terapung untuk membayar pemegang bon dan pemegang Sukuk.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### 9 INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF (SAMBUNGAN)

CCS juga digunakan oleh Kumpulan untuk melindungi nilai terhadap pendedahan mata wang asing yang timbul daripada penerbitan bon/Sukuk mata wang asing untuk membiayai aset dalam mata wang fungsian. Ilustrasi urus niaga tersebut adalah seperti berikut:

- Pada permulaannya, Kumpulan menukarkan hasil daripada bon/Sukuk mata wang asing kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran yang telah dipersetujui terlebih dahulu dengan rakan niaga CCS.
- Sementara itu, Kumpulan menerima pembayaran faedah/keuntungan dalam mata wang asing daripada rakan niaga CCS dan dengannya membayar kepada pemegang bon/Sukuk mata wang asing bagi pembayaran kupon. Pada masa yang sama, Kumpulan akan membayar faedah/keuntungan kepada rakan niaga CCS dalam mata wang fungsian menggunakan ansuran yang diterima daripada aset yang dibeli.
- Apabila matang, Kumpulan membayar prinsipal dalam mata wang fungsian pada kadar pertukaran yang dipersetujui terlebih dahulu kepada rakan niaga CCS dan menerima jumlah prinsipal dalam mata wang asing yang sama dengan prinsipal bon/Sukuk mata wang asing yang kemudiannya akan digunakan untuk menebus bon/Sukuk tersebut. Pendedahan mata wang asing Kumpulan adalah daripada Dolar Hong Kong (*Hong Kong Dollar*, "HKD"), Dolar Amerika Syarikat (*US Dollar*, "USD"), dan Dolar Singapura (*Singapore Dollar*, "SGD").

Keberkesanan dinilai dengan membandingkan perubahan dalam nilai saksama swap kadar faedah/keuntungan dan swap mata wang silang dengan perubahan dalam nilai saksama item lindung nilai yang dikaitkan dengan risiko lindung nilai menggunakan kaedah derivatif hipotesis.

Kumpulan telah menetapkan kadar lindung nilai dengan memadankan nosional derivatif dengan prinsipal item lindung nilai. Sumber yang mungkin membawa kepada ketidakberkesanan adalah seperti berikut:

- Perbezaan dalam masa aliran tunai antara item lindung nilai, swap kadar faedah/keuntungan dan swap mata wang silang;
- Melindung nilai derivatif dengan nilai saksama bukan sifar pada permulaannya sebagai instrumen lindung nilai; dan
- Risiko kredit rakan niaga memberi kesan kepada nilai saksama swap kadar faedah/keuntungan dan swap mata wang silang tetapi bukan item lindung nilai.

Jadual di bawah memberikan ringkasan instrumen kewangan derivatif yang dimeterai oleh Kumpulan yang digunakan sebagai instrumen lindung nilai dalam lindung nilai aliran tunai.

|                             | Kumpulan                                 |                |                                      |
|-----------------------------|------------------------------------------|----------------|--------------------------------------|
|                             | Jumlah<br>Kontrak/<br>Nosional<br>RM'000 | Aset<br>RM'000 | Liabiliti<br>RM'000                  |
|                             |                                          |                | Purata<br>kadar<br>faedah tetap<br>% |
| <b>2024</b>                 |                                          |                |                                      |
| <i>IRS/IPRS</i>             |                                          |                |                                      |
| Matang dalam tempoh setahun | 1,180,000                                | 391            | (357)                                |
| Komponen modal CET1, Tahap 1 dan Tahap 2:                                                    |                  |                   |
| Modal CET1/Tahap 1:                                                                          |                  |                   |
| Dana modal diperuntukkan                                                                     | 294,747          | 294,409           |
| Rizab lain                                                                                   | 1,651,024        | 1,492,089         |
|                                                                                              | 1,945,771        | 1,786,498         |
| Rizab FVOCI                                                                                  | 1,779            | 1,362             |
| Aset cukai tertunda                                                                          | (61,364)         | (56,290)          |
| Tolak: Rizab berkanun***                                                                     | (30,517)         | (28,331)          |
| Jumlah modal CET1/Tahap 1                                                                    | 1,855,669        | 1,703,239         |
| Modal Tahap 2:                                                                               |                  |                   |
| Peruntukan kerugian rosot nilai                                                              | 20,379           | 21,141            |
| Tambah: Rizab berkanun***                                                                    | 30,517           | 28,331            |
| Jumlah modal Tahap 2                                                                         | 50,896           | 49,472            |
| Jumlah modal                                                                                 | 1,906,565        | 1,752,711         |
| Pecahan aset berwajaran risiko mengikut setiap kategori risiko utama adalah seperti berikut: |                  |                   |
| Risiko kredit                                                                                | 7,758,775        | 8,516,583         |
| Risiko operasi                                                                               | 384,582          | 310,507           |
| Jumlah aset berwajaran risiko                                                                | 8,143,357        | 8,827,090         |

\*\* tidak termasuk aset berwajaran risiko dan jumlah modal CMBS

\*\*\* terdiri daripada rizab berkanun yang layak untuk pembiayaan tidak terjejas Cagamas.

\*\*\* nisbah kecukupan modal 31 Disember 2023 ini telah dinyatakan semula untuk diselaraskan dengan pengiraan tempoh semasa.

Kumpulan dan Syarikat tidak tertakluk pada Garis Panduan Kecukupan Modal, BNM. Namun begitu, pendedahan nisbah kecukupan modal dibuat secara sukarela untuk tujuan maklumat.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### 53 OPERASI ISLAM (SAMBUNGAN)

#### NOTA-NOTA KEPADA OPERASI ISLAM (sambungan)

##### (n) *Penasihat Syariah*

Kumpulan berunding dan mendapatkan pengesahan/kelulusan daripada Penasihat Syariah bebas untuk semua produk, urus niaga dan operasi Islam bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan Syariah. Dari sudut kawal selia, Kumpulan tidak mempunyai akses secara langsung kepada Majlis Penasihat Syariah (MPS) BNM dan/atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) (secara kolektif dirujuk sebagai MPS), untuk keputusan/nasihat Syariah. Sehubungan itu, di mana berkenaan, Kumpulan akan memperoleh kelulusan MPS melalui rakan niaga atau perantara yang berada di bawah bidang kuasa BNM, dan/atau melalui penasihat utama program Sukuk untuk penyerahan produk kewangan Islam.

### 54 PERISTIWA SELEPAS TAHUN KEWANGAN BERAKHIR

Selepas tahun kewangan berakhir, CMBS telah menebus awal dua bahagian RMBSnya berjumlah RM105 juta dan RM265 juta masing-masing pada 24 Februari 2025 dan 12 Mac 2025.

Penebusan awal ini memenuhi kriteria “Penebusan Pilihan Secara Keseluruhan” yang ditetapkan masing-masing dalam Surat Ikatan Amanah RMBS.

### 55 KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan ini telah diluluskan untuk dikeluarkan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah pada 25 Mac 2025.

# PENDEDAHAN TUNGGAK 3

## 1.0 TINJAUAN

Pendedahan Tunggak 3 bagi Cagamas ini ditadbir urus oleh Polisi Pendedahan yang telah diluluskan iaitu Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko (Basel II Tunggak 3) yang mendokumenkan kandungan, kepentingan, kekerapan pendedahan dan kawalan dalaman yang dilaksanakan dalam proses pendedahan.

Dalam menentukan keperluan modal bagi risiko kredit, Cagamas telah mengguna pakai Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman Lanjutan Termaju (*Advanced Internal Rating Based (AIRB) Approach*) untuk portfolio Pembelian Tanpa Rekursa (*Purchase Without Recourse, PWOR*) dan Pendekatan Seragam (*Standardised Approach*) bagi portfolio Pembelian Dengan Rekursa (*Purchase With Recourse, PWR*), Penyelesaian Pengurusan Modal (*Capital Management Solution, CMS*) serta pelaburan.

Bagi risiko pasaran, Pendekatan Seragam diguna pakai sementara keperluan modal berwajaran risiko untuk risiko operasi adalah berdasarkan pada Pendekatan Penunjuk Asas (*Basic Indicator Approach, BIA*) iaitu purata peratusan, yang ditetapkan oleh BNM, daripada pendapatan kasar tahunan yang positif sepanjang tempoh tiga tahun sebelumnya.

Di bawah keperluan RWCAF Basel II Tunggak 3 BNM, maklumat yang didedahkan di sini tidak perlu diaudit oleh juruaudit luar. Namun begitu, pendedahan tersebut telah disemak dan disahkan oleh juruaudit dalaman dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pendedahan Tunggak 3 akan diterbitkan setiap tahun bersama-sama dengan laporan tahunan yang boleh didapati di laman web Cagamas, [www.cagamas.com.my](http://www.cagamas.com.my).

## 2.0 SKOP APLIKASI

Asas bagi penyatuan dinyatakan dalam Nota 2 kepada penyata kewangan ini. Tidak ada sekatan atau halangan yang ketara bagi pemindahan dana atau modal kawal selia dalam Kumpulan Cagamas Holdings ("Kumpulan"). Tiada kekurangan modal dalam mana-mana anak syarikat Kumpulan sepanjang tahun ini.

Bagi tujuan pendedahan Tunggak 3, skopnya dihadkan kepada anak syarikat yang mempunyai hubungan ketara terhadap aset Kumpulan iaitu Cagamas. Pendedahan ini diterbitkan untuk tahun berakhir 31 Disember 2024 dan berasaskan penyata kewangan Cagamas Berhad yang telah disatukan. Maklumat berkenaan anak syarikat lain Kumpulan terkandung dalam nota kepada penyata kewangan.

\* Pendedahan ini adalah latihan sukarela oleh Cagamas Berhad dan subsidiarinya



## PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (sambungan)

### 3.0 PENGURUSAN MODAL

Pengurusan modal Cagamas adalah berpanduan Rangka Kerja Pengurusan Modal yang menetapkan dasar dan prosedur minimum yang diperlukan untuk memastikan kecukupan modal dikekalkan bagi menyokong pembangunan perniagaannya.

Rangka kerja ini bertujuan untuk memastikan keperluan modal dikaji semula dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun dilaksanakan, konsisten dengan profil risiko dan rancangan perniagaan organisasi serta mengekalkan tahap modal yang mencukupi pada setiap masa. Proses ini melibatkan inisiatif-inisiatif utama yang berikut:

- Fokus kepada usaha mengukur pulangan modal yang digunakan dalam menilai cadangan perniagaan, yang memerlukan penggabungan peranan pembangunan unik Cagamas dalam pasaran modal hutang dan juga sebagai pembekal kecairan;
- Pemantauan yang berterusan terhadap keteguhan kedudukan modal Cagamas dan penggunaan modal yang cekap melalui pelan modal tiga tahun;
- Pelaksanaan Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalam (Internal Capital Adequacy Assessment Process, ICAAP) dan memastikan keperluan modal di bawah senario yang tertekan diambil kira dalam perancangan modal.

Strategi pengurusan modal adalah dinamik dan berpandangan ke hadapan, menyepadukan keperluan modal perniagaan sedia ada dan baharu serta mengambil kira persekitaran perniagaan yang memberi kesan kepada keperluan dan nilai organisasi.

Strategi ini memerlukan pengurusan struktur modal Cagamas secara proaktif untuk menjadi berkesan sambil mengekalkan kekukuhan dan keteguhan kedudukan modal selari dengan profil risiko dan menyokong pertumbuhan perniagaan. Hal ini melibatkan penyemakan dan pemantauan berterusan terhadap tahap serta kualiti modal oleh Lembaga Pengarah, yang dinilai berdasarkan objektif utama yang berikut:



Keperluan kecukupan modal dikira mengikut Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) BNM dan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Basel II – Aset Berwajaran Risiko) yang menetapkan keperluan umum mengenai kecukupan modal kawal selia, komponen modal kawal selia yang layak dan keperluan untuk pengiraan aset berwajaran risiko (*risk-weighted assets*, RWA).

## PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (sambungan)

## 3.0 PENGURUSAN MODAL (SAMBUNGAN)

## 3.1 Nisbah Kecukupan Modal

Jadual yang berikut memperincikan nisbah kecukupan modal bagi Cagamas:

|                                                       | 2024  | 2023* |
|-------------------------------------------------------|-------|-------|
| <i>Sebelum ditolak dividen akhir yang dicadangkan</i> |       |       |
| Nisbah Modal CET1                                     | 37.9% | 31.6% |
| Nisbah Modal Tahap 1                                  | 37.9% | 31.6% |
| TCR                                                   | 38.4% | 32.0% |
| <i>Selepas ditolak dividen akhir yang dicadangkan</i> |       |       |
| Nisbah Modal CET1                                     | 37.7% | 31.4% |
| Nisbah Modal Tahap 1                                  | 37.7% | 31.4% |
| TCR                                                   | 38.2% | 31.9% |

*Ekuiti Biasa Tahap 1 (CET1) dan Nisbah Modal Tahap 1 (Tier 1) merujuk kepada Jumlah modal Tahap 1 berbanding RWA.*

*Jumlah Nisbah Modal (TCR) ialah Jumlah Modal berbanding RWA.*

## 3.2 Struktur Modal

Jadual yang berikut memperincikan struktur modal Cagamas:

|                                        | 2024<br>RM'000 | 2023*<br>RM'000 |
|----------------------------------------|----------------|-----------------|
| <b>Modal CET1/Tahap 1</b>              |                |                 |
| Modal berbayar                         | 150,000        | 150,000         |
| Keuntungan tertahan dan rizab berkanun | 4,602,931      | 4,394,938       |
|                                        | 4,752,931      | 4,544,938       |
| Rizab aset kewangan pada FVOCI**       | 209            | (2,152)         |
| Tolak: Aset cukai tertunda             | (10,819)       | (13,501)        |
| Tolak: Rizab berkanun***               | (52,798)       | (47,919)        |
| Jumlah Modal CET1/Tahap 1              | 4,689,523      | 4,481,366       |
| <b>Modal Tahap 2</b>                   |                |                 |
| Peruntukan bagi kerugian penjejasan    | 14,028         | 17,287          |
| Tambah: Rizab berkanun***              | 52,798         | 47,919          |
| Jumlah Modal Tahap 2                   | 66,826         | 65,206          |
| Jumlah Modal                           | 4,756,349      | 4,546,572       |

\* Nisbah kecukupan modal 31 Disember 2023 ini telah dinyatakan semula untuk diselaraskan dengan pengiraan tahun semasa.

\*\* Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain (FVOCI).

\*\*\* terdiri daripada rizab berkanun yang layak untuk pinjaman tidak terjejas dan pembiayaan Cagamas.

## PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (sambungan)

### 3.0 PENGURUSAN MODAL (SAMBUNGAN)

#### 3.3 Keperluan Modal Kawal Selia Minimum

Jadual yang berikut menunjukkan keperluan modal minimum bagi menyokong RWA Cagamas:

| Kelas Pendedahan<br>Aset Berwajaran Risiko | 2024<br>RM'000 | 2023*<br>RM'000 |
|--------------------------------------------|----------------|-----------------|
| i) Risiko Kredit                           | 11,703,181     | 13,543,083      |
| ii) Risiko Operasi                         | 678,580        | 645,292         |
| Jumlah RWA                                 | 12,381,761     | 14,188,375      |
| <b>Keperluan modal minimum pada 10.5%</b>  |                |                 |
| i) Risiko Kredit                           | 1,228,833      | 1,422,024       |
| ii) Risiko Operasi                         | 71,251         | 67,756          |
| Jumlah                                     | 1,300,084      | 1,489,780       |

\* Nisbah kecukupan modal 31 Disember 2023 ini telah dinyatakan semula untuk diselaraskan dengan pengiraan tahun semasa.

### 4.0 PENGURUSAN RISIKO

Kumpulan mengambil pandangan holistik dan menyeluruh dalam menguruskan risiko anak-anak syarikat dengan membuat penilaian risiko secara kerap.

#### 4.1 Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi (*Enterprise Risk Management, ERM*)

ERM merupakan sebahagian daripada budaya Kumpulan yang diterapkan dalam proses dan amalan perniagaan, operasi dan membuat keputusan. Rangka Kerja ERM menjurus ke arah mencapai objektif Kumpulan dalam empat kategori yang berikut:

| Strategik                                                             | Operasi                                     | Kewangan                           | Pelaporan & Pematuhan                                                                         |
|-----------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------|------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------|
| matlamat peringkat tinggi, sejajar dengan dan menyokong misi Kumpulan | penggunaan sumber secara berkesan dan cekap | keuntungan dan kemampanan prestasi | kebolehpercayaan pelaporan dan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan yang diguna pakai |

Selaras dengan ERM, Kumpulan mengguna pakai tiga barisan pertahanan dalam menguruskan risiko. Sebagai barisan pertahanan pertama, unit Perniagaan dan Sokongan mempunyai tanggungjawab utama untuk mengenal pasti, mengurangkan dan menguruskan risiko dalam bidang perniagaan mereka. Unit ini juga memastikan bahawa aktiviti harian mereka dijalankan mengikut dasar, prosedur dan had risiko yang telah ditetapkan.

Bahagian Pengurusan dan Pematuhan Risiko (Risk Management and Compliance Division, RMD) yang bebas, memainkan peranan sebagai barisan pertahanan kedua dengan menyediakan sumber khusus untuk mengurus risiko dan pematuhan secara proaktif. Ini termasuk penilaian pendedahan risiko dan penyelarasan pengurusan risiko bagi seluruh organisasi. RMD juga bertanggungjawab untuk memastikan dasar risiko dilaksanakan sewajarnya.

Bahagian Audit Dalaman (Internal Audit Division, IAD) sebagai barisan pertahanan ketiga, bertanggungjawab untuk menyemak kecukupan dan keberkesanan proses pengurusan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan dasar risiko dalaman, secara bebas.

## PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (sambungan)

## 4.0 PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

## 4.2 Struktur Tadbir Urus Risiko

|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <div>Lembaga Pengarah</div> <div><div><div>• Menetapkan hala tuju strategik keseluruhan bagi Kumpulan;</div><div>• Menyediakan pengawasan untuk memastikan Pengurusan mempunyai sistem dan amalan pengurusan risiko yang sewajarnya bagi menguruskan risiko yang berkaitan dengan operasi dan aktiviti Kumpulan;</div><div>• Menetapkan tahap kesanggupan menerima risiko dan paras toleransi yang konsisten dengan keseluruhan objektif perniagaan Kumpulan dan profil risiko yang dikehendaki;</div><div>• Menyemak dan meluluskan semua dasar pengurusan dan pendedahan risiko yang penting.</div></div></div> |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| <div>Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah</div> <div>(Board Risk Committee, BRC)</div> <div>Membantu Lembaga Pengarah dengan memastikan kewujudan pengawasan dan pembangunan strategi, dasar dan infrastruktur yang berkesan untuk menguruskan risiko Kumpulan. BRC disokong oleh jawatankuasa pengurusan untuk menangani risiko-risiko utama yang dikenal pasti.</div>                                                                                                                                                                                                                                           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| <div>Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan</div> <div>(Management Executive Committee, MEC)</div> <div>Menjalankan fungsi pengawasan bagi had risiko keseluruhan, menyelaraskan mereka kepada tahap kesanggupan menerima risiko yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.</div>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | <div>Jawatankuasa Aset dan Liabiliti</div> <div>(Asset Liability Committee, ALCO)</div> <div>Menjalankan fungsi pengawasan bagi pengurusan kecairan dan peruntukan modal, menyelaraskan mereka kepada tahap kesanggupan menerima risiko yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.</div>                                                                                                                      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| <div>Pengurusan</div> <div>Bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan memastikan kewujudan prosedur operasi yang mencukupi dan berkesan, serta kawalan dalaman dan sistem yang menyokong dasar-dasar tersebut.</div>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| <div>Barisan Pertahanan Pertama</div> <div>Fungsi Perniagaan dan Sokongan</div> <div>Tanggungjawab utama ialah mengenal pasti, mengurangkan dan mengurus risiko dalam bidang perniagaan mereka. Mereka juga memastikan aktiviti harian mereka dijalankan mengikut dasar, prosedur dan had risiko yang ditetapkan.</div>                                                                                                                                                                                                                                                                                           | <div>Barisan Pertahanan Kedua</div> <div>Bahagian Pengurusan Risiko &amp; Pematuhan</div> <div>(Risk Management &amp; Compliance Division, RMD)</div> <div>Memantau dan melaporkan pendedahan risiko secara bebas dan menyelaraskan pengurusan risiko bagi seluruh organisasi. Bahagian ini bebas daripada jabatan lain yang terlibat dalam aktiviti mengambil risiko dan melapor terus kepada BRC.</div> | <div>Barisan Pertahanan Ketiga</div> <div>Bahagian Audit Dalaman</div> <div>(Internal Audit Division, IAD)</div> <div>Bertanggungjawab untuk mengkaji secara bebas kecukupan dan keberkesanan proses pengurusan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan terhadap dasar-dasar dalaman.</div> |

## PENDEDAHAN TUNGGAK 3 *(sambungan)*

### 4.0 PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

#### 4.3 Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalam (Internal Capital Adequacy Assessment Process, ICAAP)

Pada asasnya, ICAAP melibatkan penilaian yang menyeluruh terhadap semua risiko penting yang terdedah kepada Cagamas, termasuk menilai kecukupan modal berbanding risikonya dan menetapkan sasaran modal yang sepadan dengan profil risiko serta persekitaran operasi, dengan mengambil kira strategi perniagaan Cagamas dan tahap kesanggupan menerima risiko. Berikut adalah komponen utama dalam ICAAP organisasi:

##### Tahap Kesanggupan Menerima Risiko

Tahap kesanggupan menerima risiko ialah tahap toleransi risiko yang boleh diterima bagi setiap kategori risiko penting dan parameter lain yang berkaitan dalam mencapai objektif perniagaan. Ia tidak bertujuan untuk menghalang pengambilan risiko, sebaliknya, memastikan risiko yang diambil adalah selaras dengan strategi perniagaan yang dipilih.

##### Penilaian & Kuantifikasi Risiko Ketara

Komponen ini melibatkan analisis semua risiko yang berlaku dalam aktiviti perniagaan dan mengiktiraf risiko yang Cagamas boleh terdedah pada masa depan. Ini termasuk risiko yang boleh diukur dan tidak boleh diukur. Risiko dikumpulkan bagi menentukan risiko keseluruhan di bawah ICAAP, termasuk penilaian kesan tekanan terhadap sasaran Nisbah Jumlah Modal dalaman.

##### Ujian Tekanan

Ujian tekanan yang teliti dan berpandangan ke hadapan merupakan bahagian yang penting dalam ICAAP yang membolehkan Cagamas menilai kesan kepada kecukupan modal yang timbul daripada peristiwa buruk atau perubahan dalam keadaan pasaran. Ujian tekanan lanjut akan membolehkan Cagamas menilai kelemahan penyata kedudukan kewangan dan daya tahan rancangan kewangannya terhadap peristiwa tekanan yang ekstrem tetapi munasabah.

Bagi memastikan keberkesanan keputusan ujian tekanan, pelbagai senario diambil kira termasuk sekurang-kurangnya satu senario kemerosotan ekonomi yang teruk tetapi munasabah, seperti kemelesetan ekonomi yang teruk dan/atau satu kejutan seluruh sistem terhadap kecairan. Ujian tekanan ini dijalankan di seluruh organisasi merangkumi semua bidang risiko yang berkaitan dan entiti penting. Keputusan ujian tekanan dibincangkan oleh MEC dan dilaporkan kepada BRC serta Lembaga Pengarah.

##### Pengurusan Modal

Pengukuran modal yang sedia ada dan instrumen modal diperincikan dalam Rangka Kerja Pengurusan Modal. Komponen yang dipertimbangkan sebagai modal sedia ada disemak atau dipertingkatkan apabila perlu untuk memastikan kesesuaiannya.

##### Kajian Bebas

Kajian ICAAP secara bebas akan dilakukan untuk mengkaji semula proses atau sistem bagi menilai pelbagai risiko yang terdedah kepada Cagamas dan untuk mengaitkan risiko-risiko kepada tahap modal. Skopnya termasuk mengkaji semula kesesuaian proses penilaian kecukupan modal dalaman, mengenal pasti risiko utama, kewajaran senario ujian tekanan, integriti, kebolehupayaan mengesah dan kesempurnaan input data serta andaian yang digunakan.

## PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (sambungan)

### 5.0 RISIKO KREDIT

Risiko kredit didefinisikan sebagai potensi kerugian kewangan berpunca daripada kegagalan peminjam atau rakan niaga untuk memenuhi kewajipan kewangan atau kontrak. Risiko kredit timbul daripada perniagaan PWR dan PWOR, Penyelesaian Pengurusan Modal (Capital Management Solution, CMS), pelaburan dan aktiviti lindung nilai perbendaharaan. Cagamas berusaha untuk mengambil risiko kredit yang menepati piawaian penajajaminan sambil memastikan bahawa risiko yang diambil sepadan dengan pulangnya.

#### Pengawasan dan Organisasi Pengurusan Risiko Kredit

MEC ialah jawatankuasa pengurusan kanan yang bertanggungjawab ke atas keseluruhan pendedahan risiko kredit organisasi, mengambil pandangan proaktif tentang risiko serta pengagihan portfolio kredit. MEC, yang dipengerusikan oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), juga menyemak rangka kerja pengurusan risiko kredit, profil kredit portfolio penting, dan menyelaraskan pengurusan risiko kredit dengan strategi perniagaan.

Unit-unit Perniagaan menjalankan penilaian kredit yang teliti sebelum dikemukakan ke Jabatan Kredit di bawah RMD. Jabatan Kredit secara bebas akan membuat penilaian ke atas pihak rakan niaga dengan mengambil kira keteguhan kredit rakan niaga dan keperluan perniagaan sebelum membuat cadangan kepada MEC. Jabatan Kredit juga bertanggungjawab bagi merangka dan membangunkan dasar dan prosedur risiko kredit untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan melaporkan risiko kredit. Had kredit akan diluluskan oleh MEC dalam parameter risiko yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

Laporan risiko berkala yang meliputi kualiti portfolio, perubahan dalam penarafan rakan niaga dan pendedahan risiko penumpuan dikemukakan kepada BRC dan Lembaga Pengarah untuk pengawasan mereka.

#### Pendekatan Pengurusan Risiko Kredit

Pengurusan risiko kredit termasuk merangka dasar risiko kredit dan manual prosedur di mana proses, kawalan, kuasa meluluskan, penarafan/pemarkahan risiko dan semakan kredit didokumenkan. Piawaian ini meliputi asal kredit, pengukuran dan dokumentasi serta mengenal pasti masalah, klasifikasi dan langkah-langkah pemulihan.

Risiko kredit diuruskan melalui penilaian yang menyeluruh ke atas rakan niaga, menetapkan kriteria kelayakan berhemat dan menjalankan usaha wajar ke atas pinjaman dan pembiayaan yang akan dibeli. Had kredit disemak secara berkala dan ditentukan berdasarkan gabungan daripada penarafan luaran, penilaian kredit dalaman dan keperluan perniagaan. Cagamas mempunyai metodologi penarafan kredit dalaman dan Had Kelulusan Kredit Pengurusan, yang menetapkan had kelulusan kredit maksimum oleh MEC.

Semua pendedahan kredit dipantau secara berkala dan ketidakpatuhan dilaporkan secara bebas kepada Pengurusan dan BRC/Lembaga Pengarah untuk tindakan pemulihan. Aktiviti pembiayaan juga ditentukan oleh dasar kredit dalaman, manual prosedur dan Rangka Tahap Kesanggupan Menerima Risiko yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

## PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (sambungan)

### 5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

#### Bidang utama pendedahan kredit:

##### (a) Pembelian Dengan Rekursa (PWR)

Di bawah skim PWR, Cagamas mengambil risiko rakan niaga iaitu risiko kredit institusi penjualan (selling institution) memandangkan rakan niaga berjanji untuk membeli semula atau menggantikan pinjaman dan pembiayaan yang tidak layak. Had kredit rakan niaga ditentukan berdasarkan penarafan dan penilaian kredit dalaman yang menyeluruh. Semakan ke atas rakan niaga dijalankan sekurang-kurangnya sekali setahun dengan maklumat yang dikemas kini mengenai kedudukan kewangan rakan niaga, kedudukan pasaran, industri dan keadaan ekonomi, serta keperluan perniagaan. Terdapat had yang ketat terhadap pendedahan rakan niaga berdasarkan penarafan berserta penilaian kredit dalaman. Tambahan lagi, portfolio diurus dan dipantau menerusi had penumpuan kredit yang diwujudkan berdasarkan pada jenis rakan niaga, jenis aset dan jalur penarafan rakan niaga.

##### (b) Pembelian Tanpa Rekursa (PWOR)

Bagi skim PWOR, Cagamas menanggung semua risiko kredit pinjaman dan pembiayaan yang dibeli di mana pembelian adalah terhad kepada penjual dan jenis aset yang diluluskan. Pembelian pinjaman ini diuruskan melalui pematuhan kepada kriteria kelayakan yang ketat dan usaha wajar terhadap sampel portfolio sebelum pembelian. Untuk mengurangkan lagi risiko kredit, pembelian PWOR mungkin meliputi pinjaman dengan ciri pemotongan gaji secara automatik. Portfolio ini dipantau menerusi had penumpuan berdasarkan pada jenis hartanah dan lokasi.

##### (c) Skim Saraan Bercagar ("SSB")

Secara umumnya, pinjaman SSB terdedah kepada risiko cagaran dan risiko kelanjutan usia sekiranya kenaikan harga hartanah yang dicagarkan adalah lebih perlahan dan/atau jangka hayat peminjam adalah lebih panjang daripada jangkaan. Risiko portfolio SSB dikurangkan menerusi proses kelulusan yang kukuh dan komprehensif iaitu portfolio tertakluk kepada piawaian penajajaminan dan kriteria kelayakan yang ketat. Tambahan lagi, portfolio diuruskan menerusi pemantauan prestasi dinamik terhadap pendedahan kredit individu.

##### (d) Penyelesaian Pengurusan Modal (CMS), Aktiviti Pelaburan dan Derivatif

Pengurusan risiko kredit yang timbul daripada pelaburan lebih dana dilaksanakan terutamanya melalui penetapan had kredit rakan niaga. Had kredit ini diwujudkan berikutan penilaian kepercayaan kredit rakan niaga dan tertakluk kepada polisi kredit berkaitan pelaburan yang menetapkan antaranya gred minima pelaburan bagi sekuriti hutang, tempoh pemegangan maksimum, dan had penumpuan kredit. Polisi ini tertakluk kepada semakan berkala. Pendedahan kredit diuruskan melalui pemantauan bebas dan sebarang pelanggaran had akan dikemukakan kepada Pengurusan dan BRC/Lembaga Pengarah untuk tindakan pembaikan.

Pendedahan Cagamas kepada Swap Kadar Faedah (Interest Rate Swaps, IRS), Swap Kadar Keuntungan Islam (Islamic Profit Rate Swaps, IPRS), Swap Mata Wang Bersilang (Cross Currency Swaps, CCS) dan Swap Mata Wang Bersilang Islam (Islamic Cross Currency Swaps, ICCS) adalah untuk tujuan lindung nilai sahaja.

#### 5.1 Kawalan Risiko Kredit

Had kredit ditetapkan berdasarkan kedudukan kredit rakan niaga, sumber bayaran balik, keupayaan membayar hutang dan keperluan perniagaan.

Di bawah skim PWR, Cagamas menerima jaminan daripada syarikat induk rakan niaga korporat dan institusi untuk mengurangkan risiko kredit tertakluk kepada garis panduan dan dasar dalaman. Bagi pendedahan kredit yang dijamin oleh penjamin yang layak, bahagian yang terdedah diwajibkan mengikut wajar risiko yang bersesuaian dengan penjamin. Mengikut garis panduan RWCAF BNM, jaminan ini tidak boleh dipertimbangkan sekali lagi untuk tujuan pengurangan risiko kredit kerana penarafannya telah mengambil kira jaminan yang diberikan oleh syarikat induk rakan niaga tersebut.



## PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (sambungan)

## 5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

## 5.1 Pengurangan/Kawalan Risiko Kredit (sambungan)

Jadual berikut menunjukkan keperluan modal kawal selia untuk risiko kredit:

|                                                                          | Jumlah<br>Pendedahan<br>sebelum<br>Kawalan<br>Risiko Kredit<br>RM'000 | Jumlah<br>Pendedahan<br>selepas<br>Kawalan<br>Risiko Kredit<br>RM'000 | RWA<br>RM'000     | Keperluan<br>Modal<br>Minimum<br>pada 10.5%<br>RM'000 |
|--------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------|-------------------|-------------------------------------------------------|
| <b>2024</b>                                                              |                                                                       |                                                                       |                   |                                                       |
| <b>Kelas Pendedahan Risiko Kredit</b>                                    |                                                                       |                                                                       |                   |                                                       |
| <b><i>Pendedahan dalam Penyata Kewangan:</i></b>                         |                                                                       |                                                                       |                   |                                                       |
| Kerajaan & bank pusat                                                    | 2,369,698                                                             | 2,369,698                                                             | 20,153            | 2,116                                                 |
| Bank, Institusi Kewangan Pembangunan & Bank<br>Pembangunan Pelbagai Hala | 40,578,474                                                            | 40,578,474                                                            | 9,696,194         | 1,018,100                                             |
| Syarikat Korporat & Pemajikan                                            | 876,497                                                               | 876,497                                                               | 229,836           | 24,133                                                |
| Aset Gadai Janji                                                         | 6,081,488                                                             | 6,081,488                                                             | 1,619,754         | 170,074                                               |
| Aset Sewa Beli                                                           | 40                                                                    | 40                                                                    | –                 | –                                                     |
| Aset Saraan Bercagar                                                     | 4,172                                                                 | 4,172                                                                 | 1,460             | 153                                                   |
| Aset-aset Lain                                                           | 45,089                                                                | 45,089                                                                | 45,089            | 4,734                                                 |
| Pendedahan Ingkar                                                        | 18,120                                                                | 18,120                                                                | 52,817            | 5,546                                                 |
| <b>Jumlah</b>                                                            | <b>49,973,578</b>                                                     | <b>49,973,578</b>                                                     | <b>11,665,303</b> | <b>1,224,856</b>                                      |
| <b><i>Pendedahan luar penyata kewangan:</i></b>                          |                                                                       |                                                                       |                   |                                                       |
| Instrumen Kewangan Derivatif                                             | 191,292                                                               | 191,292                                                               | 37,878            | 3,977                                                 |
| <b>Jumlah Pendedahan Kredit</b>                                          | <b>50,164,870</b>                                                     | <b>50,164,870</b>                                                     | <b>11,703,181</b> | <b>1,228,833</b>                                      |
| <b>2023*</b>                                                             |                                                                       |                                                                       |                   |                                                       |
| <b>Kelas Pendedahan Risiko Kredit</b>                                    |                                                                       |                                                                       |                   |                                                       |
| <b><i>Pendedahan dalam Penyata Kewangan:</i></b>                         |                                                                       |                                                                       |                   |                                                       |
| Kerajaan & bank pusat                                                    | 1,587,347                                                             | 1,587,347                                                             | 15,075            | 1,583                                                 |
| Bank, Institusi Kewangan Pembangunan & Bank<br>Pembangunan Pelbagai Hala | 44,407,466                                                            | 44,407,466                                                            | 11,057,561        | 1,161,044                                             |
| Syarikat Korporat & Pemajikan                                            | 871,584                                                               | 871,584                                                               | 209,704           | 22,019                                                |
| Aset Saraan Bercagar                                                     | 6,878,986                                                             | 6,878,986                                                             | 2,092,302         | 219,692                                               |
| Aset Sewa Beli                                                           | 30                                                                    | 30                                                                    | 10                | 1                                                     |
| Aset Saraan Bercagar                                                     | 2,147                                                                 | 2,147                                                                 | 751               | 79                                                    |
| Aset-aset Lain                                                           | 46,949                                                                | 46,949                                                                | 46,949            | 4,930                                                 |
| Pendedahan Ingkar                                                        | 24,417                                                                | 24,417                                                                | 79,355            | 8,332                                                 |
| <b>Jumlah</b>                                                            | <b>53,818,926</b>                                                     | <b>53,818,926</b>                                                     | <b>13,501,707</b> | <b>1,417,680</b>                                      |
| <b><i>Pendedahan luar penyata kewangan:</i></b>                          |                                                                       |                                                                       |                   |                                                       |
| Instrumen Kewangan Derivatif                                             | 414,540                                                               | 414,540                                                               | 41,376            | 4,344                                                 |
| <b>Jumlah Pendedahan Kredit</b>                                          | <b>54,233,466</b>                                                     | <b>54,233,466</b>                                                     | <b>13,543,083</b> | <b>1,422,024</b>                                      |

\* RWA 31 Disember 2023 telah dinyatakan semula untuk menyelaraskan dengan pengiraan tahun semasa.

## PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (sambungan)

## 5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

## 5.2 Pengagihan Pendedahan Kredit

Rakan niaga utama Cagamas ialah Kerajaan Malaysia (GOM), institusi kewangan, institusi kewangan pembangunan dan syarikat korporat di Malaysia. Jadual berikut menunjukkan analisis pendedahan kredit aset kewangan sebelum kesan kawalan risiko kredit mengikut:

## (a) Analisis industri berasaskan pengagihan industrinya:

|                                      | Tunai dan<br>dana jangka<br>pendek<br>RM'000 | Deposit dan<br>perempatan<br>dengan<br>institusi<br>kewangan<br>RM'000 | Instrumen<br>kewangan<br>derivatif<br>RM'000 | Aset<br>kewangan<br>FVOCI*<br>RM'000 | Aset<br>kewangan<br>pada kos<br>terlunas<br>RM'000 | Jumlah<br>terhutang<br>daripada<br>rakan niaga<br>RM'000 | Aset<br>pembinaan<br>Islam<br>RM'000 | Aset<br>gadai janji-<br>Konvensional<br>RM'000 | Aset<br>gadai janji-<br>Islam<br>RM'000 | Aset<br>sewa beli-<br>Islam<br>RM'000 | Aset<br>Bercagar<br>RM'000 | Aset-aset<br>lain<br>RM'000 | Jumlah<br>RM'000  |
|--------------------------------------|----------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------|--------------------------------------|----------------------------------------------------|----------------------------------------------------------|--------------------------------------|------------------------------------------------|-----------------------------------------|---------------------------------------|----------------------------|-----------------------------|-------------------|
| 2024                                 |                                              |                                                                        |                                              |                                      |                                                    |                                                          |                                      |                                                |                                         |                                       |                            |                             |                   |
| Badan Kerajaan                       | -                                            | -                                                                      | -                                            | 2,219,137                            | -                                                  | -                                                        | -                                    | -                                              | -                                       | -                                     | -                          | 22                          | 2,219,159         |
| Institusi kewangan:                  |                                              |                                                                        |                                              |                                      |                                                    |                                                          |                                      |                                                |                                         |                                       |                            |                             |                   |
| - Bank komersial                     | 29,144                                       | 433,225                                                                | 15,403                                       | 453,930                              | 2,135,995                                          | 16,466,653                                               | 17,358,593                           | -                                              | -                                       | -                                     | -                          | -                           | 36,893,943        |
| - Bank pembangunan                   | 31,977                                       | -                                                                      | -                                            | 299,397                              | 150,040                                            | -                                                        | 3,240,022                            | -                                              | -                                       | -                                     | -                          | -                           | 3,721,436         |
